Bil. 53

Selasa
23 Oktober 2012

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Perbekalan 2013
Jawatankuasa:-
Jadual:-
Maksud B.10, B.11 dan B.12 (Halaman 19)

USUL-USUL:
Waktu Mesyuarat dan Urusan
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 17)
Usul Anggaran Pembangunan 2013
Jawatankuasa:-
Maksud P.10 dan P.70 (Halaman 19)

Diterbitkan Oleh:
CAWANGAN PENYATA RASMI
PARLIMEN MALAYSIA
2012

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.

2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB

3. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, D.U.P.N., S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO

2. " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO

3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon – *Senator*

4. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO

5. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO

6. " Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO

7. " Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) – UMNO

8. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop, (Tasik Gelugor) – UMNO

9. " Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Peter Chin Fah Kui, S.S.A.P., P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP

10. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO

11. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) – UMNO

12. " Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa bin Mohamed (Jeli) – UMNO

13. " Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS

14. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Douglas Uggah Embas (Betong) – PBB

15. " Menteri Pelancongan, Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA

16. " Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh bin Haji Omar, D.G.S.M., D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Pertahanan, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., S.S.A.P., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO

18. " Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P., D.G.S.M (Tampin) – UMNO

19. " Menteri Kesihatan, Dato' Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., (Bentong) – MCA

20. " Menteri Belia dan Sukan, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO

21. " Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, D.G.S.M (Segamat) – MIC

22. " Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi II, Dato' G. Palanivel – *Senator*

23. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO

24. " Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO

25. " Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Kong Cho Ha (Lumut) – MCA

26. " Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Aman, S.S.A.P. (Kimanis) – UMNO

27. " Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin, D.P.T.J. – *Senator*

28. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. – *Senator*

29. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Idris Jala – *Senator*

30. " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Chor Chee Heung, D.G.S.M., S.S.A.P (Alor Setar) – MCA

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRS

2. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong, P.G.D.K., A.D.K., J.P. (Sandakan) – LDP

3. " Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO

4. " Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I, Dato' Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS

5. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Datuk Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS

6. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I, Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO

7. " Timbalan Menteri Dalam Negeri I, Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO

8. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*

9. " Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP

10. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II, Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim (Batang Lupar) – PBB

11. " Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Noriah binti Kasnon, S.M.S., P.J.K., D.M.S.M., D.S.A.P (Sungai Besar) – UMNO

12. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato' Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP

13. " Timbalan Menteri Pelajaran I, Datuk Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. (Ayer Hitam) – MCA

14. " Timbalan Menteri Pengangkutan II, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP

15. " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., (Petra Jaya) – PBB

16. " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I, Dato' Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN

17. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC

18. " Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tapah) – MIC

19. " Timbalan Menteri Luar Negeri I, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*

20. " Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Datuk Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA

21. " Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I, Dato' Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO

22. " Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Dato' Saifuddin bin Abdullah, D.S.A.P., D.P.M.P., D.S.M. (Temerloh) – UMNO

23. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Dato' Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., (Kuala Pilah) – UMNO

24. " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Maznah binti Mazlan – *Senator*

25. " Timbalan Menteri Pengangkutan I, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) – UMNO

26. " Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Dr. Awang Adek Hussin, D.M.S.M., D.J.M.K., S.I.M.P., D.P.M.K., D.C.S.M., J.S.M. – *Senator*

27. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Heng Seai Kie, D.M.S.M. - *Senator*

28. " Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin, P.G.D.K., A.D.K. (Papar) – UMNO

29. " Timbalan Menteri Pelajaran II, Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO

30. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan I, Dato' Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO

31. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir (Jerlun) – UMNO

32. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M. (Pontian) – UMNO

33. Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Dato' Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA

34. " Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB

35. " Timbalan Menteri Kewangan II, Dato' Donald Lim Siang Chai – *Senator*

36. " Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II, Datuk Maglin Dennis D'Cruz – *Senator*

37. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan II, Tuan Gan Ping Sieu – *Senator*

38. " Timbalan Menteri Luar Negeri II, Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. (Serian) – SUPP

39. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. (Labis) – MCA

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang (Kanowit) – PRS

2. " Datuk Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO

3. " Dato' Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO

4. " Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh (Kalabakan) – UMNO

5. " Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1 (Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO

6. " Dato' Seri Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO

7. " Dato' Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO

8. " Datuk Abdul Wahab Dolah (Igan) – PBB

9. " Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K., (Langkawi) – UMNO

10. " Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO

11. " Tuan Haji Ahmad Lai Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB

12. " Datuk Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB

13. " Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO

14. " Yang Berhormat Dato' Seri Haji Azmi Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO

15. " Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO

16. " Datuk Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS

17. " Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO

18. " Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – SUPP

19. " Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA

20. " Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO

21. " Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO

22. " Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB

23. Yang Berhormat Dato' Henry Sum Agong (Lawas) – PBB
24. " Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M., D.C.S.M (Tangga Batu) – UMNO
25. " Dato' Ismail bin Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO
26. " Datuk Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO
27. " Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
28. " Dato' Seri Dr. Jamaluddin Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO
29. " Tan Sri Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
30. " Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO
31. " Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan (Hulu Selangor) - MIC
32. " Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau) – UMNO
33. " Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN
34. " Dato' Lilah bin Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO
35. " Datin Linda Tsen Thau Lin (Batu Sapi) – PBS
36. " Datuk Dr. Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. (Putatan) – UPKO
37. " Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS
38. " Datuk Matulidi Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO
39. " Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO
40. " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO
41. " Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO
42. " Dato' Mohd. Jidin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO
43. " Datuk Mohd. Nasir Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO
44. " Tuan Haji Mohd. Nor Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO
45. " Tuan Mohd. Nizar Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO
46. " Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
47. " Dato' Sri Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.M.S., D.P.T.J., S.S.A.P., J.P. (Sepang) – UMNO
48. " Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB
49. " Puan Hajah Nancy Shukri (Batang Sadong) – PBB
50. " Datuk Hajah Norah Abd. Rahman (Tanjong Manis), P.J.N. – PBB
51. " Dato' Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO
52. " Datuk Nur Jazlan Mohamed (Pulai) – UMNO
53. " Dato' Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong Malim) – MCA
54. " Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting, P.M.N., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA

55. Yang Berhormat Dato' Sri Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA
56. " Tan Sri Rafidah Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO
57. " Datuk Raime Unggi (Tenom) – UMNO
58. " Tuan Haji Salleh Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO
59. " Datuk Sapawi Ahmad Wasali (Sipitang) – UMNO
60. " Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
61. " Dato' Shamsul Anuar Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO
62. " Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO
63. " Dato' Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) – PBB
64. " Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J., D.P.P.N., D.G.S.M., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO
65. " Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasir Salak) – UMNO
66. " Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA
67. " Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA
68. " Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO
69. " Tan Sri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO
70. " Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) – UMNO
71. " Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP
72. " Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP
73. " Datuk Dr. Tekhee @ Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP
74. " Datuk Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA
75. " Tuan William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS
76. " Datuk Haji Yusof Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO
77. " Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. " Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)
3. " Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. " Tuan Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. " Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)
6. " Dato' Seri Anwar Ibrahim (Permatang Pauh)
7. " Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
8. " Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua (Batu)
9. " Puan Fuziah Salleh (Kuantan)

10. Yang Berhormat Tuan Gwo Burne Loh (Kelana Jaya)
11. " Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
12. " Dato' Johari Abdul, D.S.D.K., (Sungai Petani)
13. " Dato' Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)
14. " Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
15. " Tuan Mohamed Azmin Ali (Gombak)
16. " Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
17. " Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
18. " Dato' Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
19. " Tuan R. Sivarasa (Subang)
20. " Dato' Saifuddin Nasution Ismail (Machang)
21. " Tuan S. Manickavasagam (Kapar)
22. " Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
23. " Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)
2. " Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
3. " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
5. " Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
6. " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. " Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
8. " Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
9. " Tuan Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
10. " Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong)
11. " Tuan John Fernandez (Seremban)
12. " Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
13. " Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
14. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
15. " Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
16. " Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
17. " Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)
18. " Tuan M. Manogaran (Telok Intan)
19. " Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
20. " Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas)
21. " Prof. Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. " Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. " Tuan Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. " Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)

25. Yang Berhormat Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
26. " Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. " Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. " Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
29. " Tuan Wong Ho Leng (Sibu)

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang (Marang)
2. " Dato' Ab. Halim bin Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)
3. " Tuan Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. " Dr. Che Rosli Che Mat (Hulu Langat)
5. " Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. " Dato' Kamaruddin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. " Tuan Khalid Abd. Samad (Shah Alam)
8. " Dato' Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K., (Pokok Sena)
9. " Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin (Bukit Gantang)
10. " Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid bin Endut (Kuala Terengganu)
11. " Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar (Jerai)
12. " Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli (Kuala Krai)
13. " Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
14. " Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
15. " Tuan Muhammad bin Husin (Pasir Puteh)
16. " Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
17. " Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa (Bachok)
18. " Tuan Salahuddin Haji Ayub (Kubang Kerian)
19. " Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)
20. " Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
21. " Dato' Haji Taib Azamudden Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
22. " Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

AHLI (PSM)

1. Yang Berhormat Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)

AHLI (Bebas)

1. Yang Berhormat Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau)
2. " Datuk Eric E. Majimbun, P.G.D.K. (Sepanggar)
3. " Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)
4. " Dato' Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)
5. " Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin, P.G.D.K., S.P.D.K., J.M.N., J.P. (Beaufort)

6. Yang Berhormat Tuan Mohsin Fadzli Samsuri (Bagan Serai)
7. " Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)
8. " Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
9. " Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing, S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran)
10. " Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)
11. " Dato' Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu)

Kosong

1. - Tiada - (Titiwangsa)

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Dato' Lamien bin Sawiyo

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Encik Che Seman bin Pachik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)
Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir
Noraidah binti Manaf
Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Siti Norlina binti Ahmad
Hazwani Zarifah binti Anas
Mohd. Zaidi bin Mahmood

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 23 Oktober 2012

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, berapakah jumlah produk yang telah ditarik balik daripada pengeluaran sejak lima tahun lepas dan mengapakah makluman tentang produk-produk yang tidak selamat dan yang telah dikeluarkan arahan penarikan balik daripada pasaran oleh agensi-agensi kerajaan yang berkaitan tidak didedahkan kepada pengguna secara berterusan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I [Dato' Tan Lian Hoe]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bahawa kementerian ini melalui Perintah Perlindungan Pengguna (Larangan Terhadap Barang Yang Tidak Selamat) 2011 yang dikuatkuasakan pada 26 Ogos 2011 telah membuat larangan pembekalan ke atas barang pengguna yang dinamakan *seven colors crystal ball* dan apa-apa barang yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengannya sebagai tidak selamat di mana barang ini telah menyebabkan kecederaan kepada kanak-kanak. Hebahan juga telah dibuat melalui notis pemberitahuan di surat khabar dan media massa umum agar pihak pembekal berkaitan menarik balik barang tersebut daripada pasaran dalam tempoh satu bulan dari tarikh kuat kuasa perintah berkaitan dengan menggunakan perbelanjaan pembekal itu sendiri. Pengiklanan juga telah dimasukkan di dalam surat khabar dan laman web bagi memaklumkan dan meningkatkan kesedaran pengguna berhubung larangan ini.

Selain itu, aktiviti pemantauan pasaran dan penguatkuasaan juga telah dibuat oleh kementerian bagi memastikan barang ini tidak dibekalkan di pasaran Malaysia. Namun begitu tidak semua barang pengguna di pasaran adalah di bawah seliaan kementerian ini kerana ia turut melibatkan bidang kuasa kementerian atau agensi kerajaan yang lain. Sebagai contoh, peralatan elektrik bagi kegunaan pengguna adalah di bawah seliaan Suruhanjaya Tenaga, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Malaysia (KeTTHA), manakala bagi barang pengguna seperti makanan, kosmetik, dan ubat-ubatan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia.

Selain itu, kementerian ini juga sedang dalam usaha untuk memastikan lebih banyak standard keselamatan bagi barang pengguna dapat dimandatorikan demi menjamin keselamatan dan kesejahteraan pengguna. Peranan pengguna juga penting untuk tampil dan membuat aduan ke atas mana-mana barang pengguna yang diragui tidak selamat, di mana tindakan dapat diambil ke atas pihak yang diadu dengan kadar yang segera. Terima kasih.

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau kita lihat di pasaran negara kita, terdapat berbagai-bagai-bagai produk sama ada tempatan ataupun luar negeri yang masuk ke negara kita, yang tarikh tempoh gula sudah luput, barangan seludup, cetak rompak serta barang-barang yang diragui kehalalannya.

Saya hendak tanya kementerian Menteri, berapakah jumlah tindakan undang-undang ataupun tangkapan yang telah dibuat sepanjang tahun 2012 ini terhadap pembekal-pembekal yang melanggar peraturan di bawah kementerian ini? Kita perhatikan, saya tengok pelaksanaan tindakan penguat kuasa ini tidak selaras. Kementerian masing-masing buat kerja. Kementerian Kesihatan Malaysia buat cara dia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan kemudian Kementerian Dalam Negeri dan berbagai-bagai-bagai. Jadi, ini menimbulkan berbagai-bagai masalah.

Saya ingin bertanya yang keduanya, adakah kerajaan dan kementerian bercadang supaya KPDNKK ini menjadi penyelaras ataupun urus setia kepada kementerian-kementerian dalam negara kita ini yang terlibat dengan barang pengguna ini sebagai urus setia supaya apa juga *enforcement* atau penguat kuasa yang dilakukan dapat jalan dengan serentak. Kadang-kadang berlaku benda yang tidak seragam, selaras dan pelaksanaannya. Terima kasih.

Dato' Tan Lian Hoe: Terima kasih Yang Berhormat Maran atas soalan tambahan ini. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini bahawa untuk memastikan iaitu isu keselamatan produk ini selamat untuk digunakan oleh pengguna. Untuk makluman semua bahawa jawatankuasa sebenarnya telah pun ditubuhkan di setiap kementerian sebab kita tahu bahawa banyak daripada barangan ini bukan di bawah iaitu seliaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Akan tetapi cadangan Yang Berhormat berkaitan dengan iaitu untuk supaya KPDNKK mengujudkan satu jawatankuasa untuk menyelia akan dipertimbangkan oleh kementerian ini.

Selain itu, untuk makluman Yang Berhormat berkaitan dengan iaitu berapakah penguatkuasaan terhadap syarikat-syarikat yang telah pun – seperti berkaitan dengan barangan, tarikh luput dan tidak menepati standard keselamatan ini. Setakat ini pada tahun 2012, kita telah pun menerima lapan aduan dan untuk penarikan barangan ini sedang disiasat. Begitu juga iaitu sampel barangan mainan kanak-kanak yang hantar ke Jabatan Kimia adalah sebanyak 15 barang, 12 kes keputusannya telah pun ditolak dan tiga keputusan ialah *pending case*, ya.

■1010

Dari semasa ke semasa juga kita iaitu kementerian ini menjalankan penguatkuasaan untuk memastikan bahawa kesejahteraan dan keselamatan pengguna adalah terjamin. Juga penggubalan peraturan-peraturan teknikal melalui penempatan iaitu standard keselamatan bagi barang pengguna yang dikenal pasti berisiko ini sedang diberi perhatian serius, dan buat masa ini adalah barang-barang seperti alat ganti automatif khususnya iaitu helmet, tayar dan *break plate* yang selalunya yang telah pun akibat tidak mematuhi keselamatannya maka berlaku banyak meragut nyawa pengguna. Begitu juga bateri dan barang kegunaan bayi serta kanak-kanak seperti *toys* dan barang permainan kanak-kanak di mana kita ada label *MC* iaitu *Malaysia Conformity.* Begitu juga hari ini kita sedang membuat kajian terhadap buaian dan puting kanak-kanak ini. Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang kedudukan ataupun peranan yang dimainkan oleh tribunal. Mengikut perundangan yang sedia ada, apakah peranan tribunal? Adakah dia sekadar memainkan peranan pendengaran sahaja ataupun dia mempunyai kausa penguatkuasaan sekiranya sesuatu *judgment* tidak diakuri, tidak diendahi oleh pihak-pihak yang perlu menjalankan arahan tribunal itu tetapi tidak jalan?... *[Disampuk]* Ha, tidak dipatuhi. Apakah tindakan yang secepat mungkin boleh diambil terhadap pihak yang berkenaan, yang degil tidak menghormati *judgment* tribunal? Perkara ini sudah berlaku di kawasan saya juga. Saya rasa amat kecil hati kerana tindakan begitu lambat. Ini akan menyebabkan pengguna-pengguna hilang keyakinan terhadap peranan tribunal. Minta penjelasan.

Dato' Tan Lian Hoe: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Tebrau. Sebenarnya TTPM ini ia adalah satu badan yang diberi kepada pengguna untuk membawa kes ini seperti dalam mahkamah tetapi dengan kos yang begitu minimumlah iaitu RM5 sahaja. Apabila pihak tribunal pengguna ini, TTPM ini telah pun membuat *judgment,* kita sebenarnya berharap iaitu pihak yang berkenaan harus kalau perlu memberi pampasan, mereka perlu buat. Akan tetapi kita tahu bahawa ada aduan-aduan yang telah diterima oleh pihak pengadu yang akhirnya *judgment* apabila dikeluarkan tetapi malangnya ada syarikat-syarikat tidak menjalankan *judgment* itu.

Oleh sebab itu, untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya TTPM hanya mengeluarkan *judgment* tetapi akhirnya penguatkuasaan itu akan diletakkan kepada pihak penguat kuasa. Pihak penguat kuasa sebenarnya tidak boleh terus pergi menangkap mereka tetapi perlu ada *review* terhadap *judgment* itu dan selepas itu pihak syarikat itu perlu memberi sebab-sebab mengapa adanya kelambatan dan sebagainya, dan kemudian barulah pihak penguat kuasa boleh membuat penguatkuasaan yang seterusnya. Terima kasih.

2. Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan tentang penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa Akta Pengambilan Tanah Negara oleh beberapa buah kerajaan negeri:

(a) nyatakan tujuan-tujuan utama yang dibenarkan untuk setiap projek yang melibatkan pengambilan tanah; dan

(b) apakah tindakan yang akan diambil terhadap kerajaan negeri atau agensinya, jika tujuan pengambilan asal telah ditukar.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Terima kasih. Selamat pagi dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah seksyen 3(1), Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 yang memperuntukkan bahawa Pihak Berkuasa Negeri (PBN) boleh mengambil mana-mana tanah yang diperlukan untuk tujuan-tujuan seperti berikut:

(i) bagi maksud awam seperti sekolah, pejabat kerajaan, balai raya dan sebagainya;

(ii) bagi maksud memberi manfaat kepada pembangunan ekonomi Malaysia atau sebahagian daripadanya seperti kilang dan sebagainya; atau

(iii) bagi maksud perlombongan atau perumahan, pertanian, perniagaan, perusahaan, atau maksud rekreasi atau mana-mana kombinasi daripada maksud itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, menurut Perlembagaan Persekutuan, tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri termasuk urusan pengambilan tanah seperti yang termaktub dalam Senarai 2, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan tidak boleh campur tangan dalam urusan tanah negeri.

Dalam hal tujuan asal pengambilan tanah yang telah ditukar atas sebab-sebab tertentu seperti tujuan asal tidak lagi relevan pada masa ini seperti berlaku perubahan lokasi, dasar kerajaan, perubahan perancangan pembangunan dan sebagainya, maka kerajaan negeri atau agensi berkenaan boleh mengubah tujuan asal pengambilan tersebut mengikut keadaan ataupun keperluan semasa. Ini kerana ia dibenarkan melalui peruntukan seksyen 68A Akta Pengambilan Tanah 1960. Perubahan ini tidak membatalkan pengambilan terdahulu. Sekian.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sungguhpun dikatakan tujuan untuk menjalankan satu pengambilan berasaskan dari beberapa keperluan dalam syarat atau dalam akta. Saya bangkit perkara ini Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana kita telah dapat beberapa kes yang kita menganggap bahawa pihak kerajaan negeri telah menyalahgunakan akta ini demi kepentingan kroni atau individu-individu.

Jika Barisan Nasional selalu katakan rakyat didahulukan, saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bahawa jika satu projek pembangunan komersial atau swasta akan dijadikan swasta, jika tidak melibatkan tuan tanah atau kepentingan tuan tanah dalam perbincangan atau perundingan atau penglibatan mereka dalam projek pembangunan ini, mereka telah boleh kata ditindas kerana jika satu pengambilan tanah digunakan untuk tujuan sebegini untuk tujuan awam, tidak spesifik apakah tujuan awam itu dan apakah projek awam yang akan dilaksanakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ringkaskan Yang Berhormat.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Saya ingin bagi contoh ini. Nampak kalau Borang D ini katakan untuk tujuan awam tetapi yang sebenarnya projek ini telah diluluskan untuk dibangunkan cadangan pembangunan kedai pejabat tiga tingkat. *So* inikah cadangan pembangunan kedai pejabat tiga tingkat sebagai tujuan awam? Dan dia diserahkan kepada swasta atau kepada kroni. Sebab itu saya ingin tanya, dalam pampasan dalam projek sebegini, mereka ikut pampasan kerana tujuan awam dan bukan ikut kadar pasaran. Ini sudah menjejaskan kepentingan tuan tanah.

■1020

Mereka langsung tidak diberitahu lebih awal apakah kerana tujuan awam ini, tuan tanah hanya terpaksa menyerahkan tanah mereka dengan kadar pampasan yang amat rendah. Oleh sebab itu saya minta Yang Berhormat Menteri, jika dapat menjalankan, apakah pemantauan atau kawalan terhadap kejadian begini. Kalau tidak, kita hanya benarkan kerajaan negeri teruskan dengan apa yang mereka hendak buat.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Pertamanya, saya ingin menjawab terlebih dahulu berkaitan dengan tuan punya tanah di mana yang dikatakan tidak terlibat untuk berbincang dalam perkara ini. Kemungkinan besar mengikut kata Yang Berhormat ialah orang itu akan mengalami kerugian oleh sebab pampasan tidak mencukupi. Seperti mana Ahli Yang Berhormat tahu bahawa perlembagaan kita memperuntukkan apabila kita mengambil tanah secara paksa, maka tuan punya rumah itu semestilah dibayar dengan pampasan *at market price. At market price* ya? Ini yang selalu kita buat.

Kedua, tujuannya itu sudah cukup jelas dengan apa yang diberikan oleh peruntukan itu bahawa kalau pada mulanya- kalau Yang Berhormat lihat definisi untuk awam itu telah diberi di dalam Akta Pengambilan Tanah, kalau sekiranya *purpose* atau tujuan pengambilan tanah itu ditukar, itu pun juga dibolehkan oleh seksyen 68 Akta Pengambilan Tanah. Akan tetapi dalam kesemua perkara ini Ahli Yang Berhormat ialah setakat ini, di peringkat kementerian, kami sebenarnya belum lagi menerima sebarang aduan berkaitan dengan salah guna akta ini. Sekian.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masih tentang pengambilan balik tanah. Kalau amalan sekarang, keadaan tanah (TOL) atau tanah bertaraf sementara ini kalau diambil alih, kerajaan hanya bayar pampasan apa-apa binaan di atasnya seperti bangunan, rumah dan sebagainya. Tanah tidak ada kos. Akan tetapi apa pandangan kerajaan, adakah Kerajaan Pusat akan mendapat kerjasama daripada kerajaan negeri untuk menghalang mana-mana tanah TOL daripada bertukar taraf menjadi status pemilikan kekal atas kepentingan politik yang akhirnya menyebabkan kos pengambilan balik tanah, tinggi dan sudah tentu menyusahkan kerajaan? Adakah Kerajaan Pusat akan mendapat kerjasama daripada kerajaan negeri bagi tujuan tersebut? Sekian, terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya sebentar tadi saya sudah tekankan bahawa pentadbiran tanah ini adalah di bawah bidang kuasa semata-mata oleh kerajaan negeri. Saya sudah cakapkan sebentar tadi, kita tidak boleh campur tangan. Jadi, kalau ada kes seperti mana yang berlaku yang dikatakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, saya berpendapat wajarlah bagi kes itu dirujuk kepada kerajaan negeri yang berkenaan. Terima kasih.

3. Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta Perdana Menteri menyatakan, adakah ahli-ahli panel Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) mendapat pembelaan daripada kerajaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, Bahagian IV, Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia [Akta 597] dengan jelas memperuntukkan berkenaan kakitangan suruhanjaya terutamanya dalam seksyen 18 mengenai Perlindungan Anggota, Pegawai dan Pekhidmat Suruhanjaya. Ada dinyatakan dalam seksyen 18 akta tersebut iaitu seksyen 18(1), *"Bahawa tiada sebarang tindakan guaman, pendakwaan atau prosiding mahkamah boleh dikenakan terhadap Suruhanjaya dan anggota Suruhanjaya, pegawai atau pekhidmat Suruhanjaya atas apa-apa perlakuan yang dilakukan olehnya dengan syarat dia sedang menjalankan fungsi dan tanggungjawab Suruhanjaya ketika itu."*

Seksyen 18(2), *"Suruhanjaya dan anggota Suruhanjaya, pegawai atau pekhidmat Suruhanjaya tidak boleh diarahkan untuk mengemukakan, mendedahkan apa-apa dokumen yang diterima olehnya atau apa-apa perkara yang diketahuinya kepada mahkamah dan selagi mana proses siasatan yang dijalankan oleh Suruhanjaya sedang berlangsung."*

Seksyen 18(3), *"Anggota Suruhanjaya tidak boleh dikenakan apa-apa tindakan mahkamah melibatkan prosiding sivil atau jenayah terhadap sebarang bentuk laporan yang dibuat oleh suruhanjaya atau terhadap pihak lain walaupun perkara itu dianggap benar."*

Seksyen 18(4), *"Anggota Suruhanjaya, pegawai atau pekhidmat Suruhanjaya adalah tertakluk kepada peruntukan yang sama dengan pekhidmat awam dalam Bab IX dan X Kanun Keseksaan."*

Peruntukan di bawah seksyen 18 Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia jelas memberikan perlindungan kepada suruhanjaya dan anggota suruhanjaya daripada sebarang tindakan mahkamah yang melibatkan prosiding sivil atau jenayah pada ketika beliau menjalankan fungsi dan tanggungjawab sebagai anggota suruhanjaya.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana berjanji menjawab soalan nombor 3. Dari awal janji akan menjawab, terima kasih. Yang Berhormat Menteri... *[Disampuk]* Ini Yang Berhormat Ipoh Barat dengarlah dahulu. Dengar, dengar.

Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja ahli panel ini memang seakan-akan tugas macam Jabatan Audit Negara. Seakan-akan tugas menyiasat, mengkaji dan mendengar rentetan, rintihan daripada akar umbi sampailah ke tahap yang tertinggi. Kadang-kadang berlagak macam Yang Berhormat Ipoh Barat ahli-ahli ini, mengkritik kerajaan Yang Berhormat Menteri.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Kalau benar, apa salahnya?

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Kita meneliti undang-undang yang dibaca oleh Yang Berhormat Menteri ini tadi, apa jadi kalau ahli-ahli ini sentiasa mengkritik kerajaan dan ada juga kritikan yang dibuat di Sarawak sampai ahli panelnya diharamkan masuk ke negeri itu. Ini kita sedar. Kadang-kadang kuasa imigresen ini tetap kerajaan negeri punya. Akan tetapi kalau dia mengkritik kerajaan sampai membantu pembangkang atas isu-isu yang menjatuhkan kerajaan, apakah tindakan kerana imuniti terlampau kuat. Itu soalan saya Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Ipoh Barat, tidak ada pakat, ya. Saya janji dengan dia, mahu jawab, sebab saya ada Timbalan Menteri. Dia tidak mahu Timbalan Menteri jawab. Dia mahu Menteri jawab. Itu sahaja.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Dia tidak percaya Timbalan Menteri lah bukan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Bukan. Maknanya, apabila Menteri jawab, dia lebih berkeyakinan dan memang betullah pun. Tuan Yang di-Pertua, kita telah membentuk suruhanjaya ini dan betul seperti mana Yang Berhormat sebut bahawa dia merupakan pengaudit berkenaan dengan perkara-perkara yang ada kaitan dengan hak asasi manusia. Jadi daripada segi kerajaan, kalau satu-satu kritikan itu dibuat kerana atas perkara hak asasi manusia yang difikirkan oleh mereka iaitu pada pandangan mereka telah berlaku pencerobohan, kerajaan tidak ada masalah. Ini kerana kita fikirkan itu bahawa tidak mungkin seorang suruhanjaya boleh menjatuhkan kerajaan begitu kuat dan kukuh.

■1030

Kita mendukung hak asasi manusia. Oleh kerana, kadang kala seperti mana kita semua sedia maklum, kerajaan mempunyai agensi-agensi yang begitu banyak sekali. Sudah tentu kakitangan agensi-agensi ini berjumlah beratus ribu. Polis sahaja 100,000.

Jadi, kemungkinan kalau ada satu, dua, tiga yang telah menjalankan tugas mereka tetapi telah dilihat sebagai menceroboh hak asasi individu, daripada segi kerajaan tidak ada masalah kalau ianya dibangkit, kerana perkara itu berlaku mungkin di atas perbuatan individu itu sahaja, bukan dengan arahan daripada pihak kerajaan ataupun yang bertanggungjawab. Jadi, Yang Berhormat jangan bimbang.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Kalau fitnah macam mana? Fitnah kerajaan?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Fitnah, saya sebut tadi mungkin daripada segi pandangan mereka. Kerajaan tidak berhajat sebenarnya dengan izin *clip the wings of commissioners* sebab kita telah berjanji iaitu mereka hendaklah diberikan kebebasan untuk menjalankan tugas mereka dan mereka telah pun dilantik untuk menjadi suruhanjaya. Jadi, kita kena beri segala kebebasan kepada mereka untuk menjalankan tugasnya termasuk kalau mereka mengkritik kerajaan.

Kita lihat pada hari ini iaitu Pengerusi SUHAKAM membuat kenyataan yang boleh ditafsirkan sebagai bukan mengkritik kerajaan, menegur kerajaan.

Akan tetapi, kita tidak ada masalah. Ada teguran yang kita fikirkan betul, kita cuba perbetulkan keadaan. Ada kritikan yang kita anggap, kita punyai asas untuk meneruskan dengan tindakan itu, kita akan teruskan. Akan tetapi, yang penting ialah kita beri mereka seperti bawah seksyen 18 tadi, perlindungan yang mencukupi supaya mereka dapat menjalankan tugas mereka dengan baik.

Human Rights Committee di Geneva telah memberikan mereka rating A kerana itu banyak daripada perkara yang dilakukan oleh kerajaan yang tidak menyekat mereka untuk menyiasat dengan sepenuhnya dan mengeluarkan kenyataan yang boleh dikatakan sebagai menegur kerajaan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, peranan yang patut dimainkan oleh SUHAKAM. SUHAKAM adalah satu badan yang menjadi kawal selia *the fountain of safeguard on human rights.* Itu peranan dia kalau kita tengok tahun 1999 bila ia diluluskan. Akan tetapi, kalau kita tengok dalam proses yang dimainkan oleh SUHAKAM, bukan sedemikian. Sekarang, menjadi satu posmen mengambil apa-apa *report* walaupun dia buat banyak kritik dan sebagainya, dia hantar kepada Parlimen dan sebagainya, *no debate*.

Adakah kerajaan setuju atau boleh fikir atau ambil terima bahawa satu hari atau dua hari patut diberi, saya rasa untuk membahaskan apa-apa *report,* apa-apa cadangan yang dibuat oleh SUHAKAM. Itu nombor satu.

Nombor dua, berkaitan dengan perkara ini, ramai di antara persepsi macam orang ada persepsi mengenai SPR, menjadi satu agensi kerajaan, agensi UMNO. Persepsi SUHAKAM juga menjadi satu *toothless tiger, nothing happens*.

Jadi, macam dalam bahasa Cina dengan izin dia kata '*mongalofu*', dalam Tamil '*palle illathe singam'*. *You know, it is a toothless tiger*. Apakah yang boleh dibuat untuk memberi lebih kuasa, lebih makna kepada SUHAKAM, supaya ia menjadi satu badan yang betul-betul menjadi kawal selia, hal berkaitan dengan SUHAKAM seperti di *South Africa*, Indonesia dan lain-lain negara macam dari India. Di negara-negara tersebut ada mahkamah tertentu untuk hak asasi.

Adakah kerajaan rela untuk mengimplementasikan cadangan-cadangan ini walaupun Yang Berhormat mengatakan mendapat A dan sebagainya di Geneva, kita patut dapat *A plus*. Apakah usaha dan apakah cadangan saya ini boleh diimplementasikan? Kalau tidak, kenapa tidak? Ini kerana kami percaya bila kita ambil kerajaan, kita akan implementasi semua ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang ini yang bercakap ini sudah dapat kebenaran Yang Berhormat Taiping kah? Saya hendak tahu juga, pasal persepsi sayalah. Ini kerana di Perak, DAP Perak yang berkuasa Yang Berhormat Beruas dan Yang Berhormat Taiping, bukan Yang Berhormat. Persepsi, persepsi sahaja, jangan marah.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak daripada jawapan kepada persoalan daripada Yang Berhormat tadi telah pun dijawab oleh Yang Berhormat. Pertama, disebut tentang kawal selia tadi. Memang kerja dia kawal selia. Kemudian, Yang Berhormat menyebut sebentar tadi tidakkah kita perlu satu mahkamah. Jadi, bermakna SUHAKAM tidak boleh lebih daripada apa yang sudah kita berikan kepada dia. Kalau ada pencerobohan soal-soal hak asasi manusia, Yang Berhormat sendiri sebut mahkamah yang boleh putus, bukan mereka. Bukan SUHAKAM. SUHAKAM tidak boleh jadi mahkamah. Akan tetapi, kalau saya kata...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: No, saya kata *human rights court*. Itu yang saya cadangkan. SUHAKAM *is a different body, human rights court*.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Cakaplah betul-betul. Dia kata *toothless*. Kalau persepsinya *toothless* kerana SUHAKAM ini tidak boleh buat apa lebih daripada apa yang buat sekarang, *toothless* lah maknanya. Akan tetapi, banyak perkara-perkara yang kita mahu *extension* daripada dia punya tanggungjawab dia, memerlukan kepada agensi-agensi lain. SUHAKAM tidak boleh menangkap orang.

Akan tetapi, kalau ada seseorang yang hendak ditangkap, dia kena *report* pada polis. SUHAKAM tidak boleh pinda undang-undang, sebab dia bukan Parlimen. Nanti Yang Berhormat pun marah. SUHAKAM dia buat siasatan, kemudian dia rasa ada perlu satu undang-undang baru, dia boleh buat. Tidak boleh. Mesti ada Parlimen. Kalau hendak mendakwa orang atas satu-satu masalah, dia tidak boleh jadi mahkamah, dia mesti ada mahkamah lain.

Jadi, sebab itu Yang Berhormat sebelum tanya fikir dahulu. Apa yang ada sekarang, saya setuju iaitu kita bagi kebebasan sepenuh-penuhnya kepada SUHAKAM untuk mereka menyiasat termasuk undang-undang kita. Siapa kata SUHAKAM sebenarnya apa yang dicadangkan oleh mereka itu tidak dilaksanakan oleh kerajaan?

ISA daripada dahulu, dikritik oleh SUHAKAM. Akhirnya, kerajaan mendengar dan kita pinda, malah bukan pinda, kita hapuskan ISA. Jadi, bermakna SUHAKAM punyai peranan. Yang Berhormat Kota Melaka kalau hendak bercakap, tolong berdiri. Jangan menjerit-jerit dari situ sebabnya saya tidak boleh hendak jawab. Yang Berhormat Telok Intan?

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Sebab Pakatan bukan SUHAKAM.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak, bukan. Jangan perasan. Ini kerana dalam Pakatan pun tidak mengamalkan *human rights*. Banyak daripada ahli yang tidak menyokong Pakatan dibuang sahaja ataupun dihalau keluar pergi ke BEBAS sana. Jadi, Pakatan bukan Pakatan, ini SUHAKAM. Jadi, saya hendak kata di sini kalau ada perkara-perkara yang tertentu, Yang Berhormat fikirkan iaitu perlu kita lakukan untuk membantu SUHAKAM, kita sentiasa mendengar.

Sebagai contoh, saya bersetuju iaitu laporan SUHAKAM tidak sahaja dibentang, kerana mereka telah menjalankan kerja mereka. Kalau dalam masa satu tahun dia buat kerja dengan laporan yang tebal hanya dibentang, saya fikirkan itu tidak berlaku adil kepada mereka. Saya rasa Parlimen itu perlu *scrutinized* melihat perkara-perkara yang dibangkit – kalau perlu bantuan, tindakan seterusnya oleh Parlimen, kita harus lakukan.

Akan tetapi, isu *human rights* ini satu isu yang penting. Saya tidak fikir itu bahawa dalam kita boleh mengetepikan satu hari, kemudian kita bincang laporannya sahaja. Kemudian apa? Saya fikir ada lebih penting sedang kita bincangkan di mana kemungkinan satu *Select Committee* yang lebih tetap, sama seperti *House Committee* yang merupakan *permanent committee*. Macam PSC. Kita perlu bentuk supaya perkara ini tidak hanya dibincang pada satu hari sahaja tetapi perlu diteruskan macam mana PAC membincangkan *Auditors Report*. Begitu juga SUHAKAM.

■1040

Bukan SUHAKAM. Maaf. Satu *committee* yang *permanent* yang terdiri daripada beberapa Ahli-Ahli Parlimen kita, boleh mengadakan sidang *parallel* di mana waktu kita bersidang, mereka pun bersidang. Ataupun di luar persidangan kita mereka boleh bersidang untuk memastikan perkara-perkara yang dibangkit di dalam laporan itu boleh terus diperjuangkan.

Jadi itu lebih bermakna daripada *window dressing*. Letak satu hari. Saya boleh umum dengan bangga, *"Parlimen Malaysia bersetuju untuk mengadakan satu hari bincang Laporan SUHAKAM."* Lepas itu apa? Habis. Kita lebih berminat iaitu bukan untuk *window dressing* tetapi untuk *addressing* masalah-masalah *human rights* dalam negara kita dan ia boleh dilakukan melalui mungkin kita bincang penubuhan satu *House Committee* yang *permanent*.

Setiap kali apabila Parlimen dibubar kemudian kita tubuh balik Parlimen. Pada hari pertama bukan sahaja kita memilih *House Committee* tetapi juga kita memilih *permanent* – bukan sahaja memilih PAC tetapi kita juga memilih *Human Rights Select Committee* yang saya rasa lebih berkesan daripada hanya *window dressing* ataupun melepaskan batuk di tangga dengan mengetepikan satu hari untuk perbincangan Laporan SUHAKAM.

■1040

4. Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, apakah status tebatan banjir yang telah dilaksanakan semenjak 2008 hingga kini yang belum dapat diatasi masalah banjir di Lembah Klang.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya cukup prihatin terhadap masalah banjir yang berlaku di Lembah Klang.

Punca utama berlaku banjir adalah limpahan daripada sungai-sungai seperti Sungai Gombak, Sungai Klang, Sungai Buloh serta anak-anak sungai. Selain itu faktor-faktor tempatan seperti ketidakupayaan kapasiti sistem saliran sedia ada dan penyelenggaraan yang tidak mengikut jadual juga turut menyumbang kepada masalah banjir.

Kejadian banjir kilat baru-baru ini, adalah di luar jangkaan dan berpunca daripada hujan lebat yang luar biasa. Kejadian ekstrem ini dikaitkan dengan kesan fenomena perubahan iklim. Bagi menangani masalah banjir di Lembah Klang, kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan projek-projek tebatan banjir termasuk terowong SMART yang telah siap pada tahun 2007.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, pihak JPS telah melaksanakan sembilan projek rancangan tebatan banjir di Lembah Klang yang melibatkan peruntukan sebanyak RM427.7 juta. Antaranya ialah rancangan tempatan banjir Lembangan Sungai Damansara yang menelan belanja sebanyak RM359.8 juta. Projek-projek rancangan tempatan banjir ini telah berjaya mengurangkan 20 peratus daripada kawasan banjir di Lembah Klang.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, sebanyak RM64.58 juta telah diluluskan untuk projek tempatan banjir Sungai Damansara. Daripada jumlah ini, sebanyak RM20 juta telah diluluskan di dalam *First Rolling Plan* tahun 2011 sehingga tahun 2012. Selain itu, pihak JPS juga menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan sungai secara berkala yang dilaksanakan tiga kali setiap tahun bagi memastikan kelancaran pengaliran sungai seterusnya dapat mengurangkan risiko banjir.

Di samping itu, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan juga mempunyai tanggungjawab berat dalam mengatasi kejadian banjir termasuk di bandar-bandar. Peranan PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) adalah sangat penting dalam mengenal pasti kawasan serta parit dan longkang yang berisiko tinggi yang boleh menyebabkan kejadian banjir serta menyelenggarakan sistem perparitan dalaman agar ia bebas daripada sampah sarap supaya aliran air tidak tersekat. Sekian.

Dr. Che Rosli Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Setiap kali banjir melanda Lembah Klang seperti di Klang, Damansara, di Hulu Langat akan menelan belanja yang besar dan menyebabkan kerugian harta benda.

Saya ingin mengambil contoh kejadian banjir yang berlaku pada 8 Mac 2012 baru-baru ini. Contohnya di tempat saya di Hulu Langat melibatkan 3,500 rumah, kerugian harta benda dalam anggaran RM3,000 untuk satu rumah dan menjangkau RM10.5 juta. Sumbangan-sumbangan daripada kerajaan pusat melalui 1MDB, Kerajaan Selangor -zakat, Bank Rakyat dan badan-badan lain berjumlah lebih RM10.3 juta. Jadi lebih RM20 juta sekali banjir.

Sepanjang saya mengambil pentadbiran ini daripada tahun 2008, sudah enam kali banjir. Jadi bermakna sudah hampir RM120 juta hilang. Jadi oleh sebab itulah, saya telah beberapa kali memohon daripada kementerian dan JPS agar tebatan banjir dapat dibina di Sungai Langat bagi mengatasi masalah banjir. Walaupun saya tahu hujan menjadi satu punca utama juga dan saya tidak menafikan takdir yang berlaku, sebab itu kita terus berdoa supaya tidak berlaku banjir. Walau bagaimanapun, saya rasa tebatan banjir ini satu usaha yang perlu kita buat bagi mengatasi masalah kerisauan rakyat. Jadi saya ingin meminta penjelasan daripada kementerian, bila agaknya tebatan banjir di Hulu Langat akan dibina, kerana setakat sekarang ini hanya peringkat *drawing* dan pengambilan tanah. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Sememangnya di dalam kawasan Hulu Langat ini, kita tidak pun membelanjakan berjuta ringgit untuk memperbaiki- apabila berlaku banjir ini. Akan tetapi, seperti mana yang saya tegaskan sebentar tadi ialah hujan yang begitu lebat di mana kita sama sekali tidak menjangkakannya berlaku akhirnya mengakibatkan limpahan banyak air akibat berpunca daripada sungai Langat yang tidak dapat menampung lagi air-air itu.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat *and this could be a comfort to you,* oleh sebab saya telah katakan awal-awal sebentar tadi, kita telah membelanjakan berjuta ringgit juga untuk memperbaiki sungai itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, JPS telah menerima peruntukan sebanyak RM1.4 juta bagi Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Langat dan projek-projek yang telah dijalankan ialah pertama, membina konkrit berbentuk "U" dan kerja-kerja lain di Pulau Banting, Kuala Langat yang menelan kos sebanyak RM1,015,957.

Kedua, mengenai pembaikan Sungai Balak Hulu Langat. Kos projek tersebut adalah RM441,470. *Now*, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi projek ini, JPS telah menerima peruntukan sebanyak RM62.02 juta daripada kerajaan negeri untuk peruntukan di Sungai Langat. Antara komponen-komponen projek yang di dalam rancangan pelaksanaan adalah kurang lebih tujuh projek yang akan dijalankan dan akan ditemui oleh peruntukan RM62.2 juta ini.

■1050

Selain daripada itu, ada juga saya bercakap sebentar tadi bahawa untuk menangani mengurangkan kesan banjir ini ialah JPS juga menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala yang dilaksanakan tiga kali setiap tahun. Akan tetapi dalam pada yang sama saya juga telah mengatakan bahawa pihak berkuasa tempatan mestilah memainkan peranan untuk membantu kita untuk membersihkan parit-parit yang tidak berfungsi dengan baik.

Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh pihak JPS telah memohon peruntukan RM130 juta untuk menangani masalah banjir di Sungai Langat tetapi ia tidak diluluskan. Walau bagaimanapun seperti saya katakan sebentar tadi, menyedari hakikat kebanjiran di Hulu Langat, maka kita memohon lagi peruntukan di dalam *Third Rolling Plan*. Sekian.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jadi, kalau kita lihat banjir di kawasan Lembah Klang dan sebagainya ini termasuklah juga di Serdang kerana saya pun pernah duduk di Serdang dan sebagainya bukan sahaja kesan daripada – memang kita tak menyalahkan takdirlah tetapi kalau kita tengok ia berpunca juga daripada sampah sarap, *maintenance.* Kadang-kadang ada tempat yang sepatutnya menjadi kawasan tadahan air telah ditutup contohnya di Serdang. Katanya sebuah tempat takungan najis dulu, sekarang telah ditutup menjadi projek rumah. Diberi, sekaranglah. Itulah diakan. Jadi, tempat sungai kadang-kadang ditutup sebelah. Ini kita bercakap benda yang betul yang terjadi. 8 hari bulan Mac dulu mungkin itu satu daripada kesannya. Jadi, sejauh manakah pihak Kerajaan Pusat bekerjasamalah, mohon bantuan daripada kerajaan negeri dalam mengatasi masalah banjir ini.

Kalau kita tengok di Lembah Klang yang banyak berpunca daripada kutipan sampah, lepas itu projek *channel city* yang menghubungkan Sungai Klang dan Sungai Langat ini telah dibatalkan. Tak dibuat. Jadi sejauh manakah Kerajaan pusat bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri Selangor dalam mengatasi masalah ini kerana selalunya Selangor ini biasanya dia akan politikkan sahaja semua benda. Sebenarnya dia tak buat, dia minta kita buat. Jadi apa langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk mengatasi masalah ini kalau Kerajaan Selangor degil juga. Okey.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa berpendapat tidak payahlah saya mengulas kesemua itu sejauh manakah kita bekerjasama. Tuan Yang di-Pertua, ini melibatkan rakyat kita. Semua rakyat kita yang terlibat yang akan mengemukakan kesengsaraan apabila banjir berlaku. Jadi itulah sebab Kerajaan Persekutuan dengan sedaya upaya seperti yang saya jelaskan sebentar tadi. Kita telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengatasi masalah ini tetapi atas sebab perkara ini berlaku di luar daripada jangkaan kita, maka sejauh mana *human can do*.

Jadi dalam pada masa itu kita juga mintalah kerajaan negeri jangan menuding jari semata-mata pada Kerajaan Persekutuan. Mesti kita bersama-sama untuk mengatasi masalah ini kerana yang terlibat semua yang menghadapi risiko semua ini ialah semua rakyat. Sekian.

5. Tuan Mohd. Nizar Haji Zakaria [Parit] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, bilakah Akta Majlis Penetapan Gaji (Perintah Peraturan Gaji) mengenai pengawal keselamatan tahun 2010 mengikut geografi yang telah ditetapkan dalam Jadual Sub Perenggan 2(1) bakal dikuatkuasakan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, selamat pagi dan salam 1Malaysia.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Perintah Majlis Penetapan Gaji (Perintah Peraturan Gaji) (Saraan Minimum Berkanun Pengawal Keselamatan Swasta Di Semenanjung Malaysia) 2011 telah diwartakan pada 14 Februari 2011 dan telah mula berkuat kuasa pada 15 Februari 2011. Manakala Perintah Majlis Penetapan Gaji (Perintah Peraturan Gaji) (Saraan Minimum Berkanun Pengawal Keselamatan Swasta di Sarawak dan Sabah) 2011 telah diwartakan pada 29 Julai 2011 dan mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2011. Terima kasih.

Tuan Mohd. Nizar Haji Zakaria [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Kita sebenarnya amat mengalu-alukan langkah dan pelaksanaan yang digariskan di bawah Akta Majlis Penetapan Gaji tersebut. Soalan tambahan saya, seperti yang kita ketahui hampir 190,000 pengawal keselamatan akan menikmati gaji pokok antara 67 peratus hingga 75 peratus. Jadi, saya nak tahu setakat mana jawatankuasa khas ada *outcomenya,* dengan izin.

Saya ingin tahu setakat mana perbincangan yang telah dibuat terutama bersama syarikat pengawal keselamatan bumiputera. Apakah mekanisme yang telah dilihat terbaik dalam memastikan adanya *win-win situation,* kerana saya khuatir jika tidak ditangani dengan baik, mungkin 300 syarikat bumiputera kita boleh gulung tikar. Jadi, saya mohon penjelasan.

Dato' Maznah binti Mazlan: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman bersama bahawa penggubalan gaji minimum untuk pengawal keselamatan ini telah dilaksanakan hasil daripada pelbagai usaha, kajian juga rundingan dan juga *consultancy* atau rundingan dengan pihak-pihak berkepentingan, majikan, pekerja juga Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia yang mana pada masa ini rundingan juga sedang berterusan dilaksanakan. Kementerian juga mempunyai jawatankuasa khas seperti yang disebut Yang Berhormat Parit tadi untuk membincang secara terperinci masalah-masalah pelaksanaannya. Apa yang pentingnya ialah gaji ini telah digubal untuk memastikan bahawa pendapatan pengawal keselamatan yang sebelum ini hanya di lingkaran RM200 hingga RM300 dan sebahagian kecil RM500 sebulan dapat ditingkatkan untuk memastikan bahawa kualiti hidup mereka dan juga keupayaan mereka memenuhi keperluan-keperluan asas mereka dapat dipenuhi.

Untuk makluman Dewan yang mulia, bahkan hari ini juga satu rundingan sedang berjalan dengan persatuan pengawal keselamatan berkenaan kerana kita juga perlu melihat pelaksanaan keputusan tersebut bersekali dengan keputusan Majlis Penetapan Gaji Minima yang telah digubal pada tahun lalu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, untuk memanfaatkan gaji minima yang tinggi maka haruslah pegawai keselamatan kita ini mempunyai keterampilan yang hebat, kesediaan yang ada dan juga kecekapan. Akan tetapi kita melihat bahawa di negara kita ini, mana-mana syarikat pengusaha keselamatan ini, mereka ambil secara rambang. Mereka ambil siapa sahaja yang tidak ada peluang pekerjaan dan dijadikan *security* ataupun dijadikan sebagai pengawal. Tidak ada pengalaman, tidak ada *well-trained*, tidak ada apa-apa keterampilan.

■1100

Kalau kita tengok di negara maju, pengawal keselamatan dia dengan siap siaga, dengan pakaian, gaya badan menggerunkan. Jadi, bagaimana langkah usaha kementerian ini untuk menggesa pengusaha-pengusaha sekuriti ini supaya dapat melahirkan pengawal keselamatan yang berketerampilan, yang orang jahat pun gerun dan mereka juga berdisiplin tinggi. Tidak ada penagih dadah, tidak ada macam-macam. Ini satu perkara penting untuk melahirkan dan mencetuskan gaji pendapatan minimum kepada pengawal keselamatan kita. Ini kerana kalau kita boleh melahirkan pengawal keselamatan untuk menjadi produk kita, maka mereka juga mendapat *market* yang lebih luas.

Apa langkah-langkah yang boleh diambil oleh kementerian untuk melihat mulai 2013 bahawa kesiap siagaan pengawal keselamatan kita dapat menyerlahkan kehidupan mereka.

Dato' Maznah binti Mazlan: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Sungguh bersemangat dan saya juga berterima kasih di atas sifat Yang Berhormat yang memandang berat tentang *profile* dan juga keterampilan pengawal-pengawal keselamatan. Memang benar bahawa penampilan mereka ini adalah penting kerana secara psikologinya ia boleh menunjukkan betapa mereka ini menggambarkan kemampuan dan juga keupayaan mereka menjaga keselamatan.

Untuk makluman bersama bahawa isu keterampilan dan juga kompetensi mereka melaksanakan kerja ini adalah satu perkara yang dipandang berat oleh Kementerian Dalam Negeri. Ini kerana mereka ini perlu berdaftar dengan Kementerian Dalam Negeri. Selain daripada itu, Kementerian Sumber Manusia juga mempunyai pakej-pakej latihan yang mana kita membina satu standard pekerjaan ataupun dalam bahasa Inggerisnya, *national occupational skill standard* yang kita buat dengan industri. Latihan-latihan ini boleh merujuk berdasarkan kepada perkara tersebut untuk memastikan bahawa ia menepati keperluan industri tersebut dan memastikan kualiti perkhidmatan yang diberi. Bercakap tentang kualiti ini Tuan Yang di-Pertua, ia juga banyak bergantung pada gaji yang diperolehi. Itu sebab Kementerian Sumber Manusia menekankan tentang pelaksanaan gaji minimum untuk pengawal keselamatan ini. Terima kasih.

6. Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta Menteri Kewangan menyatakan, sama ada wujudnya unsur ingin menipu para pekerjanya dalam keputusan Time Dotcom Bhd. untuk menjual sebahagian daripada perniagaannya ke Paycomm Network Sdn. Bhd. memandangkan Paycomm Network telah memberhentikan semua pekerjanya dalam tempoh 6 bulan selepas mengambil alih perniagaan tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Time Dotcom Berhad telah memeterai perjanjian penjualan keseluruhan saham dalam Time Rich Sdn. Bhd., sebuah syarikat telefon awam berbayar atau *payphone* kepada Paycomm Sdn Bhd pada 1 Disember 2008. Lanjutan daripada itu, pada bulan Jun 2009, Paycomm telah menukar nama Time Rich kepada Paycomm Network Sdn. Bhd. bagi mencerminkan kedudukannya sebagai pemegang saham utama yang baru. Tindakan menamatkan perkhidmatan kakitangan Paycomm Network Sdn Bhd berlaku pada sekitar bulan Jun 2010. Ini adalah lanjutan daripada masalah kewangan yang dialami oleh Paycomm kira-kira 18 bulan selepas mengambil alih syarikat berkenaan daripada Time Dotcom.

Sehubungan itu, segala keputusan operasi syarikat termasuk keputusan penamatan perkhidmatan kakitangan Paycomm Network adalah diputuskan oleh pemegang sahamnya pada masa itu dan tidak melibatkan Time Dotcom. Sekian.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri. Ini ada 549 pekerja Paycomm yang dibuang kerja seperti diberitahu oleh Menteri. Mereka tidak dibayar gaji dua bulan yang terakhir dan langsung tak dapat pampasan mereka. Walaupun mereka pergi ke Mahkamah Buruh dan mereka menang beberapa kes buruh, sebanyak RM49 juta wang pampasan tetapi tak dapat sesen pun. Memandangkan syarikat Paycomm Network ini dimiliki sepenuhnya oleh Time Dotcom, *it's a fully own subsidiary.* Memandangkan 60 peratus daripada saham Time Dotcom ini dipegang oleh badan-badan kerajaan seperti *Minister of Finance Incorporated*, Khazanah Nasional Berhad dan lain-lain badan kerajaan, *so it is a* GLC. Soalan saya adalah, apakah tanggungjawab Time Dotcom, satu GLC yang ada *backing* kerajaan, terhadap pekerja-pekerja ini yang dapat kosong.

Walaupun dalam Akta Syarikat, ia tak ada langsung tanggungjawab daripada segi *technical, legal.* Akan tetapi jika daripada segi *corporate social responsibility,* jika satu syarikat GLC tak bagi satu contoh yang baik, apakah CSR ini? Macam mana kita nak dapat syarikat-syarikat lain untuk ikut kaedah yang sama? *So,* saya nak tanya, mereka sudah menang RM49 juta tetapi tak dapat satu sen. *So,* apakah tanggungjawab GLC Time Dotcom terhadap ini? Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Sungai Siput. Memang saya pun merasa sedih atas kakitangan 549 orang ini. Untuk maklumat Yang Berhormat, Time Dotcom Berhad ini memang kerajaan atau Khazanah tetapi kita tidak memegang saham yang besar. Kita hanya memegang saham 20 peratus, ada pemegang saham besar iaitu Mega Vistra yang memegang saham yang lebih besar iaitu 26.5 peratus. Seperti yang saya telah jawab, kita menjual syarikat ini dan sudah 18 bulan. Kita tak boleh janji 18 bulan Ahli Parlimen tak lompat dari Pakatan pergi ke Bebas. Kita tak boleh janji. Ini memang kita tahu... *[Dewan riuh]* Mereka nak lompat, kita mana tahu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ini bukan lompat, ini kena buang kerja.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, memang kes ini telah dirujuk kepada Kementerian Sumber Manusia. Kita akan tengok siasatan yang telah dibuat dan kita akan ambil tindakan yang sewajarnya untuk isu ini. Kita memang akan rujuk juga isu ini kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk mengambil tindakan atas pengarah-pengarah yang terlibat. Sekian.

7. **Datuk Juslie Ajirol [Libaran]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, jumlah pelajar dan pensyarah luar negara di semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) mengikut bidang kursus sehingga September 2012.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Datuk Dr. Hou Kok Chung]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Mac 2012, jumlah pelajar antarabangsa di IPTA adalah seramai 26,064 orang pelajar. Bidang sains sosial, perniagaan dan perundangan merupakan pilihan tertinggi pelajar antarabangsa di IPTA iaitu seramai 7,635 orang atau 29.3 peratus. Diikuti bidang kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan seramai 6,667 orang atau 25.6 peratus. Seterusnya, bidang sains, matematik dan komputer seramai 5,159 orang pelajar atau 19.7 peratus. Jumlah pensyarah luar negara di IPTA pula ialah seramai 2,911 orang.

■1110

Di IPTS pula sehingga Disember 2011, terdapat seramai 45,246 orang pelajar antarabangsa yang menuntut di IPTS. Bidang sains sosial, perniagaan dan perdagangan mempunyai bilangan pelajar antarabangsa yang tertinggi iaitu seramai 16,245 orang atau 35.9 peratus diikuti bidang seni dan kemanusiaan seramai 8,037 orang atau 17.8 peratus dan bidang sains, matematik dan komputer seramai 7,117 orang atau 15.7 peratus. Bilangan pensyarah luar negara, yang mengajar di IPTS pula ialah 2,196 orang. Sekian.

Datuk Juslie Ajirol [Libaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau bola sepak pemain import kita bertujuan untuk meramaikan para penonton dan juga menaikkan taraf mutu bola sepak kita. Di IPTA atau IPTS kehadiran pensyarah-pensyarah dari segi *outcome* kepada pengajian tinggi kita untuk bersaing dengan pengajian tinggi antarabangsa sejauh manakah ianya menaikkan taraf pengajian tinggi kita. Yang keduanya pelajar-pelajar yang datang dari luar negara adakah ianya sudah diteliti kelayakannya untuk memasuki IPTS. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kehadiran pensyarah asing mahupun pelajar antarabangsa bukan sahaja satu keperluan malah adalah keadaan semula jadi, *a natural progression,* dengan izin dalam mana institusi pengajian tinggi perlu lalui dan hendaklah digalakkan. *International flavour* ini, dengan izin boleh memperkayakan lagi iklim dan suasana pembelajaran dan pengajaran sesebuah institusi pengajian tinggi. Ia adalah di antara inti pati pengantarabangsaan yang ditekankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Oleh itu pengambilan pensyarah daripada luar negara di samping meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar juga memastikan pensyarah tempatan dan pelajar berkongsi pengetahuan dan pengalaman yang mungkin tidak dimiliki oleh para pensyarah tempatan. Untuk pelajar asing memang Kementerian Pengajian Tinggi mengambil langkah yang ketat untuk menapis pelajar-pelajar yang memohon di IPT kita.

Seperti mana yang telah saya jawab di dalam Dewan yang mulia ini minggu lepas kementerian melaksana sistem *e-student* bertujuan membuat tapisan kesahihan permohonan daripada pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pengajian di sini. Pada tahun ini sehingga 30 September 2012, KPT telah menerima sebanyak 31,359 permohonan daripada IPT. Daripada jumlah tersebut KPT telah menolak 3,049 permohonan atau 9.7 peratus. Sekian.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adakah kerajaan bersedia untuk menawarkan insentif terbaik, mungkin kita boleh mengguna pakai *blue ocean strategy* iaitu kita menggamit pelajar-pelajar terbaik luar negara untuk mereka melaksanakan *masters* mereka ataupun PhD mereka dalam negara kita dan kita menawarkan insentif ini dan mungkin mereka boleh bekerja di sini untuk kita mendapatkan *best brain* mereka ini.

Jadi apakah ini termasuk dalam perancangan kementerian Yang Berhormat supaya ia melihatkan kita lebih terbuka dan menjadikan negara kita sebagai hab pendidikan yang boleh bersaing yang boleh kita *compete* dengan Singapura dan negara jiran yang lebih maju. Terima kasih.

Datuk Dr. Hou Kok Chung: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua memang Kementerian Pengajian Tinggi menggalakkan pengantarabangsaan dan ini adalah usaha kita dalam kebelakangan ini dan untuk mengambil pelajar asing yang terbaik memang kita banyak dapat *feedback* daripada Ahli Parlimen dan kita memang sedang mengkaji bagaimana untuk memajukan ataupun mengadakan untuk mempraktikkan idea sebegini. Sekian.

8. Tuan Gwo Burne Loh [Kelana Jaya] minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan, bagaimana FINAS boleh membiayai filem Tanda Putera yang didakwa membangkitkan isu perkauman 13 Mei 1969.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin Dennis D'Cruz]: Selamat pagi dan Salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Bayan Baru bertarikh 27 November 2012 kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu perkara berkaitan filem Tanda Putera.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Datuk Maglin Dennis D'Cruz: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan melalui FINAS telah menyediakan beberapa dana bagi tujuan penerbitan filem dan dokumentari kenegaraan dan warisan. Dana-dana tersebut adalah seperti berikut:

(i) Dana Filem Cereka Kenegaraan dan Warisan. Pada tahun 2010 FINAS telah menerima sebanyak RM5 juta daripada Kementerian Kewangan untuk menerbit filem cereka di bawah program filem kenegaraan dan warisan. Sebanyak dua buah skrip filem yang terpilih untuk diterbitkan iaitu filem Tanda Putera dari Syarikat Pesona Pictures Sdn. Bhd. dan filem Antara Dua Langit, dengan izin, *Between Two Sky* dari Syarikat Line Clear Production Sdn. Bhd. di mana filem ini adalah kerjasama antarabangsa Malaysia-Australia. Dana yang diperuntukkan untuk filem tanda Putera adalah sebanyak RM2.7 juta dan filem Antara Dua Langit *(Between Two Sky)* adalah sebanyak RM2 juta.

(ii) Dana Dokumentari Kenegaraan – Pada Jun 2012, sebanyak 9 buah skrip filem dokumentari yang bertemakan kenegaraan telah dipilih di sesi pembentangan kertas kerja oleh penerbit-penerbit dokumentari untuk difilemkan. FINAS telah memperuntukkan RM1.5 juta bagi penerbit filem-filem dokumentari tersebut. Bantuan dana bagi filem dan dokumentari kenegaraan ini amat diperlukan bagi mengimbangi lambakan filem dan dokumentari berbentuk hiburan, komersial tanpa sebarang nilai ilmiah.

Berhubung dakwaan isu perkauman susulan daripada detik 13 Mei 1969 yang menjadi sebahagian plot penceritaan dalam filem tersebut. Kementerian berpendapat dengan kematangan pemikiran generasi muda pada masa kini filem yang berunsur sejarah harus dipaparkan dengan cara paling efektif dan realistik. Walaupun ada juga menyentuh isu kaum sejarah 13 Mei menjadi insiden yang begitu penting kepada semua rakyat Malaysia untuk mengambil iktibar dan menjadi satu teladan betapa pentingnya keharmonian negara. Selain itu filem ini masih belum lagi ditayangkan di pawagam maka andaian bahawa filem ini mengandungi unsur-unsur perkauman yang negatif adalah terlalu awal. Sekian.

■1120

Tuan Gwo Burne Loh [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memandangkan filem *Tanda Putera* dibiayai oleh FINAS sudah tentu terdapat panel yang meluluskannya dan laporan yang dikeluarkan oleh pihak produksi untuk mendapat pembiayaan tersebut. Soalan saya, bolehkah laporan-laporan yang saya nyatakan tadi dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini? Adakah FINAS sudi membiayai filem yang berkisar tentang insiden 13 Mei bila mana Pemuda UMNO yang diketuai oleh Datuk Harun yang masih bernilai oleh rakyat termasuk veteran UMNO, veteran seperti Datuk Marina Yusoff dan para sejarawan memandangkan kita mempunyai sejarah yang berbagai-bagai segi. Adakah FINAS membenar dan membiayai pandangan-pandangan yang berbeza ini untuk difilemkan? Sekian, terima kasih.

Datuk Maglin Dennis D'Cruz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita hendak menunjukkan tokoh-tokoh kita yang dahulu menangani masalah-masalah negara, kerana untuk menunjukkan, cintakan negara. Saya ada sinopsis, saya boleh bagi sinopsis ini sebab tayangan ini belum dikeluarkan lagi di panggung-panggung atau di mana-mana. Filem ini mengangkat persahabatan dan pengorbanan dua negarawan iaitu *Allahyarham* Tun Abduk Razak Hussein dan *Allahyarham* Tun Dr. Ismail Abdul Rahman. Dengan garapan yang menarik serta mengupas dengan jelas kemelut yang terpaksa diharungi dua tokoh negarawan ini dalam mengenai cabaran peristiwa 13 Mei 1969. Kisah pengorbanan dan perjuangan dua pemimpin negara ini dalam membangunkan Malaysia merupakan satu kisah yang perlu dijadikan teladan.

Walaupun mereka berdua sedang menyabung nyawa menghadapi penyakit yang kritikal, pengorbanan mereka dalam mendahulukan kepentingan negara berbanding kepentingan sendiri adalah satu pengorbanan yang besar. Maka pengorbanan sebeginilah yang ingin FINAS terapkan kepada generasi kini bagi memperingati kembali pengorbanan dan perjuangan yang terpaksa dilalui oleh pemimpin-pemimpin negara pada masa dahulu. Sekian.

Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, pada masa ini ada banyak syarikat-syarikat berlumba-lumba buat filem, macam-macam filem dikeluarkan. Sudah tentu filem-filem ini memerlukan kelulusan sebelum dibenarkan diterbitkan. Kita lihat ada di antara filem ini terlepas unsur-unsur negatif yang diselitkan dalam filem berkenaan. Mungkin agaknya Lembaga Penapisan terlepas pandang. Jadi, saya ingin tahulah bagaimana agaknya FINAS mengawal penerbit-penerbit filem ini dalam proses pembikinan filem walaupun kelulusan telah ada. Supaya unsur-unsur negatif ini tidak terlepas dalam filem berkenaan. Terima kasih.

Datuk Maglin Dennis D'Cruz: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, semua permohonan bagi program penerbit kenegaraan dan warisan akan diputuskan melalui sesi persembahan kertas cadangan. Penerbitan diluluskan oleh Jawatankuasa Persembahan dan Pemilih. Ahli-ahli Jawatankuasa terdiri daripada lima orang ahli iaitu Pengerusi FINAS, Ketua Pengarah FINAS dan tiga wakil dari agensi yang berkenaan. FINAS akan memantau projek ini sepanjang produksi dijalankan. FINAS berhak menolak mana-mana penerbitan yang didapati tidak menepati keputusan perbincangan, sebarang pindaan hendaklah dirujuk serta mendapat kelulusan rasmi daripada FINAS. Sekian.

9. Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis] minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah pihak Kementerian bercadang menaikkan kadar kelayakan pendapatan isi rumah kepada RM5,000 ke bawah untuk memohon Rumah Mesra Rakyat bagi membolehkan lebih ramai rakyat memiliki rumah sendiri.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat Program Rumah Mesra Rakyat (PMR) telah di laksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) sejak tahun 2002. Bagi membantu golongan berpendapatan rendah membina rumah di atas tanah sendiri di seluruh negara. Pada awalnya program ini hanya boleh dimohon oleh warganegara Malaysia yang memiliki pendapatan seisi rumah bulan di bawah RM1,000 sahaja. Namun pada tahun 2006 kadar pendapatan seisi rumah bulanan bagi kelayakan penyertaan Program PMR telah dikaji semula dan dinaikkan daripada RM1,000 kepada RM1,500 ke bawah.

Seterusnya, atas keprihatinan Kerajaan Persekutuan terhadap permintaan yang tinggi daripada warganegara bagi penyertaan Program PMR ini. Pada bulan Februari 2012 kementerian ini telah sekali lagi mengkaji semula dan meningkatkan pendapatan seisi rumah bulanan kepada RM3,000 ke bawah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan kenaikan kadar pendapatan seisi rumah bulanan kepada RM,000 ke bawah. Kerajaan masih dapat mempertimbangkan buat masa ini memandangkan kajian semula kadar pendapatan seisi rumah bulanan Program PMR baru sahaja dilaksanakan pada awal tahun ini. Di samping itu adalah didapati golongan yang mempunyai pendapatan bulanan pada kadar *rate* RM5,000 seisi rumah ke bawah sebenarnya masih mempunyai pelbagai peluang untuk membangunkan rumah kediaman masing-masing melalui pemaju hartanah swasta. Juga mendapat pembiayaan daripada pelbagai institusi kewangan. Selain itu kerajaan juga memberi kurang kepada golongan dengan pendapatan seisi rumah bulanan RM6,000 ke bawah untuk memohon pembelian rumah di bawah Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA). Sekian.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jadi, memang saya mengucapkan ribuan terima kasihlah kepada kerajaan kerana telah menaikkan kadar ini dan lebih ramai rakyat boleh memohon untuk rumah PMR ini. Hanya dari segi pandangannya saya memikirkan mereka yang mempunyai pendapatan RM5,000 ke bawah dan punya ramai anak. Kadang-kadang mereka hendak membeli rumah di tempat lain kata ada pendapatan RM4,000 atau RM3,000 lebih tetapi anak ramai, tidak mampu dan tidak cukup.

Jadi kalau kita beri peluang kepada mereka untuk memohon rumah PMR ini berdasarkan kepada bilangan anak dan kita buat pengiraan betul dari segi pendapatannya. Rasa saya kita dapat memberi peluang bagi membantu rakyat kita yang lebih. Ada juga mereka ini yang mempunyai tanah pusaka dan tanah-tanah yang diberi kebenaran oleh tuan-tuan tanah untuk mereka membina rumah tersebut. Jadi apa pandangan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai perkara ini. Okey, terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Lipis. Saya ucapkan terima kasihlah Yang Berhormat yang ambil berat tentang isu perumahan rakyat Malaysia. Memang seperti yang kita sedia maklum memiliki sebuah rumah untuk seisi rumah memang adalah hasrat rakyat Malaysia memang kerajaan hendak bantu dalam hal ini. Kita dalam Bajet 2013 telah ambil langkah-langkah untuk membantu dalam isu ini.

■1130

Seperti yang kita telah umumkan, iaitu untuk PR1MA kita akan membina 80,000 unit di kawasan strategik. Harganya di antara RM100,000 hingga RM400,000. Untuk SPNB, kita telah pun memberi peruntukan sebanyak RM320 juta dan kita akan membina 1,855 unit untuk rumah mampu milik dan untuk rumah mesra rakyat sebanyak 21,000 unit. Jabatan Perumahan Negara, kita akan membina sebanyak 20,454 unit dan kita memang juga telah menambah baik Skim Rumah Pertamaku untuk menaikkan had pendapatan individual dari RM3,000 kepada RM5,000 dan untuk sara yang lain iaitu had pendapatan pinjaman bersama suami isteri kepada RM10,000. Kita harap dengan program ini kita boleh membantu rakyat Malaysia.

Apa yang saya hendak memberitahu di sini, seperti yang kita sedia maklum, hak tanah adalah di bawah kuasa kerajaan negeri. Di Selangor sudah lebih empat tahun, sebiji rumah pun tidak dibina untuk rakyat Selangor sama ada kos rendah atau sederhana. Memang ini...

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Dato' Donald Lim Siang Chai: Yang Berhormat duduk, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Petaling Jaya...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Ini salah. Ini mengelirukan Dewan!

Dato' Donald Lim Siang Chai: Yang Berhormat orang baru. Duduk, duduk.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Selangor telah pun membina 12,000 rumah kos rendah kepada penduduk di Selangor! Jangan tipu Dewan ini!

Dato' Donald Lim Siang Chai: Duduk, duduklah.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Senator, pergi baca buku, Yang Berhormat Senator.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Jangan tipu Dewan ini Yang Berhormat Timbalan Menteri!

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Timbalan Menteri bohong!

Dato' Donald Lim Siang Chai: Oleh itu, kita haraplah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, saya minta jangan buat macam itu Yang Berhormat.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Ini orang tidak belajar.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 36(12).

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Ini jelas mengelirukan Dewan!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Peraturan. Tidak boleh buat macam inilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya kata jangan buat macam itu, Yang Berhormat ulang lagi balik. Jangan buat macam itu Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Mertajam, tidak payahlah. Yang Berhormat, habiskan jawapan Yang Berhormat.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Oleh itu, kita haraplah semua...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya rasa mereka pun tidak boleh menyalahgunakan *floor* di dalam Dewan yang mulia ini.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri kita semua dipilih oleh rakyat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kalau mahu buat tuduhan seperti ini, mereka harus beri penjelasan kepada kami.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Kita mesti bantu rakyat supaya rakyat Malaysia boleh mendapat rumah yang berpatutan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tidak boleh menggunakan seperti ini. Berbohong seperti ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudahlah Yang Berhormat. Kita dalam sesi soal jawab Yang Berhormat.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Sekianlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, setakat itulah sesi pertanyaan-pertanyaan jawapan lisan untuk pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.33 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

> "Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran Kementerian Kewangan menjawab perbahasan di peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan 2013 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 24 Oktober 2012."

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Peraturan Mesyuarat 36(12). Mana-mana Ahli yang mengeluarkan kenyataan mengelirukan Dewan adalah disifatkan menghina Majlis. Saya ingin merujuk kepada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi yang mengatakan bahawa negeri Selangor langsung tidak membina sebarang rumah kos rendah kepada penduduk di negeri Selangor.

Saya minta supaya pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri membetulkan kenyataan tersebut kerana negeri Selangor telah pun membina 23,637 unit rumah mampu milik kepada rakyat di negeri Selangor termasuk tambahan lagi unit projek perumahan terbengkalai yang disiapkan sebanyak 9,176 unit. Perkara ini perlu dibetulkan kerana ia merupakan satu kenyataan yang tidak benar... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau pelanggaran peraturan mesyuarat, Yang Berhormat tadi pun melanggar peraturan mesyuarat. Saya tidak melihat ada perkara yang berbangkit di bawah Peraturan Mesyuarat 36(12) yang dilakukan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ini bukan soal melanggar peraturan mesyuarat semata-mata. Ini merupakan usaha untuk mengelirukan Dewan dengan sengaja kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri mampu mendapat maklumat yang tepat sebelum mengeluarkan kenyataan yang sebegitu. Dia bukan Ahli Parlimen biasa. Dia Timbalan Menteri. *He has all the access to the information*. Sebagai Timbalan Menteri, dia mesti menentukan jawapannya tepat. Ianya merupakan usaha yang berniat jahat yang sengaja untuk mengelirukan hakikat bahawa Kerajaan Negeri Selangor telah pun membina rumah-rumah kos rendah dan menyelamatkan projek-projek perumahan yang terbengkalai oleh kroni-kroni UMNO! Ini hakikatnya!... *[Dewan riuh]*

Saya minta Tuan Yang di-Pertua memberikan pertimbangan yang serius supaya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Kita boleh tentukan jawapan-jawapan yang lebih bertanggungjawab pada masa-masa akan datang.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya menjawab tentang usul Peraturan Mesyuarat 36(12). Saya katakan ia tidak ada pelanggaran kerana Peraturan Mesyuarat 36(12) mempunyai skop yang besar yang telah selalu dihuraikan oleh Speaker.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Akan tetapi...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Peraturan Mesyuarat 36(12) merupakan satu..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Di atas perkara Peraturan Mesyuarat 36(12), saya katakan tidak ada pelanggaran. Yang Berhormat kalau sensitif dan patuh kepada peraturan mesyuarat, keputusan saya adalah keputusan muktamad, Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Walaupun kenyataan mengelirukan Dewan?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *It is factual wrong*.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Walau pun kenyataan jelas mengelirukan Dewan?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, itu memesongkan. Ini ada niat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kita harus rujuk kepada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, mesti ada niat. Mesti ada niat dan sebagainya.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Akan tetapi niat dia...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak mengapalah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua, niatnya jelas ingin mengelirukan Dewan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kita berbeza pendapat dalam perkara ini.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: ...Dengan fakta yang mengelirukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak mengapalah Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Bukan tidak apa. Kalau ini, kita bagi lesen kepada semua Menteri untuk memberi maklumat yang tidak tepat atas kepentingan politik.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Untuk memberi fakta yang salah. Tuan Yang di-Pertua, saya pohon supaya *factual wrong* atau fakta yang tidak betul itu diperbetulkan. Itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak betullah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya rasa itu sekurang-kurangnya Dewan boleh buat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak minta apa-apa permaafan. Saya tidak tuduh bahawa pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri ada niat jahat. Saya tidak tuduh langsung. Saya hanya hendak beliau memperbetulkan kenyataan sahaja.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan perhimpunan MCA yang mana Pengerusi MCA boleh cakap yang bukan-bukan... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah politik, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini Dewan yang mulia. Ini Dewan Rakyat. Semua yang dia kata itu masuk dalam *Hansard* kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih. Sila Setiausaha.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2013

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2013

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2013 dan Anggaran Pembangunan 2013 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." ***[Hari Kedua]***

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Maksud B.10, B.11 dan B.12 [Jadual] -
Maksud P.10 dan P.70 [Anggaran Pembangunan 2013] –

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Kepala Bekalan B. 10, B. 11 dan B. 12 dan Kepala Pembangunan P.10 dan P.70 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat, peringkat Jawatankuasa lazimnya dihadkan masa sepuluh minit. Saya jemput Yang Berhormat Permatang Pauh.

11.39 pg.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih. Oleh kerana kewangan ini merujuk kepada data dan angka, saya harap tidak ada lagi kelakuan seperti mana yang dilakukan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan. Ada beberapa angka dan data yang jelas tidak boleh diputarbelitkan. Kalau hendak buat ucapan politik, singgungan tentang dasar itu boleh, tetapi kalau angka yang jelas ada rumah yang dibina, itu nyata ada bukti. Jadi untuk mengelirukan Dewan tidak tepat. Boleh bahas di tempat lain. Kongres MCA boleh.

Ini B.10 Butiran 020000 – Perkhidmatan Analisa Ekonomi dan Sumber, muka surat 178. Saya ulang apa yang disebut oleh Cicero, ahli falsafah Rom, *"The budget should be balanced, the treasury should be refilled, public debt should be reduced, the arrogance of officialdom should be tempered and controlled, lest Rome become bankrupt"*. Defisit sudah 15 tahun berturut-turut sejak tahun 1998 hingga tahun 2012.

■1140

Defisit berterusan mengikut unjuran Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan sehingga tahun 2015. Hutang negara, tidak termasuk jaminan hutang, sudah mencecah RM476 bilion atau 54 peratus daripada GDP (Keluaran Dalam Negara Kasar) semasa atau 55 peratus daripada Keluaran Negara Kasar semasa pada penghujung tahun 2011.

Ini seperti kita tahu hampir mencecah 55 peratus daripada KDNK paras bahaya. Kita ulang untuk memberi peringatan bahawa hal ini tidak boleh dianggap remeh. Saya menyentuh dalam ucapan dasar tentang kemajuan beberapa negara lain termasuk Turki yang pernah tenggelam dengan masalah IMF tetapi kerana pengurusan lebih cekap, pemerintahan baru di bawah Perdana Menteri Tayyib Erdogan berjaya memberangsangkan kadar purata 6.8 peratus di antara tahun 2002 sehingga tahun 2008. Tahun 2011, pertumbuhan Turki tertinggi di dunia pada 8.49 peratus daripada KDNK. Jadi satu negara yang pernah dilanda *liquidation crises* berjaya mengatasi kerana pengurusan ekonomi dan kewangan yang lebih bertanggungjawab.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Untuk hanya menjelaskan seperti mana ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri dalam Mesyuarat Agung MCA menjadikan IMF sebagai *bogie* boleh dijadikan propaganda murahan tetapi harus dibahaskan kalau ada keberanian untuk berbahas secara terbuka apa-apa permasalahan ekonomi yang menyebabkan kita menghadapi krisis. *[Tepuk]*

Akan tetapi oleh kerana keengganan untuk berbahas secara terbuka, boleh menjerit di ruang-ruang tertentu sahaja. Umpamanya Profesor Dr. Kwame Sundaram Jomo K Sundaram dalam artikelnya, *'Pathways Through Financial Crisis'* tahun 2009 *'Obstacles to Implementing Lessons from 1997-1998 East Asian Economic Crisis'* tahun 2008. Analisa terperinci dibuat walaupun Korea Selatan, Indonesia Thailand meminjam daripada IMF, mereka telah lebih berjaya daripada Malaysia. Saya tidak pernah mencadangkan bahawa kita merujuk untuk meminjam daripada IMF. Tidak ada rekod kerana kekuatan ekonomi kita jauh lebih baik dari negara-negara jiran pada tahun 1997, tahun 1998. Malah kalau kita lihat dalam rekodnya sepanjang empat tahun sebelumnya, kita telah membuat pra pembayaran RM12 bilion yang tidak pernah dilakukan oleh negara-negara Asia lainnya.

Ini menyebabkan kita walaupun mengalami krisis, tidak terperangkap sehingga terpaksa meminjam daripada IMF. Tidak ada pernah dalam rekod Kementerian Kewangan dan kerajaan pada ketika itu untuk kita meminta. Ini hanya slogan murahan oleh bekas Perdana Menteri yang diulang oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kerana ketandusan idea sendiri. Jadi leteran ini, meleter-leter ini perlu diteruskan dalam monolog tidak langsung memberi ruang dan keupayaan untuk mengadakan perbahasan atau perdebatan terbuka.

Saya rujuk sekali lagi Tuan Pengerusi kenyataan. Ini rekod yang ada di Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. Pada tahun 1993, kita telah menghentikan semua pinjaman dari Bank Dunia. Tahun 1993, saya telah meminta supaya kerajaan tidak lagi meminjam dari institusi kewangan kerana kita sudah ada keupayaan untuk mengurus kewangan kita sendiri dengan lebihan. Pada tahun 1999, semasa mantan Perdana Menteri, Menteri Kewangan, beliau mengarahkan kerajaan memohon dari Bank Dunia untuk mendapatkan pinjaman dan ini tertera walaupun tidak dilaporkan dalam media utama, ini kenyataan yang tidak boleh disangkal oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang ada sekarang.

B.10, 020200 - Pengurusan Pinjaman, Pasaran Kewangan dan Aktuari; dan, 030300 - Kawalan dan Pemantauan, ada kaitan dengan krisis yang lalu kerana syarikat keluarga, syarikat *family* meminjam terlalu besar dari institusi kewangan. Sekarang ini masalah nampak berulang. Kita wujudkan - saya perkenalkan di Dewan yang mulia ini dana modal, dana harta supaya pengagihan kewangan itu lebih telus dan teratur, tidak hanya bidang kuat kuasa Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan atau Perdana Menteri.

Akan tetapi hari ini, sistem perbankan negara terdedah dengan pinjaman yang begitu besar. Tidak termasuk Petronas kepada 12 peminjam: YTL - Tan Sri Francis Yeoh dan keluarga, RM53.14 bilion; Kumpulan Tan Sri Syed Mokhtar Bukhary, RM34.3 bilion dan sekarang dijangka mencecah RM38 bilion pinjaman; UEM Khazanah, RM22.8 bilion; Tenaga Khazanah, RM19 bilion; Kumpulan Tan Sri Ananda Krishnan, RM18.4 bilion; Genting, RM16.4 bilion; dan, Axiata Khazanah, RM11.5 bilion.

Jumlah ini menyebabkan keseluruhan sistem perbankan negara terdedah kepada peminjam sejumlah kecil. Saya ingin penjelasan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Negara kerana saya faham benar ada garis panduan Bank Negara yang mengehadkan pendedahan pinjaman kepada sebuah syarikat dan individu kerana risiko kepada negara atau kerajaan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta penjelasan boleh? Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh dan terima kasih Tuan Pengerusi. Kita dengar tadi Yang Berhormat Permatang Pauh mempertikaikan bagaimana syarikat-syarikat besar mendapat pinjaman besar daripada bank-bank. Ia memberikan gambaran yang beliau tidak setuju perkara ini berlaku kerana boleh diertikan ia menafikan syarikat-syarikat kecil ataupun pihak yang lebih ramai untuk mendapat pinjaman.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Permatang Pauh, sekiranya Yang Berhormat Permatang Pauh menjadi Perdana Menteri, sekiranya *[Disampuk]* dengar baik-baik sini. Adakah Yang Berhormat Permatang Pauh akan membawa satu dasar atau *policy* iaitu pinjaman daripada bank-bank kepada syarikat besar perlu diberhentikan, perlu dikurangkan? Ini penting kerana itu akan membawa satu keadaan menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara.

Ia akan memberi kesan buruk kepada pertumbuhan ekonomi dan ia membawa akibat kepada rakyat: peluang pekerjaan; peluang perniagaan; dan, sebagainya. Syarikat-syarikat besar - ini saya bagi pandangan sedikitlah. Mungkin Yang Berhormat tidak setuju bahawa syarikat-syarikat besar ini, ia merupakan sebagai enjin kepada pertumbuhan ekonomi dan perniagaan dan peluang kepada rakyat. Kalau kita harapkan kepada syarikat-syarikat kecil- memang kita sokong. Kita mahu SME berkembang, IKS berkembang tetapinya penjanaan peluang pekerjaan dan sebagainya yang berhubung kait dengan pembangunan ekonomi dan rakyat itu terbatas yang dapat dilakukan oleh syarikat kecil.

Dengan sebab itu, syarikat besar dan syarikat kecil patut diberi keutamaan sama. Jangan kita menafikan yang besar kerana yang kecil. Jangan menafikan yang kecil kerana yang besar. *This is the sounds economic policies* yang patut kita bawa. Minta penjelasan... *[Dewan riuh]*

■1150

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Permatang Pauh sedarkah bahawa Yang Berhormat Permatang Pauh tidak payah jawab yang itu, kerana itu soalan andaian, spekulasi yang akan datang. *You don't have to answer that if you want*. Kalau mahu *answer*, boleh... *[Ketawa]*

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Sedikit sahaja, berkenaan andaian itu positif. Seperti mendoakan juga... *[Ketawa]* Ini penting sebab saya rujuk Tuan Yang di-Pertua tentang garis panduan Bank Negara. Masalah pendedahan kepada beberapa syarikat induk dan ini juga melibatkan pengurus dasar negara dalam pengurusan negara.

Apakah wajar satu syarikat YTL, elektrik jana kuasa dia, ini yang baru ini berbilion RM8 bilion untuk Kementerian Pelajaran atas arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini aneh. Seolah-olah satu bidang yang tidak pernah ada dan menunjukkan kepakaran mengambil alih kepakaran yang ada di kalangan pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran. Tan Sri Syed Mokhtar, saya sudah sebut di sini, berpuluh yang diswastakan diberikan tanpa tender, seorang. Kalau hendak tolong bumiputera, tidak ada bumiputera lain kah? Tidak ada bumiputera Perak kah Pasir Salak yang mampu mengendalikan.

Ini soal dia dan diberikan begitu sahaja. Saya pernah tanya Menteri Kewangan, mengapakah seorang individu Tan Sri Syed Mokhtar itu begitu berkuasa sehingga apa sahaja yang dipohon mesti diluluskan, tidak perlu tender tidak perlu buat kajian teliti dan begitu kuat seorang tauke besar, yang boleh mempengaruhi seluruh Kerajaan UMNO-Barisan Nasional. Soalan itu tidak pernah dijawab. Mengapa sudah tahu berpuluh sudah ada dan saya tahu secara peribadi seorang pun tidak setuju, tetapi saya sebut juga di sini.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat, sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat saya amat tertarik tentang tanggungjawab dan Bank Negara dan juga peranan yang perlu dijalankan tetapi nampaknya kali ini tajuk untuk kita bahas dalam Bank Negara apakah sebabnya Bank Negara dikeluarkan daripada Perbadanan Kementerian Kewangan.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Sefaham walaupun tidak dimasukkan Bank Negara masih dalam pengawasan Kementerian Kewangan dan walaupun ada tahap kebebasan mereka dan soal pinjaman umpamanya, apabila kita menyebut tentang pengurusan kewangan strategik, dia tidak boleh lari daripada tanggungjawab Bank Negara.

Saya tidak pertikai hak mana-mana syarikat besar atau kecil untuk mendapat pinjaman. Saya hanya merujuk kepada garis panduan dan saya difahamkan kerana kewibawaan gabenor dan institusi Bank Negara itu masih kita hormati. Saya difahamkan ada peringatan, teguran Gabenor Bank Negara kepada Menteri Kewangan bahawa pendedahan beberapa individu termasuk Tan Sri Syed Mokhtar mungkin menjejaskan institusi kewangan untuk jangka masa pendek dan panjang. Jadi saya berharap perkara ini diberikan perhatian.

Butiran B.10 - 030100 tentang Pengurusan Kewangan Strategik. Ini soal pinjaman yang ada kaitan dengan bon yang dikeluarkan. Kerajaan terdedah dengan banyak pinjaman dalam bentuk penerbitan bon yang dibuat oleh badan korporat yang diberi pinjaman kerajaan. Ini tidak termasuk RM50 bilion yang dikeluarkan oleh DanaInfra Nasional Berhad untuk projek MRT.

Selain daripada itu kita melihat Penerbangan Malaysia Bhd - RM1.75 bilion, Bank Pembangunan - RM3.5 bilion, Air SPV Bhd. - RM9.5 bilion, KLIAB - RM38 bilion, Prasarana Negara - RM6 bilion dan sebagainya. Saya sentuh di sini tidak ada masalah pengeluaran bon. Masalahnya ialah ketelusan projek dan keupayaan syarikat-syarikat ini membayar mengikut unjuran keupayaan syarikat dan keuntungan dan pengurusannya. Sebab itu pengurusan kewangan strategik itu ada kaitan dengan cara kerajaan mengumumkan dan meluluskan.

Saya bagi contoh B.10 - 030100 Pengurusan Kewangan Strategik ini kerana ada pengumuman yang dibuat yang tidak dapat ditunaikan. Contoh yang besar, Malaysia mengumumkan ia sebagai hab bank Islam pelaksanaan syariah walaupun kita telah menggesa bahawa pemahaman syariah dalam Bank Islam itu tidak harus terbatas kepada syarat ianya tidak mengenakan riba, kerana Citi Bank lakukan, Hong Kong Shanghai Bank melakukan.

Keupayaan kita memperkenalkan sistem perbankan Islam itu ialah kerana ia memenuhi maqasid syariah itu bahawa ia boleh memberikan kesejahteraan kepada lebih ramai rakyat. Ia tidak menjurus kepada monopoli beberapa kelompok kaya dan meninggalkan kepentingan rakyat terbanyak. Ini kekuatan sistem ekonomi Islam yang memenuhi maksud maqasid syariah dan ini harus difikirkan selain daripada memikirkan isu Bank Islam yang besar dan pinjaman kepada tauke-tauke besar sahaja.

Umpamanya pada tahun 2009, Menteri Kewangan mengumumkan akan dianugerahkan dua lesen penubuhan Bank Islam Mega di Malaysia, 2009 tetapi sampai sekarang belum ada, 2012 belum ada tanda bank ini diwujudkan. Ini kerana andaian bahawa masyarakat Islam antarabangsa dan pelabur Islam antarabangsa itu akan cepat tertarik dengan *offer*. Yang saya fahamkan dan saya juga terlibat dalam beberapa perkembangan Bank Islam dunia bahawa masih ada persoalan dan tanda tanya siapa yang menggerakkannya, siapa yang mengeluarkan modal awal dan apakah pengurusannya itu betul-betul telus dan bebas. Jadi kita perlu penjelasan daripada Menteri Kewangan mengapa hal yang sedemikian itu tidak berlaku dan penjelasan ini akan membantu kita untuk memahami perkembangan Bank Islam yang mega.

Yang akhir Tuan Yang di-Pertua ialah pengumuman semalam. Kerajaan Kanada telah membatalkan Rancangan Petronas untuk mengambil alih syarikat minyak untuk *production capacity* untuk Kanada. Saya ingin tegaskan di sini ada beberapa masalah.

Pertama kita merasakan ini urusan kewangan negara, kerana teguran. Dari segi dasar, kita bersetuju Petronas kembali kepada dasar asal yang pernah diterajui oleh Tan Sri Hassan Marican yang kemudian dirobah oleh pengurusan yang ada sekarang iaitu memperkuatkan keupayaan kita, cari gali di luar negara tetapi yang membimbangkan sekarang ialah, apabila disebut kos untuk mengambil alih ini ada yang menyatakan 23 kali ganda, ada yang kata 20 kali ganda daripada harga yang ditentukan. Itu agak membimbangkan kita, kerana apabila Malaysia dan Petronas mengambil keputusan dalam hal sedemikian tidak ada ketelusan, tidak ada maklumat sama sekali. Di Malaysia hampir tidak diketahui sehingga perkara ini terdedah di Kanada.

Pada tahun 2011, Petronas membayar *progress* syarikat ini CAD1.1 bilion untuk mendapatkan 50 peratus saham di *Progress North Montney* dan ini melibatkan juga 150 ribu ekar, dengan kekuatan 15 *trilion cubic feet gas*. Umumnya kita mengalu-alukan keputusan ini tetapi yang membimbangkan seperti yang saya sebutkan ialah, tentang kos dan apa alasan Kerajaan Kanada dalam menolak membatalkan permohonan ini? Keputusan itu dibuat hanya beberapa minit sebelum kelulusan. Menteri Industri Kanada, Christian Paradis hanya mengatakan beberapa minit sebelum Petronas ambil alih, tanpa apa-apa alasan hanya mengatakan ini tidak memberi faedah dan keuntungan kepada Kanada.

■1200

Akan tetapi pada bulan Julai sebelumnya, Petronas terpaksa meningkatkan harga saham 8 peratus kepada CAD22 untuk satu saham setelah mendapat persaingan dan mengalahkan syarikat-syarikat besar lain *ExxonMobil, Royal Dutch, Shell.* Ini nampaknya amat membanggakan daripada awal secara umumnya. Jadi oleh sebab itu, teguran ini dibuat, pertama kerana ia tidak memberikan jumlah sebenar kewangan yang terlibat dan kedua tidak ada maklumat sama sekali untuk kita mengetahui. Walaupun saya ulang bahawa, kita bersetuju dengan dasar kerana ini dasar yang asal, yang kemudiannya diubah di bawah pentadbiran Perdana Menteri yang ada sekarang.

Membina rizab gas di Kanada kita sokong, tetapi kita bimbang apa sebabnya kos begitu tinggi sekali dan apakah ia mampu bersaing dan keduanya apakah sebenarnya alasan Kerajaan Kanada dalam membatalkan. Ini kerana kalau alasan itu alasan yang tidak munasabah, maka seharusnya pihak kerajaan atau pun rakyat harus membantah, kalau sebenarnya Kanada itu mengambil keputusan setelah mengambil kira semuanya telus. Maka, kita wajar membantah apa alasan Kanada membatalkan hasrat Petronas menguasai gas di Kanada. Terima kasih.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Peraturan mesyuarat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Silakan.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Saya ingin membangkitkan Peraturan Mesyuarat 66(9) merujuk kepada keputusan daripada Tuan Pengerusi semalam, di mana Tuan Pengerusi mengatakan bahawa tidak ada Parlimen lain yang pernah ada membentangkan usul tolak gaji kepada menteri. Saya ingin merujuk kepada satu kes yang berlaku minggu lalu sahaja. Bukan di Timbuktu tetapi di United Kingdom, di mana seorang Ahli Parlimen dari Labour Party, membentangkan satu usul menolak gaji sebanyak *1,000* pounds sterling ke atas Ketua Whip Kerajaan. Perkara ini bukan sahaja diluluskan untuk dibahaskan dalam Dewan tetapi ia juga menyebabkan Ketua *Whip* tersebut telah meletak jawatan dan kes itu hanya melibatkan beliau bercakap kasar terhadap seorang polis.

Ini bukan kes yang pertama, kerana di dalam sejarah Parlimen UK terdapat juga kes yang lain. Sebagai contoh kes yang berlaku pada tahun 1976, di mana usul tersebut berjaya dibuat oleh pihak pembangkang dan pihak pembangkang menang dalam kiraan undi. *So*, saya hanya hendak letak di dalam rekod bahawa perkara ini bukan satu perkara yang hanya di Malaysia dan tidak dipraktikkan di negara lain.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Apa yang kita cerita kelmarin adalah soal *budget process,* sewaktu berbahas waktu pembentangan bajet peringkat Jawatankuasa. Hal Yang Berhormat sebutkan itu, saya sedia maklum. Itu berkenaan dengan satu hal di mana *Chief Whip* tersebut memaki hamun kepada polis.

Di England, jika memaki hamun, kalau diambil tindakan polis boleh diambil tindakan, kalau kalah dia boleh didenda 1,000 *pound*. Itu soalan seorang Ahli Parlimen yang berbuat tidak baik, kurang ajar. Itu soal yang berbeza.

Soal yang kita cerita kelmarin ialah soal dalam berbahas *budget process.* Saya memahami bahawa *budget process* tidak serupa mana-mana Parlimen tetapi *budget cut* yang kita maksudkan apabila usul di bawa oleh mana-mana Ahli Yang Berhormat, *di House of Commons* dan di mana-mana Parlimen pun, ada *discretionary* Speaker sama ada menerima *amendment to the* usul itu atau tidak. Dalam soal memotong bajet, cuma ada tiga perkara *that I come across* iaitu kalau pembangkang tidak setuju kepada belanjawan yang dibentangkan oleh kerajaan, seorang ahli daripada pembangkang boleh membuat usul bermakna mengurangkan bajet itu yang dipanggil *policy different.* Kalau Ketua Pembangkang *doesn't agree with the government like what you people did, you have a budget* sendiri, itu.

Kedua ialah *economic cut budget,* iaitu dalam pembentangan Menteri Kewangan ada sektor-sektor ekonomi yang perlu di *attack* oleh pembangkang, iaitu kalau dalam sektor industri kesihatan umpamanya, bermakna bangkitkan hal itu, potong dalam di mana bawah Kementerian Kesihatan. Begitu juga kalau umpamanya Kementerian Dalam Negeri. Apa yang sering kali dibangkitkan adalah istilahnya ialah *'token cut'.* Iaitu spesifik isu mengenai satu kelemahan di dalam satu kementerian yang dipertanggungjawabkan kepada kerajaan. Itu namanya *token cut*.

Akan tetapi apabila kita buat di Parlimen kita, sehingga seorang Ahli Yang Berhormat meminta potong gaji OCPD kerana membuat sekatan jalan raya. Apa yang menjadi permasalahan saya, adakah itu satu tindakan pemimpin-pemimpin di negara saya yang waras dan harus saya *prolong.* Bagi saya tidak, saya terpaksa membuat pendirian.

So, kalau umpamanya kita buat pembetulan kepada peraturan mesyuarat, saya setuju dengan Yang Berhormat Ipoh Timur, iaitu banyak lagi perkara-perkara dalam peraturan mesyuarat yang perlu kita perjelaskan iaitu yang sedang saya buat sekarang ini, iaitu boleh saya benarkan di bawah Perkara 66(9), *you can still meet that,* berikan saya notis di mana kementerian Yang Berhormat mahu tolak boleh, tetapi jangan gunakan bahawa menolak gaji Menteri. Yang Berhormat semua sedar bahawa satu pertikaian di sini yang paling hebat, di mana sekarang saya sendiri masih lagi sebagai Tuan Yang di-Pertua kapasiti *appeal*, di mana Yang Berhormat Puchong bukankah diperintah bahawa boleh diambil tindakan oleh Majlis tetapi gaji dia tidak boleh diambil.

Yang Berhormat, kalau perkara-perkara itu saya sedar, saya tidak akan mengambil tindakan, sayakan berkuasa untuk menjaga integriti Parlimen. Ahli Yang Berhormat semua tahu bahawa peraturan mesyuarat cuma tiga soalan tambahan yang boleh dibenarkan maksimum.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Akan tetapi, ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mahu saya supaya lebih daripada itu, hanya atas sebab bahawa dia mahu berhujah, ada perkara yang gatal dalam hati mahu dikeluarkan. Saya faham itu Yang Berhormat. Itu adalah soal yang berbeza. Dia membuat *criminal* di dalam ruang lingkup di mana kuasa Parlimen boleh mendenda Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: ...Dan itu, dalam perkiraan mereka apabila saya membaca *ruling* terdapat *criminality* di situ tetapi sebelum diambil tindakan oleh pihak polis, Parlimen yang akan membuat tindakan dengan membuat usul sedemikian rupa. Itu *substantial motion.* Bermakna usul boleh dibawa atas nama persendirian. Akan tetapi dalam soal *amendment*, soal Yang Berhormat ini *budget process amendment* iaitu membuat *amendment* kepada apa yang dibentangkan oleh kerajaan. *So, another word the motion is not substantial* . Itu perbezaannya, ia *technicalities* Yang Berhormat. Setiap hari itulah kerja saya. Kerana saya tidak mahu dilihat bahawa saya orang yang tidak baik, saya orang bodoh.

Apabila saya membaca Blog, kadang-kadang *disturbs me.* Ada orang cakap, tulis bahawa *"oh, only no see, only to pass the motion and stop the motion". You know what motion is?* Kawan dia tanya. *Motion* hanya cuma berak di tandas sahaja kononnya. *[Ketawa] See? But I don't want some other Parliament observing us to see that, we don't know anything what we do in our Parliament. So,* saya terpaksa menegur.

Jadi, bermakna 66(9) masih boleh diguna pakai tetapi janganlah gunakan untuk *cut the minister pay. It is not right, no Parliament is done that. That is the process of budgeting; you are quoting a different thing all together.*

■1210

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sudah saya beri penjelasan. Bermakna penjelasan saya itu sama ada Yang Berhormat terima atau tidak.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Saya tidak mahu panjangkan perkara ini. Saya tidak mahu panjangkan perkara ini. Namun saya juga faham segala keputusan Tuan Pengerusi adalah keputusan muktamad. Akan tetapi saya hanya mahu *put on record* sahaja bahawa ia dibenarkan...

Tuan Pengerusi: Itu saya ucapkan terima kasih *because* Yang Berhormat bangkitkan, memberi saya peluang juga untuk memberi penjelasan. Akan tetapi kalau Yang Berhormat masih tidak lagi puas hati dengan *ruling* saya kelmarin, Yang Berhormat boleh gunakan Peraturan Mesyuarat 43 juga. *Bring out a motion on your own name* supaya kita dapat masukkan dalam *Order Paper.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *Which we will never see the end of the…*

Tuan Pengerusi: Sama ada dapat dibahas atau tidak itu soal lain.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: ...Di mana kita tidak akan lihat dalam Dewan ini juga. Kita tahu praktikalnya.

Tuan Pengerusi: Ada peraturan mesyuarat, Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *So that's the mechanism about Parliament to pass no confidents motion on the Minister.*

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Buang masalah! *[Dewan riuh]*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Saya cakap dengan Speaker. Apa ini... *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Tidak tidur semalamkah?

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, tidak apa, tidak apa.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Itu sikap biadab. Boleh kita potong gaji dia tidak?

Tuan Pengerusi: Tidak apa, tidak apa. Yang Berhormat Serdang, tidak apa. Tidak apa. Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Petaling Jaya Utara pergi balik sekolahlah.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, kita semua ini belajar di antara satu sama lain. Kita semua perlu kebaikan. Kadang-kadang saya tahu. Kadang-kadang saya panas baran. Akan tetapi tolonglah Yang Berhormat. Bantu saya. Ini semua kerja kita. Bantu. Kita saling bantu-membantu. *This is our Parliament.* Jadi jangan habiskan masa. Sila. Saya nampak Yang Berhormat Arau tadi. Sila, Yang Berhormat Arau.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, *go back to school.*

Tuan Pengerusi: Sudahlah Ahli Yang Berhormat. Sudahlah.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Sudahlah. Sudah, sudah. Sila, sila. Sila, Yang Berhormat Arau.

12.11 tgh.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa. Saya ingin menarik perhatian Dewan kepada 100000 – Dasar Baru dan satu lagi ialah 100500 – Perluasan Fungsi dan Aktiviti yang melibatkan LHDN. Ahli Yang Berhormat dan Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian pihak kementerian iaitu berhubung dengan konsep pelepasan cukai iaitu tentang insentif dan rebat yang telah diperkenalkan oleh kerajaan.

Saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian berhubung perkara ini. Apakah bidang yang dibenarkan kerana kita lihat dalam keadaan ini ramai pembayar cukai yang agak keliru. Apakah bidang yang dibenarkan pelepasan cukai atas jenis pendapatan dan perbelanjaan yang dibenarkan oleh kerajaan? Adakah bidang-bidang ini juga turut mendapat insentif kepada syarikat-syarikat ataupun syarikat-syarikat perindustrian yang turut menerima daripada manfaat ini?

Ini kerana kita bimbang kalau kadar pelepasan ini diberi peluang kepada syarikat-syarikat perindustrian yang lain, mereka akan mengambil kesempatan di atas keuntungan yang besar yang dibuat oleh mereka seperti mana yang berlaku di Amerika Syarikat sendiri. Beberapa syarikat gergasi seperti *Exxon Mobil*, *Bank of America, Chevron* dan lain-lain seperti *Baron Energy.* Mereka mencapai keuntungan yang besar tetapi dalam masa yang sama mereka melarikan diri daripada cukai dan mereka ini merupakan golongan konservatif yang menyokong Romney dalam pemilihan Presiden Amerika.

Jadi dalam hal ini kita pohon pihak kementerian untuk berhati-hati dengan syarikat-syarikat besar supaya mereka tidak mengambil kesempatan di atas insentif-insentif yang telah ditawarkan untuk cukai individu yang berlaku di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, satu lagi ialah tentang 060000 - Perkhidmatan Kastam. Perkhidmatan Kastam ini merupakan di antara dua sumber utama selain daripada LHDN. Jabatan Kastam di antara dua agensi yang terbabit dalam mengutip cukai untuk pendapatan negara. Saya mahu perkhidmatan Kastam dalam usaha mengutip cukai ini dikemaskinikan kerana kita lihat apa yang berlaku dalam soal pengendalian kontena di kawasan-kawasan pelabuhan misalnya. Kita lihat kita masih lagi mempunyai satu sistem yang berkesan untuk kita pastikan sama ada penapisan yang boleh mengendalikan kadar pengendalian kontena dengan cepat, semuanya masih dalam peringkat belum dilaksanakan oleh kerajaan.

Begitu juga dengan keadaan yang tidak teratur di kawasan pelabuhan seperti di *North Port, West Port* dan sebagainya termasuk Pelabuhan Tanjung Pelepas yang menyebabkan kita kehilangan cukai harian yang begitu banyak. Sepatutnya cukai itu lebih daripada itu. Begitu juga dengan pegawai-pegawai yang bertugas di kawasan pelabuhan ini perlu dibuat kekerapan dalam pemantauan terutamanya oleh pelbagai agensi yang melibatkan SPRM dan lain-lain supaya kita pastikan ketelusan dalam soal *loading* dan soal pengendalian kontena yang begitu banyak. Hampir USD8,000 hingga USD9,000 hari ini. Akan menjana pendapatan yang banyak kepada pihak kerajaan.

Seterusnya Tuan Pengerusi ialah 022200 – Pembiayaan *Funding Gap* untuk KTMB. Saya telah menerima surat daripada rakan-rakan Kesatuan Pekerja-Pekerja Keretapi Tanah Melayu Berhad (KPPKTMB) ataupun *Railwaymen Union of Malaya (RUM).* Semua kakitangan RUM ini telah merasakan mereka sebenarnya agak tertekan, Tuan Pengerusi apabila ada cadangan dan cubaan terbaru untuk mengambil alih keseluruhan pengurusan KTMB. Jadi saya mohon penjelasan pihak Kementerian Kewangan terutamanya untuk melihat perkara ini dan membuat kajian dengan terperinci. Apabila pengalaman yang telah berlaku satu masa dahulu iaitu sekitar bulan Ogos 1997, 31 Julai hingga 2012, baru habis sahaja iaitu yang melibatkan pengalaman Marak Unggul Sdn. Bhd. yang telah diberikan hak untuk mengurus KTMB ini dan hasilnya kita lihat Tuan Pengerusi, berlaku pengurangan pekerja.

Kita tidak nafikan. Kalau penswastaan untuk membina kecekapan tetapi dalam masa yang sama ada perkara-perkara lain yang mereka buat untuk mereka menjamin keuntungan atau *profit guarantee,* dengan izin Tuan Pengerusi. Mereka telah membuat beberapa *constructive dismissal,* dengan izin kepada kakitangan.

Berlaku kekurangan kakitangan yang ditawarkan *voluntary separation scheme* (VSS) dan sebagainya dan akhirnya kita lihat mereka yang sudah mempunyai skil dan pengalaman yang begitu lama dalam KTMB, mereka telah terpaksa berhenti dan berada dalam keadaan yang tidak baik terutamanya mereka yang masih membuat pinjaman perumahan, mereka yang mempunyai anak-anak yang masih di alam persekolahan yang sebenarnya memerlukan kita untuk memikirkan perkara ini dengan sebaik mungkin.

Terbaru pengalaman daripada Marak Unggul Sdn. Bhd. ini, ada lagi cadangan yang akan diambil alih oleh syarikat lain yang saya tidak mahu jelaskan di Dewan yang mulia ini. Akan tetapi belum dimuktamadkan tetapi hampir dimuktamadkan perjanjian ini. Bermakna akan berlaku pengalaman yang berlaku pada masa dahulu akan berlaku di masa ini di bawah cadangan cubaan pengambilalihan yang terbaru. Kita lihat KTMB ini adalah merupakan di antara perhubungan yang terpenting yang telah memberi banyak sumbangan dalam sistem pengangkutan di negara kita terutamanya dari sudut keperluan rakyat golongan sederhana dan golongan miskin dan ditambah lagi dengan *advantage* yang kita ada sekarang. Dengan *railway track* daripada Padang Besar hingga ke Johor Bahru yang *insya-Allah* akan disiapkan pelbagai pakej. KTMB juga masih beroperasi dengan bantuan atau *funding* yang diberikan oleh Kementerian Kewangan.

Makna kata dalam urusan penumpang, harga masih lagi di tahap lama. Tidak dinaikkan. Bermakna ada subsidi di sini. Kemudian kos untuk mengangkut barangan pun masih lagi tidak dibenarkan dinaikkan oleh pihak kerajaan. Semuanya disubsidi. Jadi dalam hal ini, ada dua tujuan. Kita tidak tahu apakah niat yang tersirat di dalam syarikat yang cuba memuktamadkan perjanjian ini sama ada ikhlas ataupun tidak ataupun mengintai-intai tanah yang ada di KTMB. Walaupun tanah ini di bawah Perbadanan Aset Keretapi di bawah Kementerian Pengangkutan. Mungkin melihat ada lagi *double railway track* yang akan ada di Gemas ke Kota Bharu yang berjumlah RM29 bilion.

Jadi dalam hal ini saya minta kerajaan dan KTMB sudahlah. Kita tidak benarkan ia menaikkan tambang untuk operasi. Pengerusi KTMB sudah tidak ada di sini. Jadi kita mohon supaya perkara ini dibatalkan oleh kerajaan. Tidak payah berfikir lima, enam kali kerana perkara-perkara ini harus ada di dalam pengawasan dan kawalan oleh kerajaan, Tuan Pengerusi.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Bangun]*

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Saya merasakan nasib kakitangan ini yang mereka berjumpa saya, kakitangan bawahan, mereka amat sedih. Sesetengahnya masih lagi apabila di*corporatized*kan, mereka hanya memegang pencen sekitar RM130 hingga RM200 sebulan sedangkan mereka masih berkhidmat.

■1220

Apatah lagi apabila mereka habis, mereka dapat VSS, mereka ambil lain ketika dikecilkan lebih kurang 5,600 kakitangan di seluruh negara. Apa akan jadi kepada mereka yang mereka pernah berjasa kepada kita pada satu masa dahulu kepada kerajaan. Ini merupakan di antara perkara yang harus diberikan perhatian serius oleh pihak kerajaan. Yang Berhormat Kuala Langat, laluan?

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Seperti mana yang kita umum tahu baru-baru ini berlaku piket di jalan utama di KTM Berhad. Isunya adalah ketakutan yang begitu meluap-luap Yang Berhormat Arau. Memang saya setuju, 3,600 pekerja dalam cukup dilema. Proses pengambilan ini sudah tentu akan memburukkan keadaan bilamana melihat daripada pekerja-pekerja di Proton yang 6,000 itu sudah dapat terkesan daripada pengambilan, daripada syarikat ataupun tuan punya yang sama. KTM ini pada dasarnya telah diuar-uarkan peringkat awal lagi Yang Berhormat Arau, daripada peringkat awal lagi, tahun lepas lagi.

Namun kenampakan sudah hasilnya pengambilan penswastaan ini sudah menjadi kenyataan. Kita lihat bahawa apabila berlaku AirAsia ambil alih kepada MAS, diuar-uarkan 11,200 Tuan Pengerusi, akan dibuang kerja. Ini menakutkan juga dan walaupun undang-undang itu ada di bawah seksyen 60(j) tetapi itu tidak sebenarnya menyelesaikan masalah. Ketakutan ini ada suatu yang tersirat yang tidak tahu tetapi tidak diberitahu.

Jadi, saya merayu kepada Kementerian Pengangkutan, khususnya Kewangan supaya bersetujukah Yang Berhormat Arau dengan pandangan saya bahawa sekiranya boleh jangan di*privatised*kan supaya selamatlah pekerjanya yang 3,500 Tuan Pengerusi, yang bekerja 20 tahun hingga 30 tahun ini supaya mereka dapat meneruskan hidup dengan lena dan selesa. Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat memberi ruang.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Sangat bersetuju dan dalam hal ini BNBBC dengan Pembangkang kita memohon pihak kerajaan supaya mempertimbangkan perkara ini dengan semaksimum yang boleh supaya jangan ada lagi usaha-usaha untuk mencari keuntungan yang lain terutamanya dalam melibatkan cadangan mengambil alih pengurusan KTMB ini.

Tuan Pengerusi yang dikasihi, Keretapi Tanah Melayu telah menjangkau lebih 20 tahun telah dikorporatkan tetapi sampai hari ini ia tidak pernah mencapai satu tahap syarikat yang berprestij ataupun sebuah syarikat yang menjana keuntungan. Sebaliknya, boleh dikatakan setiap tahun mereka rugi. Ia tidak seperti Pos, Tenaga Nasional, Telekom, mungkin Bernas dan lain-lain lagi. Mereka telah mencapai satu tahap yang *excellent*, yang walaupun ada sedikit masalah tetapi KTMB tidak mencapai keadaan yang disasarkan. Ini kerana mereka walaupun untuk membiarkan mereka berdikari untuk mengendalikan kewangan sendiri adalah tidak mungkin ia dapat dilaksanakan tanpa suntikan kewangan daripada pihak kerajaan.

Jadi dalam hal ini, kita dengan kedudukan modal yang besar, pegangan lokomotif, EMU, ETS, SGS, landasan berkembar yang telah siap ini semuanya memerlukan perbelanjaan yang besar dalam memastikan bahawa sistem pengangkutan kita, keyakinan yang kita harus ambil untuk kita mewujudkan kemudahan prasarana yang begitu hebat. Kita mohon supaya sehingga hari ini, kerugian terkumpul hampir menjangka RM200 juta. Kita lihat ia tidak begitu produktif apabila sewa-sewa juga turut dikutip oleh Perbadanan Aset Keretapi yang dimiliki oleh kerajaan. Jadi, pendapatan sampingan pun mereka tidak cukup untuk mengendalikan pengurusan-pengurusan.

Jadi, harus mereka bergantung penuh pada kerajaan seperti mana yang berlaku di beberapa kerajaan lain seperti Kerajaan China yang mewujudkan Menteri Kereta Api sendiri. Satu jawatan khas bagi mengendalikan urusan pengangkutan yang dianggap cukup penting dalam menjana ekonomi negara. Jadi dalam hal ini Tuan Pengerusi, kita mohon ehsan supaya sekali lagi tidak ada muktamad untuk mengambil alih pengurusan ini bersama dengan rakan-rakan di Dewan yang mulia ini. Terima kasih, saya mohon menyokong Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Bagan.

12.24 tgh.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin mula dengan merujuk kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri – Butiran 1000 dan berkaitan dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri bahawa kalau ada mana-mana pembayar cukai yang tidak atau cuba lari dari cukai, mereka akan dipenjarakan.

Saya harap perkara ini bolehlah dijelaskan dengan baik kerana seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa hanya 8 peratus daripada pekerja-pekerja yang membayar cukai kepada negara dan ini adalah suatu landasan yang amat sempit dan kecil. Oleh itu, sekiranya yang 8 peratus ini yang membayar cukai pun hendak diambil tindakan penjara, saya rasa ia agak berat dan keras sikit. Oleh itu saya harap bahawa perkara ini tidak digunakan sebagai satu senjata untuk memenjarakan mereka yang membayar cukai. Kalau saya rasa kita lihat dari aspek iaitu denda yang dikenakan iaitu 10 kali ganda jumlah cukai yang cukup dilarikan atau dielakkan, saya rasa ia sudah memadai dan mencukupi.

So, saya harap bahawa pihak kerajaan boleh menyatakan dengan jelas bahawa peruntukan sedemikian tidak akan digunakan. Bolehkah pihak kementerian menyatakan berapakah jumlah pendakwaan yang dibuat ataupun berapa ramai yang telah dipenjarakan kerana lari daripada cukai?

Saya membuat kenyataan sedemikian kerana saya nampak macam ada pilih kasih kerana kita boleh lihat bahawa ada pemimpin-pemimpin atau kroni-kroni tertentu di mana dari segi pengumpulan harta adalah begitu banyak sekali. Akan tetapi nampaknya mereka bukanlah dalam senarai pembayar cukai yang terbesar.

So di sini, saya ingin minta Tuan Pengerusi, bolehkah pihak kerajaan memberikan senarai pembayar cukai yang terbesar iaitu dalam dua peringkat. Senarai pembayar cukai berbentuk korporat dan juga berbentuk individu. Ini adalah kerana kalau kita lihat di Hong Kong, memang pembayar cukai yang terbesar akan diumumkan kepada orang ramai. Saya rasa ini penting kerana mereka yang membayar cukai ikut undang-undang, mereka harus diraikan dan kerana mereka ikut undang-undang dan mereka menjalankan tanggungjawab, memberikan sumbangan kepada negara.

Kita hendak tahu siapakah mereka supaya saya rasa kita boleh pastikan pematuhan undang-undang yang sewajarnya kerana kita tidak mahu lihat ada mereka yang tertentu, dia boleh dapat pinjaman yang besar-besar, berbilion-bilion. Akan tetapi dari segi pembayar cukai, tidak nampak langsung. Macam sebagai satu contoh, mungkin kita hendak tahu, iaitu SYABAS, dia punya Ahli Lembaga Pengarah bayar berapa? Sampai dia dapat RM12 juta, RM13 juta. Dia bayar berapa? Kita hendak tahu. Bolehkah ini diumumkan? Kerana dia kenakan kadar air yang begitu tinggi, dia punya bayaran dari segi Ahli Lembaga Pengarah lebih RM10 juta. Apakah jumlah wang yang dibayar?

Kerana kita lihat dalam pertandingan Presiden Amerika Syarikat di mana isu pembayaran cukai oleh Romney merupakan satu perkara yang mendapat perhatian umum kerana dari segi kadar *effective tax rate*, adakah ia memadai? Kerana kita tidak mahu lihat ada apa-apa *tax devices* ataupun apa-apa lubang yang mereka akan reka untuk mengelakkan daripada pembayaran cukai. *So,* di sini saya harap kalaulah pihak Kerajaan Persekutuan memang komited untuk menegakkan ketulusan dan akauntabiliti, siarkan satu per satu siapa pembayar cukai utama? Kerana yang kita bimbang, mungkin daripada mereka yang kita anggap akan bayar banyak cukai, mereka tidak bayar cukai yang sewajarnya.

Kita boleh lihat bahawa pematuhan cukai tambah setiap tahun Tuan Pengerusi. Akan tetapi kita hendak tahu siapa mereka dan mungkin untuk menggalakkan mereka untuk membayar lebih cukai, itu yang saya cadangkan. Kita meraikan kesanggupan mereka untuk menyumbang kepada negara...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Penjelasan sikit, boleh Yang Berhormat Bagan?

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Sila.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya yang Yang Berhormat Bagan bangkitkan tadi memang telah didesak oleh banyak pihak termasuk dalam kapasiti kumpulan yang membayar cukai sendiri.

■1230

Akan tetapi, saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Bagan, sebenarnya para penerima pendapatan yang begitu besar daripada pendapatan syarikat terutamanya, mereka ini tahu yang mereka ini tidak membayar cukai kerana kebanyakan mereka ini menerima dividen dan dividen dikecualikan daripada pembayaran cukai kerana cukai yang sepatutnya dibayar itu telah di-*absorb*, telah dibayar oleh syarikat masing-masing. Ini menyebabkan kedudukan penerima-penerima pendapatan yang besar dalam negara kita ini dilihat atau terkeluar sebagai orang yang tidak perlu bayar cukai. Ini sistem yang pada saya, Yang Berhormat Bagan sebut tadi sistem yang amat baik untuk kita nilai semula dan kita lihat kerana orang yang mendapat pendapatan besar ini akhirnya dia keluar sebagai pembayar cukai yang tidak perlu bayar cukai pun kerana pendapatan mereka seolah-olah telah dibayar oleh syarikat bagi pihak dia.

Pada saya amat tidak wajar sama sekali, kita perlu ada satu penilaian semula dan saya menyokong 100 peratus apa pendapat yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bagan tadi, terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih, saya rasa ini adalah amat penting kerana memang kita tidak mahu mereka yang mendapat pendapatan yang begitu tinggi tapi dari segi *taxed rate* adalah lebih rendah daripada seorang pekerja biasa.

Oleh itu, saya harap perkara ini boleh dapat perhatian kerana ini adalah satu isu kesaksamaan. Sekiranya kadar cukai ataupun kita punya sistem percukaian tidak boleh memastikan yang mereka mendapat pendapatan yang lebih bolehlah mengikut sistem *progressive taxed rate* yang kini diamalkan. *So,* di sini kita harap bahawa ia bolehlah diberitahu dengan telus dan juga kepada orang ramai.

Saya rasa sudah sampai masanya kita tahu siapakah atau syarikat iaitu dua senarai syarikat dan lepas itu individu supaya kita boleh tahu. Bila kita melihat macam *Malaysian Business*, cakap pembayar ataupun penerima elaun-elaun ataupun bonus yang begitu besar, kita tahu siapa mereka seperti yang saya sebutkan tadi iaitu Syabas tetapi dari segi pembayaran cukai adakah mereka juga *top-top* yang kita bimbang mungkin penerimaan wang *top-top* tapi pembayaran kepada kerajaan *top-top* tapi 'belakang kira'. Itu yang kita tidak mahu lihat berlaku.

Satu perkara lagi yang saya hendak sebut tentang pembayar cukai ialah bahawa dari segi rebat. Saya hendak cadangkan bolehkah ianya diperluaskan supaya ia merangkumi mereka yang membuat derma untuk tujuan pendidikan, baik sekolah Cina, sekolah mubaligh, sekolah agama rakyat, supaya kita boleh menggalakkan pembayaran sedemikian untuk tujuan-tujuan amal. *So*, dari segi pendidikan kita tidak seharusnya ada sebarang perbezaan, asalkan itu adalah satu institusi yang didaftarkan secara sah dan sahih, saya rasa harus diberikan rebat. Saya bukan cakap potongan cukai, saya cakap rebat.

Pada masa yang sama juga, seperti mana yang diberikan kepada tujuan amal juga untuk tujuan agama, kalau ia diberikan untuk gereja, atau untuk tujuan-tujuan bagi pihak orang bukan Islam, kalau mereka memberikan derma kepada sebuah rumah ibadah ataupun tujuan agama yang telah pun didaftarkan secara sahih, bolehkah ia juga diberikan rebat? Saya rasa itu adalah sesuatu yang kita harus galakkan. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan, sudah sampai masanya untuk kita berikan galakkan kepada penganut bukan Islam yang memberikan derma dari segi rebat pun harus diberikan.

Satu lagi perkara yang saya ingin sebut Tuan Pengerusi ialah berkaitan dengan pengurusan kewangan. Di sini Tuan Pengerusi, kita amat bimbang bahawa kalau kita sebut dari segi- ini B.10, kita hendak tanya macam mana keputusan yang dibuat oleh pihak Perbendaharaan. Saya sebut ini kerana saya lihat dalam Laporan Audit Negara 2011, di mana dinyatakan bahawa jumlah tunggakan hutang adalah RM5 bilion dan salah satu daripada usaha untuk mengurangkan hutang tunggakan ini adalah menjadualkan semula ataupun hapus kira. Saya rasa itu memberikan satu mesej yang kurang baik kerana kalau sesebuah GLC boleh dapat pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan, tidak bayar, tidak harus bertanggungjawab sebaliknya boleh dihapus kira sama sekali.

Saya rasa ini memberikan satu imej yang tidak betul, mengapa syarikat-syarikat besar boleh menikmati keistimewaan ini tetapi orang kecil-kecil, orang biasa tidak dapat layanan sedemikian. Perwaja Terengganu Sendirian Berhad, kalau kita lihat Laporan Ketua Audit Negara Tuan Pengerusi, dinyatakan bahawa Perwaja Terengganu Sdn. Bhd., tunggakan hutang tidak dibayar selama 14 sehingga 17 tahun. Sila.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Yang Berhormat Bagan...

Tuan Pengerusi: Selepas Yang Berhormat respons kepada Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, gulung ya sebab masa sudah habis.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih, pendek sahaja. Adakah Yang Berhormat Bagan berfikiran bahawa Kementerian Kewangan juga perlu jawab kenapa wang hutang daripada kroni-kroni seperti Tan Sri Tajudin Ramli sebanyak RM589 juta yang telah pun diiktiraf oleh mahkamah juga dilupuskan oleh kerajaan dan akibatnya kewangan kerajaan kita kian berkurang akibat pelupusan pinjaman ini.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Tuan Pengerusi, memang saya bersetuju dengan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, bukan sahaja kena jelaskan tapi kita hendak tahu adakah ia dikenakan cuka. Ini kerana ia adalah satu *benefit*, ini adalah satu faedah dan kalau faedah sedemikian boleh dikenakan cukai, adakah ia dikenakan cukai dan berapa dikenakan cukai.

Saya hanya merujuk seperti yang dinasihatkan tadi oleh Tuan Pengerusi bahawa kalau kita lihat dari segi tunggakan hutang oleh GLC-GLC bahawa setakat akhir tahun 2011, RM3,328 juta tidak dibayar merupakan tunggakan hutang yang tidak dapat dibayar, yang paling teruk Perwaja Terengganu Sdn Bhd tidak bayar 14 hingga 17 tahun. Sudah ada tiga Perdana Menteri tetapi tidak boleh dibayar. Tindakan tidak diambil Tuan Pengerusi, sebaliknya dihapus kira RM1,625.68 juta, ini hanya satu syarikat yang ada dua ribu lebih juta, kita tidak tahu sama ada ia akan dihapus kira untuk masa-masa akan datang.

Saya rasa ini adalah satu kerugian yang besar kepada negara, RM1,625 juta Tuan Pengerusi, ini bukan jumlah yang kecil. Kita hendak tahu mengapa ia dihapus kira, di sini ia dinyatakan bahawa *it will be amortized, that assets in payment would be amortized over 16 years* daripada tahun 2011 hingga tahun 2027. Ini pun macam kerugian *forex* Bank Negara untuk tutup jumlah yang dirugikan oleh pihak Bank Negara, mereka *amortize* untuk 10 tahun supaya jumlah kerugian dilihat lebih kecil, dan bukanlah satu jumlah yang besar.

Perwaja Terengganu, kita tahu ia telah disenaraikan dalam BSKL, kalau ini disenaraikan dan sekarang menikmati keuntungan besar, mengapa Kerajaan Persekutuan harus hapus kira hutang sedemikian? Ini satu perkara penting, satu syarikat seperti ini di mana kroni-kroni tertentu, di ada *highway* untuk dijual, dia boleh untung banyak lagi. Kroni-kroni tertentu boleh untung besar, yang tanggung kerugian adalah rakyat Malaysia. Itu sebab yang selalu kita sebutkan, keuntungan diswastakan, kerugian di masyarakatkan, *profit privatized, losses socialized.*

Ini adalah sesuatu yang Pakatan Rakyat tidak setuju sama sekali kerana polisi sedemikian adalah tidak berkepentingan rakyat. Dari segi Perwaja Terengganu Sdn. Bhd., satu perkara yang kita hendak tanya, 14 hingga 17 tahun, apakah tindakan diambil oleh pihak yang bertanggungjawab? Kalau sedemikian Tuan Pengerusi, lebih baik semua syarikat GLC yang pinjam wang daripada Kerajaan Persekutuan, jangan bayar. Itu mesej mereka jangan bayar...

Tuan Pengerusi: Gulung Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: ...Kerana kalau tidak bayar akan diambil tindakan, sebaliknya boleh dihapus kira, senang lenang dia boleh gunakan wang begitu sahaja.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

■1240

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Itulah, saya harap satu penjelasan boleh diberikan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Jempol, selepas itu Pasir Mas.

12.40 tgh.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Tuan Pengerusi, saya ingin minta penjelasan daripada kementerian berkaitan dengan Butiran 050000 – Tabung Bantuan Bencana Negara. Ini adalah merupakan usaha yang baik yang dibuat oleh kementerian dan juga kerajaan, menubuhkan satu tabung khas untuk membantu rakyat dalam suasana malapetaka yang menimpa rakyat. Cuma saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, kalau boleh tabung yang besar ini kita berikan tajuk khas berkaitan dengan bantuan rumah-rumah yang berlaku kebakaran. Ini terutama sekali golongan rakyat miskin yang berada di kampung-kampung dan di luar bandar.

Apabila berlaku kebakaran, semua harta mereka habis dan memerlukan pembinaan semula rumah baru dalam tempoh yang cepat dan juga jumlah kewangan yang mencukupi. Kalau boleh melalui tabung ini saya cadangkan kepada kerajaan supaya dalam tajuk membantu kebakaran ini dapat kita berikan bantuan segera dengan jumlah yang sewajarnya bagi membantu golongan-golongan yang terutama sekali tinggal di luar bandar untuk membangunkan semula rumah mereka.

Kedua Tuan Pengerusi, Butiran 110000 – Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin. Ini juga adalah merupakan usaha murni kerajaan Barisan Nasional untuk membantu golongan rakyat dalam negara kita tanpa meletakkan agenda kemiskinan itu sebagai faktor yang membataskan usaha anak-anak Malaysia untuk mendapat pelajaran dalam negara kita.

Namun demikian, di kesempatan ini saya ingin menyarankan dan juga minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri supaya sebahagian daripada tabung ini, kita khususkan membantu terus kumpulan anak-anak rakyat termiskin, PPRT kita. Kalau boleh kita tanggung keseluruhan kos pengajian mereka, juga pendaftaran kursus mereka, yuran-yuran yang berkaitan dengan pembelajaran mereka terutama sekali apabila mereka hendak mendaftar di universiti dan juga mana-mana institusi pengajian tinggi termasuk di sekolah-sekolah. Mereka juga terpaksa membayar yuran pendahuluan, yuran awal dan juga membeli pakaian dan peralatan-peralatan yang sesuai dengan kursus mereka.

Butiran 150000 – Kumpulan Wang Tabung Bantuan Perubatan. Ini juga adalah merupakan satu dasar yang sangat baik. Jumlah kewangan juga besar di mana hasrat murni Kerajaan Barisan Nasional membantu rakyat kita apabila mereka ini ditimpa kemalangan dan juga kesusahan dan apabila mereka mengalami masalah sakit yang mengejut.

Namun yang demikian, pada kesempatan ini juga Tuan Pengerusi, kalau boleh dalam pembelian alat-alat ganti, apabila mereka ini *accident*, patah kaki. Sebagai contoh, mereka perlu membeli besi dan juga peralatan tertentu untuk dipasang dalam kaki mereka. Kalau boleh untuk tujuan seumpama ini, dapat kita berikan sepenuhnya bantuan-bantuan, peralatan-peralatan ini dengan kadar yang segera supaya membolehkan mereka yang mengalami sakit dan juga kemalangan ini dapat kita bantu. Akhir-akhir ini ramai warga usia emas yang mengadu kepada saya, kalau boleh kita berikan mereka juga bantuan alat-alat gantian seperti lutut palsu kerana mereka ini sudah tua, banyak yang diserang penyakit lutut.

Tuan Pengerusi, Butiran 022100 – Kuala Lumpur International Airport Berhad (KLIAB). Ini adalah merupakan satu sokongan yang besar terhadap institusi ini. Namun demikian, dari segi pemerhatian saya, apabila berlaku pendaftaran, mereka-mereka yang menggunakan *airport* kita untuk penerbangan antarabangsa terutama sekali pada waktu malam, saya dapat melihat servis yang kita berikan kepada mereka amat kurang memuaskan. Pengguna terpaksa beratur panjang dan mengambil masa yang lama dan sistem mereka semua ini melayan terutama sekali pelancong-pelancong, pelajar-pelajar kita yang belajar ke luar negara dan juga pengguna-pengguna *airport* kita amat tidak memuaskan.

Saya berharap perkara ini tidak menjejaskan ekonomi negara kita apabila pelancong-pelancong tidak gemar datang ke negara kita kerana layanan yang tidak sempurna. Begitu juga tahap keselamatan yang meragukan, terutama sekali saya dapat melihat begitu banyak sekali kes-kes dadah bolos melalui *airport* kita. Ini sudah tentulah amat berbahaya terhadap masa depan negara kita kerana kita tidak mahu negara kita ini, *airport* kita digunakan oleh pengedar-pengedar dadah untuk membawa dadah dalam negara kita dan mereka mengaut keuntungan besar, anak-anak negara kita, anak-anak watan kita yang menjadi mangsa terhadap apa yang mereka usahakan.

Tuan Pengerusi, Butiran 020500. Ini adalah merupakan satu sumbangan besar kerajaan kita terhadap subsidi gas cecair, diesel, petrol serta bantuan tunai. Saya dapat melihat bagaimana ini adalah merupakan sumbangan yang besar yang diberikan oleh Kerajaan Barisan Nasional untuk meringankan beban rakyat dalam negara kita. Saya juga ingin mengetahui apakah kajian yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri terhadap setiap rakyat yang berpendapatan RM3,000 ke bawah ini? Berapakah sebenarnya daripada program yang kita buat ini dapat terus meringankan bebanan mereka? Begitu juga rakyat yang berpendapatan RM3,000 ke atas. Sudah tentulah apabila kita memberikan sokongan ini, kita hendak membantu rakyat.

Saya amat berdukacita, masih lagi ada parti-parti pembangkang yang minta duit Bantuan Rakyat 1Malaysia daripada rakyat. Sebanyak RM300 bagi pada isteri beli beras, RM200 bagi pada tabung parti politik. Kalau Barisan Nasional menolong rakyat, janganlah parti-parti pembangkang ini hendak menyusahkan rakyat. Saya fikir ini adalah merupakan perkara yang tidak baik... *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi, saya juga merakamkan ucapan tahniah terhadap seluruh pegawai-pegawai Perbendaharaan yang memikirkan satu bajet yang bertemakan bajet rakyat. Bukan sahaja membangunkan ekonomi negara, kekayaan negara dijana, pembangunan berjalan terus, kebajikan rakyat kita pelihara. Saya berharap sebahagian daripada kewangan kita ini, kita berikan bonus dan insentif khas kepada pegawai-pegawai yang bertungkus-lumus membina bajet yang sangat menggembirakan rakyat. Berbanding daripada bajet pembangkang yang sudah tentu mereka dengan bangganya membentangkan bajet yang menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bankrap. Mana mungkin bajet yang menjanjikan begitu banyak kepada rakyat dengan tol percuma, dengan PTPTN *free* dan banyak janji yang lain, tidak dapat membantu untuk mengurus, terpaksa pinjam RM24 bilion hanya hendak bayar gaji. Ini bajet bankrap. Jadi oleh sebab itu saya cadangkan tenaga-tenaga pakar ini kita gunakan untuk melihat keadaan yang ada pada hari ini.

Tuan Pengerusi, Butiran 050000 – Perkhidmatan Penilaian. Saya kadang kala tertanya-tanya bagaimana Jabatan Penilaian ini membuat penilaian, terutama sekali berkaitan dengan projek-projek pengambilan balik tanah yang memerlukan pembangunan untuk rakyat. Kadangkala Jabatan Penilaian kita membuat penilaian yang tidak munasabah, tidak mengambil kira lokasi dan perbandingan tentang kes-kes sebelumnya. Oleh yang demikian, ini berterusan rasa tidak puas hati rakyat apabila Jabatan Penilaian tidak dapat mengutarakan satu formula yang baik yang boleh memuaskan hati rakyat, yang munasabah, yang tidak memberikan bebanan kepada kerajaan untuk jangka panjang supaya jangan pula kos yang tinggi menjadikan kerajaan menanggung beban yang banyak.

■1250

Dalam masa yang sama, kita tidak mahu rakyat rugi kerana pengambilan balik tanah, pampasan yang kita berikan terlalu sedikit dan tidak munasabah. Jadi saya fikir sampai masanya kita dapat melihat supaya ini dapat kita selesaikan.

Tuan Pengerusi, saya pun hairan macam mana penilaian ini dibuat di kerajaan-kerajaan pembangkang. Kerajaan misalnya di Pulau Pinang. Dia ini berdasarkan apa menilai ini? Macam di Pulau Pinang, jual tanah, bangunkan projek-projek mewah harganya murah tapi bila hendak bangunkan projek-projek rumah kos rendah, mereka menjual tanah dengan harga yang tinggi. Jadi hendak membela rakyat miskin, caj dengan premium yang tinggi, kos yang tinggi tapi hendak membela kumpulan kaya, golongan-golongan yang berpendapatan tinggi, mereka menggunakan dengan premium yang rendah. Jadi apa kayu ukur penilaian yang dibuat? Begitu juga dengan di negeri-negeri lain. Saya pun hairan kenapa ini boleh berlaku.

Tuan Pengerusi, saya juga dapat melihat bagaimana sumbangan Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri, sebahagiannya tidak dibelanjakan. Sebagai contoh, RM33.3 juta Kerajaan Persekutuan beri kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan tujuan bina rumah kos rendah, tolong rakyat miskin, buat rumah, tapi dalam Laporan Audit saya tengok disorokkan, tidak dibuat, tidak dilaksanakan. Jadi macam mana ini Yang Berhormat Menteri?

Peruntukan Kerajaan Pusat kita beri kepada kerajaan negeri, apakah kita tidak ada kuasa untuk memantau dari segi prestasinya, dari segi bagaimana ianya digunakan? Apakah ada ruang kerajaan-kerajaan negeri ini menyorokkan duit yang kita bagi ataupun mereka semua ini memang tidak mampu menguruskan kewangan daripada Kerajaan Pusat untuk membela nasib rakyat?

Tuan Pengerusi: Masa Yang Berhormat.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Sila Yang Berhormat Pasir Mas.

12.52 tgh.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya saya ingin merujuk kepada Butiran 030300 – Kawalan dan Pemantauan di bawah Perkhidmatan Sistem dan Kawalan di muka surat 179.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Kementerian Kewangan dan ingin bertanya dan mendapat penjelasan mengenai dengan kawalan dan pemantauan pihak Kementerian Kewangan ke atas bank-bank dan juga syarikat-syarikat GLC kepunyaan kerajaan. Selain daripada itu juga, perkara-perkara yang berkaitan dan membabitkan soal kemasukan wang asing ke negara kita.

Pertama, secara ringkasnya, walaupun perkara ini sudah dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini tetapi saya ingin mengulangi balik, sejauh mana pihak kawalan dan pemantauan daripada Kementerian Kewangan turut memberi perhatian di atas peranan dan fungsi Bank Negara terutamanya apabila menerima kemasukan wang dana asing ke negara kita ini? Memang tidak menjadi kesalahan masuk keluar wang ini sebagai satu urusan biasa tetapi kita sudah lihat trend yang berlaku di setengah-setengah negara terutamanya di negara Arab baru-baru ini yang sudah pun terbukti dengan jelas ada pihak-pihak tertentu menaja kumpulan-kumpulan dalam negara berkenaan dan memainkan peranan sehingga negara tersebut menjadi kacau-bilau dan terus menjatuhkan kerajaan tersebut.

Kebangkitan Arab Spring umpamanya, bagaimana kita melihat peranan setengah-setengah NGO daripada Barat termasuk penyangak-penyangak mata wang seperti Soros dan baru-baru ini dalam negara kita terdedah isu Suara Inisiatif menerima dana asing dan disalurkan kepada SUARAM dan katanya Bank Negara sudah buat penyiasatan dan saya hendak minta jawapan yang rasmi daripada pihak Kementerian Kewangan sejauh mana penyiasatan yang dibuat oleh pihak Bank Negara? Seterusnya, apakah pada masa akan datang dari segi kawalan ditentukan antara dana asing yang boleh membawa faedah dan kebaikan kepada negara yang tidak menjadi halangan tetapi yang boleh menyentuh ataupun digunakan untuk menggugat keselamatan negara. Ini dua perkara yang berbeza.

Tuan Pengerusi, perkara ini tidak boleh diambil ringan, sebelum ianya menjadi parah sebab kegilaan untuk menjatuhkan sesebuah negara sekarang ini yang ditaja oleh pihak-pihak tertentu menjadi-jadi dan ini harus diberi perhatian. Apakah mungkin dari segi operasinya kalau kemasukan wang dana asing ini dicurigai, masuknya banyak tetapi tidak tahu apakah bentuk urusan perniagaannya, bagaimana keadaan peraturan kawalan kewangan dan apakah bentuk kerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia bagi menentukan ianya tidak disalahgunakan untuk tujuan tidak berfaedah?

Kedua Tuan Pengerusi, saya hendak menarik perhatian yang cukup penting. Sekarang ini di mana-mana sahaja, kalangan kaum bumiputera khususnya yang berkhidmat dengan bank, kaum bumiputera merungut seolah-olah mereka ini ditindas termasuk bank-bank yang dikuasai oleh GLC. Saya hendak sebut, Tuan Pengerusi. Satu, RHB Bank. Saya terima laporan. Saya tidak hendak pergi *detail*. Cuma saya hendak sebut secara sepintas lalu cukup sudah bahawa ada penindasan terhadap eksekutif kaum bumiputera bila masuk pihak-pihak tertentu dalam bank tersebut dan bila menyentuh soal kepentingan kaum bumiputera Melayu tidak ramai orang hendak bela. Kalau kena pihak kaum lain, perkara kecil pun jadi riuh-rendah. Jadi saya hendak sebut perkara ini supaya diberi perhatian.

Sama juga saya terima aduan mengenai Affin Investment Bank Berhad. Bank ini tentera pun ada saham. Affin Investment Bank Berhad melantik warganegara Singapura, orang Melayu, Puan Maimunah Hussin sejak tahun 2007 lagi dan dia ini katanya sentiasa mengkritik, menegur dan macam-macam lagi kalau ada perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan kaum bumiputera. Ini saya terima surat. Saya banyak terima aduan Tuan Pengerusi, macam-macam perkara. Hendak dibawa memang tidak ada masa dan Dewan rakyat pun banyak terganggu dengan perkara-perkara yang tidak memberi faedah. Itu satu.

Yang ketiga Tuan Pengerusi, baru-baru ini saya ada terima SMS di mana ada bank dalam negara kita, bank tempatan, menjemput ahli politik pembangkang menyampaikan ceramah. Selepas itu saya baca dalam *Mingguan Malaysia* di ruangan Awang Selamat tapi tidak disebut bank mana, tetapi saya terima SMS yang dihantar kepada saya, dia kata bank ini adalah CIMB dan saya percaya pucuk pimpinan CIMB tidak tahu ini. Ini peringkat pertengahan di bawah ini. Sebab apa? Sebab golongan peringkat pertengahan di bawah ini sudah banyak sudah kaum eksekutif bumiputera kehilangan tempat. Terpinggir.

Maka dalam kesibukan tugas harian masing-masing, adalah hantu-hantu dalam bank ini yang mempunyai agenda tertentu bawa masuk mereka ini dengan memberi ceramah bukan sahaja dalam negara tetapi juga di Singapura. Macam mana perkara ini boleh berlaku? Sepatutnya bank ini tidak dipolitikkan. Bila bercakap, dikaitkan dengan politik dan memburukkan dasar-dasar kewangan negara. Ini tidak baik dan saya harap perkara ini diberi perhatian. Begitu juga di tempat-tempat lain.

Jadi di mana-mana sahaja rungutan kaum bumiputera sekarang ini, kalaulah ianya sekadar setakat syarikat-syarikat biasa tidak menjadi masalah, tetapi kalau membabitkan syarikat-syarikat di mana kerajaan ada kepentingan, GLC. Baru-baru ini Tuan Pengerusi, bagaimana kita lihat seorang peniaga usahawan bumiputera di KLCC, kerana Petronas memberi urusan menguruskan KLCC di tempat bahagian perniagaan kepada Suria KLCC, sudah berniaga berbelas tahun sudah hendak halau kawan ini keluar sebab ada seorang kaum bumiputera di sebelah itu hendak besarkan kedai dia. Akhir sekali dia menjadi mangsa.

Jadi, dari segi sistem kawalan daripada Kementerian Kewangan dalam perkara-perkara yang saya sebut seumpama ini mestilah diberi perhatian. Kena ada keprihatinan. Saya takut nanti jadi api dalam sekam. Jadi api dalam sekam maknanya orang menyimpan perasaan, menyimpan dendam, menyimpan perasaan tidak puas hati sebab mereka bercakap di antara satu sama lain terutamanya bank-bank yang saya sebutkan tadi. Sebab itu pihak Kementerian Kewangan mesti beri perhatian.

Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat ada tiga minit lagi untuk gulung. Sekarang jam 1 petang. Saya bagi Yang Berhormat...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Lebih sedikit boleh tidak?

Tuan Pengerusi: Saya bagi pilihan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang lain saya sudah semak tadi semua terlebih sedikit. Saya cuba cepat Tuan Pengerusi. Saya cuba.

Tuan Pengerusi: Okey, sila.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang seterusnya saya hendak sentuh mengenai dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Tahniah. Cuma tinggal lagi, saya terima aduan terutamanya syarikat-syarikat kaum bumiputera yang pemegang AP kereta sebab katanya pihak *income tax* sekarang ini menyerbu syarikat-syarikat mereka. Saya menyokong penuh usaha daripada pihak *income tax* untuk memungut hasil seberapa banyak yang boleh. Cuma saya hendak bangkitkan, mereka mengadu kepada saya bila mereka diserbu, fail-fail mereka diambil, okey tetapi akaun mereka juga dibeku. Bila akaun mereka dibeku, mereka tidak boleh menjalankan perniagaan sebab perniagaan ini kena ada bayar itu, bayar ini, operasinya setiap hari. Jadi eloklah kalau boleh dicarikan kaedah supaya tindakan mesti diambil, cukai mesti dibayar, saya setuju dengan tindakan tegas tetapi janganlah menyebabkan perniagaan mereka terbantut. Itu Tuan Pengerusi.

Oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya hendak sentuh sedikit sahaja lagi Tuan Pengerusi mengenai dengan pengurusan kewangan strategik. Saya hendak minta Kementerian Kewangan kalau boleh mengkaji balik iaitu pungutan zakat yang dibuat oleh bank-bank. Saya sudah bangkitkan baru-baru ini supaya pungutan zakat ini yang sekarang ini dibuat oleh bank dipindahkan, dibenarkan pihak amil masjid boleh dijadikan tempat untuk orang Islam membayar zakat.

Kalau bayar di bank, bank ambil komisen, beberapa peratus komisen yang diambil oleh bank sekarang ini terhadap kutipan zakat. Kalau wang ini dikutip oleh amil masjid Tuan Pengerusi, duit ini boleh digunakan untuk naikkan gaji imamkah, untuk memakmurkan masjid. Ia tidak sedikit kerana dijangka tahun 2020 mungkin kutipan zakat mencecah bilion ringgit. Yang mendapat faedah, bank. Setakat orang hendak bayar cukai, pergi ke kaunter serah duit, bank ambil, simpan bagi pihak Lembaga Zakat dan seumpamanya, kemudian mereka caj komisen. Kenapa tidak dibuat macam kita kutip fitrah? Ini saya hendak cadangkan supaya diambil alih oleh pihak masjid untuk bayaran zakat seperti bayaran fitrah.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, walaupun banyak lagi tapi saya hendak rujuk Butiran 020000 – Perkhidmatan Analisis Ekonomi dan Sumber.

Tadi saya dengar Ketua Pembangkang bercakap tadi. Pertamanya dia menyentuh soal-soal pinjaman yang dibuat oleh tokoh-tokoh korporat. Nama-nama sepintas lalu tapi akhirnya difokus kepada Tan Sri Syed Mokhtar. Di kalangan tokoh-tokoh korporat yang ada senarai yang dikatakan *billionaire,* itu satu sahajalah tokoh korporat Melayu bumiputera, tapi diserang begitu. Jadi tahniahlah kepada Ketua Pembangkang kerana serang tokoh korporat Melayu ini. Apa tujuan dia? Apa tujuannya dia serang? Saya percaya ini semua permainan politik.

Samalah bila berlaku Tuan Pengerusi, penghinaan terhadap junjungan besar Nabi Muhammad SAW baru-baru ini, ada komen yang mengatakan umat Islam ini kononnya macam sakit jiwa. Itu wawancara di luar negara. Sebab apa? Sebab hendak ambil hati orang barat, hendak ambil perhatian penyokong-penyokong yang saya sebutkan tadi daripada barat itu daripada Amerika dan sebagainya. Sama jugalah di sini. Bila dia serang tokoh korporat Melayu ini, mungkin menjadi sentimen kepada orang-orang bukan Melayu. *"Tengok, inilah Kerajaan Malaysia ini, Kerajaan UMNO ini menyokong tokoh korporat Melayu, menyokong Melayu."* Jadi kaum lain tersalah faham, bawa persepsi yang tidak betul, akhirnya mencemarkan nama baik ini.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Jadi inilah saya rasa pandangan saya Tuan Pengerusi, satu tindakan yang tidak bertanggungjawab. Jadi tidak adil. Kalau hendak tegur, tegur biar adil. Kalau hendak tegur, biarlah telus dan ikhlas tapi kita tahu cakap tidak serupa bikin seperti mana yang kita lihat sebelum ini. Sekian, Tuan Pengerusi, saya ucap terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.05 petang.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Jawatankuasa.]***

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tidak ada orang hendak cakap lagi, ya? Ramai orang dekat sini, ya. Akan tetapi beri Yang Berhormat Tawau itu.

2.33 ptg.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ringkas dengan satu tajuk sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tidak mengapa Yang Berhormat. Cakap sahaja Yang Berhormat.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Ya... *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Maksud B.10, Butiran 010600 - Pengurusan Pinjaman Perumahan. Saya ingin merujuk balik kepada pembinaan rumah *medium cost* dan Rumah Mesra Rakyat oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) di Sabah. Adakah Menteri Kewangan sedar, pembangunan perumahan oleh SPNB di Sabah telah kekal? Saya ingin mengetahui apakah sebabnya pembangunan perumahan itu terbengkalai atau ditangguhkan?

Saya menerima banyak aduan daripada pembeli-pembeli, 856 unit rumah di Taman Apas Permai yang telah ditangguhkan lebih daripada dua tahun. Penangguhan itu telah menyebabkan kesusahan kepada pembeli-pembeli rumah yang dibebankan untuk membayar *interest* atas pinjaman bank dan juga masih membayar sewa kerana mereka masih tidak dibenarkan pindah masuk rumah walaupun diberitahu bahawa semua 175 rumah jenis 'B' adalah siap sepenuhnya. Saya ingin mengetahui juga apa sebabnya projek pembangunan perumahan itu ditangguhkan oleh pihak pengurusan, mengapa tiada alasan atau mohon maaf tidak diberikan kepada pembeli?

Saya ingin mendesak kementerian supaya bertanggungjawab dan menjelaskan bagaimana sebuah projek pembangunan secara langsung di bawah Kementerian Kewangan, boleh memberi begitu banyak masalah kepada rakyat sedangkan objektif asalnya adalah untuk menyediakan perumahan yang mampu dimiliki untuk rakyat. Malah kebanyakan pembangunan SPNB di Sabah telah terbengkalai atau ditangguhkan manakala masalah itu tidak berlaku di Semenanjung Malaysia. Saya ingin mengetahui juga mengapa masalah begitu serius mengenai semua projek perumahan oleh SPNB di Sabah tidak dilaporkan oleh Ketua Audit Negara tahun 2011? Saya berharap di sini rumah-rumah dibina oleh SPNB terbengkalai atau ditangguh di Sabah dapat diselesaikan dengan secepat mungkin. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Jasin.

2.36 ptg.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi beri saya peluang. Pertamanya, Kementerian Kewangan telah diberikan peruntukan sebanyak RM45.2 bilion di bawah Kementerian Kewangan dan juga Perbendaharaan. Kalau kita lihat daripada Butiran 010000 - Pemberian dan Serahan Kepada Negeri-negeri. Kita dapat lihat di sini, pemberian khas tahunan kepada Sarawak sebanyak RM16 juta, peruntukan khas kepada Sabah sebanyak RM26.7 juta, kepada Kerajaan Negeri Selangor sebanyak RM25.8 juta dan kepada Kerajaan Negeri Kedah sebanyak RM10 juta. Jadi saya ingin tahu, apakah sebenarnya tujuan peruntukan-peruntukan tersebut diberikan kepada keempat-keempat negeri ini? Jadi, mengapakah pula negeri-negeri lain tidak diberikan untuk mendapat peruntukan yang sama termasuk negeri Melaka?

Seterusnya, saya pergi kepada Butiran 040000 – Bayaran Balik, Bayaran Ganti dan Penebusan. Kalau kita lihat, ini sebanyak RM200 juta diperuntukkan bagi bayaran balik cukai kastam dan RM1.8 juta bagi bayaran balik wang lesen dan untuk lencana dan plat kereta sewa pada muka surat 41.

Saya ingin mencadangkan supaya diadakan KPI supaya tempoh dan juga penalti yang kita kenakan ini, benar-benar menepati ataupun sama dengan yang akan dikenakan kepada jabatan ataupun agensi kerajaan. Ia juga mesti dikenakan yang sama juga kerana sebagaimana rakyat rasakan apabila dia dikehendaki bayar kalau ada lebihan ataupun duit dia berlebih bayar, dia mesti bayar balik semula. Akan tetapi banyak daripada jabatan yang mengambil masa yang begitu panjang sekali untuk membayar semula. Akan tetapi untuk menuntut, mereka akan ikut masa yang telah ditetapkan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak LHDN yang membayar balik wang-wang yang lebih ataupun rebat kepada pembayar-pembayar cukai dalam masa yang cukup baik sekali. Jadi barulah kita dapat membuktikan bahawa kerajaan kita sebenarnya lebih adil dan jentera kerajaan akan terus bergerak dengan lebih pantas lagi.

Selepas itu, saya pergi kepada Butiran 110300 – Panel Kajian Semula Cukai. Tahun lepas, kita telah mengumumkan bahawa kita akan menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk membuat kajian semula cukai. Jadi kita ada peruntukan untuk panel kajian ini sebanyak RM5 juta dan pasukan projek OBB ini sebanyak RM2 juta. Saya hendak tahu sama ada pasukan ini telah ditubuhkan atau pun telah memulakan operasi bagi mengkaji tentang kajian semula cukai ini. Seterusnya, saya pun ingin tahu sama ada apakah kemajuan dan perkembangan kedua-dua inisiatif yang telah kita buat ini dan yang telah kita berikan peruntukan sebanyak RM5 juta dan RM2 juta ini?

Selepas itu, saya pergi kepada- termasuklah juga kalau boleh jawatankuasa ini juga kita berikan tanggungjawab untuk mengkaji semula tentang subsidi-subsidi yang kita akan beri pada tahun 2013 yang berjumlah sebanyak RM37.6 bilion atau pun 18.6 peratus daripada KDNK daripada seluruh peruntukan operasi.

■1440

Jadi kita hendak kalau boleh adakah kerajaan bercadang untuk menstrukturkan semula subsidi kerana bebanan ditanggung oleh kerajaan begitu besar sekali dan bagi tujuan untuk kita mengurangkan subsidi adalah berpatutan, kalau kita hanya memberikan subsidi kepada mereka-mereka yang benar-benar berhak dan golongan sasar.

Seterusnya saya pergi kepada 09000 - Pelbagai Suntikan Ekuiti. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM688.6 juta untuk pelbagai suntikan ekuiti pada tahun 2013. Jadi saya mohon kalau boleh pihak kerajaan memberikan *detail* tentang apakah suntikan ekuiti yang akan dibuat dan apakah syarikat-syarikat dan setakat manakah sebenarnya penglibatan kita dalam sektor perniagaan. Seterusnya ini termasuk juga kepada Ekuinas.

Kita ingin tahu sejauh manakah usaha ini bersama-sama dengan usaha lain bukan sahaja kita dapat merapatkan jurang pemilikan ekuiti, bahkan juga kita mampu merapatkan juga jurang kekayaan yang dikatakan semakin melebar sekarang ini. Seperti yang kita maklum bahawa pemilikan dan penguasaan antara kaum cukup ketara sekali. Di sinilah sebenarnya tugas yang mesti kita buat bagi memastikan supaya tidak ada masalah dan tidak ada rasa yang tidak puas hati di antara kaum.

Seterusnya PEMANDU juga mendapat sebanyak RM134.2 juta. Jadi saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri, supaya dapat memberikan penerangan untuk apakah sebenarnya peruntukan sebesar ini, dan berapakah pula yang akan kita berikan dan peruntukkan kepada TERAJU. Ini kerana cukup penting dalam usaha kita bagi memastikan bumiputera akan mendapat manfaat secara langsung daripada usaha PEMANDU ini.

Saya sangat menyokong dan menegaskan sokongan saya terhadap Bajet 2013 ini kerana ianya benar-benar komprehensif dan munasabah serta memberikan fokus kepada golongan bawahan, para petani, golongan menengah, orang-orang muda, kaum wanita dan juga pegawai-pegawai kerajaan termasuk juga pesara-pesara kerajaan. Kita yakin bajet kita pada tahun 2013 ini disambut baik oleh rakyat dan sangat ditakuti oleh pembangkang. Ini kerana sokongan rakyat begitu meningkat sekali bahawa Kerajaan Barisan Nasional telah terbukti dapat memberikan pembelaan kepada seluruh kaum.

Saya juga tertarik di atas keupayaan Kementerian Kewangan dalam merangka dan memantau serta melaksana dasar kewangan dan dasar fiskal negara dengan cekap dan juga berhemah. Walaupun apa persepsi, walau apa pun tuduhan kita mesti buktikan bahawa sebenarnya Kerajaan Barisan Nasional pada ketika ini mempunyai kewibawaan dan kebolehan dalam mentadbir negara dan juga kewangan kita. Kita juga...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat. Dalam Jawatankuasa Yang Berhormat.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Baik Tuan Pengerusi. Saya sudah hilang punca bila Tuan Pengerusi tegur saya. Akan tetapi apa pun kita jangka memang kita mampu untuk menjana pertumbuhan yang sederhana dalam suasana ekonomi global yang lemah dan tidak menentu ini. Kita juga dapati bahawa defisit fiskal yang juga akan diturunkan lagi. Jadi *indicators* ini adalah sebagai satu bukti kemampuan kerajaan kita untuk mentadbir negara dengan baik bagi membuktikan supaya kita dapat memberikan kesejahteraan kepada rakyat.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Pengerusi. Oleh kerana Yang Berhormat Jasin memberitahu yang beliau tenggelam punca saya hendak tanya Yang Berhormat tentang pembayaran balik oleh kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

Yang Berhormat ada angka berapakah bayaran cukai kerana Yang Berhormat sebut mengapa Melaka tidak disenaraikan. Yang Berhormat ada angkakah berapa cukai? Saya cuba lihat dalam Laporan Audit ini bayaran cukai eksais Kerajaan Negeri Melaka kepada Kerajaan Pusat dan berapa pula peruntukan Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Melaka Yang Berhormat. Boleh saya tanya Yang Berhormat tentang perkara ini.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat. Ini adalah satu bukti yang cukup jelas bahawa sebagai sebuah kerajaan kita sentiasa berlaku adil. Walaupun kerajaan-kerajaan, banyak kerajaan negeri yang tidak sehaluan dengan kita. Akan tetapi kita bukan sahaja mahu membantu kerajaan, tetapi kita mahu memastikan bahawa rakyat kita mesti dibela. Jadi kalau kita lihat daripada jumlah pulangan daripada negeri-negeri, kita dapat lihat satu angka yang cukup ketara sekali bagi membuktikan bahawa banyak daripada kerajaan-kerajaan negeri di bawah pembangkang mendapat pulangan yang cukup sedikit sekali.

Walaupun saya tidak angka pada ketika ini, pada minggu lepas saya ada sebut. Saya buat perbandingan di antara Kerajaan Negeri Kelantan dengan Kerajaan Negeri Melaka. Jauh berbeza. Akan tetapi peruntukan untuk RMKe-9 dan juga untuk 2013 ini kita dapati Kerajaan Negeri Kelantan mendapat satu peruntukan yang cukup besar sekali. Jauh melebihi peruntukan yang diberikan untuk negeri Melaka. Ini adalah satu bukti jelas bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah kerajaan yang cukup prihatin dan cukup adil. Jadi Tuan Pengerusi, justeru...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Rujuk kepada butiranlah Yang Berhormat.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Ya, saya pun sudah habis Tuan Pengerusi. Jadi setakat itu. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Batu Gajah.

2.46 ptg.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan cepat rujuk kepada butiran. Dua perkara saya ingin bangkitkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, duduk dahulu Yang Berhormat. Saya ingin cakap sedikit. Kita peringkat Jawatankuasa, untuk menyenangkan saya mendengar dan senang Menteri nanti merujuk, rujuk kepada butiran-butiran yang disoalkan ataupun ditanya Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi atas nasihat. Saya ingin rujuk kepada B.11, Butiran 021000 - Bantuan Kewangan kepada Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) sebanyak RM200 juta. Tuan Pengerusi, Laporan Ketua Audit Negara 2011 telah membuat penemuannya yang menyatakan dengan izinnya bahawa prestasi kewangan IWK adalah kurang memuaskan dan tidak mampu menjana keuntungan dan terlalu bergantung kepada subsidi kerajaan untuk menampung perbelanjaan operasinya yang semakin meningkat. Ini menyebabkan Tuan Pengerusi, IWK mengalami kerugian secara berterusan dan sehingga akhir tahun 2010 kerugian terkumpul IWK berjumlah RM888.81 juta. Ini akan mencecah RM1 bilion dalam masa terdekat ini. Apa yang saya ingin tahu apakah yang akan dilakukan oleh kerajaan?

Tuan Pengerusi, saya berpendapat IWK ini adalah satu projek penswastaan yang dijalankan oleh kerajaan yang telah gagal, dan sekarang menimbulkan banyak masalah untuk orang ramai dan menimbulkan beban kewangan untuk orang ramai juga.

Tuan Pengerusi, antara alasan penemuan Laporan Audit ini adalah menyatakan bahawa pengurusan dalaman dan saya berpendapat adalah perlu diteliti semula sebab Laporan Audit ini menyatakan bahawa kos elektrik sahaja Tuan Pengerusi merangkumi 22 peratus daripada keseluruhan kos operasi IWK. Sebab apa? Antara sebab ialah IWK selalu lewat membayar bil elektrik dan mengakibatkannya juga dikenakan bayaran penalti. Dengan izin, *low power factor penalty*. Dua penalti, penalti akibat kelewatan membuat bayaran dan *low power factor penalty* yang menyebabkan hanya penalti sahaja yang dikenakan adalah berjumlah sehingga dari tempoh 2008 hingga 2011 berjumlah RM4.55 juta.

Hanya ini penalti kerana kelemahan dalaman IWK. Penalti dikenakan kerana kelewatan bayaran elektrik RM4.55 juta. Selepas penemuan Ketua Audit Negara ini baru kita boleh baca maklum balas Indah Water, baru ada perbaikan pelaksanaan mereka di mana mereka telah memperbaikinya dengan membayar bil dengan lebih cepat agar dapat mengurangkan penalti yang dikenakan tadi.

Dan salah satu sebab juga mengapa masalah timbul dalam IWK adalah orang ramai Tuan Pengerusi, enggan membayar bil-bil Indah Water. Kami sebagai Wakil Rakyat, saya percaya...

■1450

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Di bawah butiran mana Yang Berhormat?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini Butiran 021000 – Bantuan Kewangan Kepada IWK. Dia minta kita meluluskan bantuan kewangan untuk dia, tetapi dia sendiri mesti melihat masalah dalamannya. Kalau IWK rugi, tiap-tiap tahun selalu meminta bantuan kewangan, berapa lama kita boleh bantu dan ini jadi beban kita Tuan Pengerusi... *[Disampuk]* Beban rakyat dan orang ramai enggan membayar. Ini penemuan Ketua Audit menyatakan indeks kepuasan pelanggan atau *customer satisfaction index* menyatakan bahawa orang ramai enggan membayar sebab pembetungan terlalu mahal, mereka tidak berpuas hati serta pelanggan tidak tahu cara caj-caj pembetungan ini. Saya rasa kerajaan perlu ambil tindakan agar perkara ini tidak boleh berterusan.

Tuan Pengerusi, orang ramai datang kepada Ahli-ahli Parlimen dengan membawa surat-surat daripada Indah Water yang berwarna *pink color*, itu sudah amaran. Dia tanya ini surat apa, apabila kita kata ini surat Indah Water dan dia akan tanya ini perlu bayar atau tidak perlu bayar. Mereka kata saya tidak puas hati, mengapa dikenakan caj-caj sedemikian. Ini adalah salah satu sebab kegagalan projek penswastaan yang dilancarkan oleh kerajaan yang menimbulkan beban yang begitu berat untuk orang ramai sekarang.

Tambahan lagi, sekarang Indah Water perlu ambil agensi pengutip bil bayaran, di mana mereka agensi pengutip ini dibayar komisen menurut Laporan Audit sebanyak 15 peratus hingga 20 peratus komisen. Sejak tahun 2008 hingga 2011, komisen sebanyak RM43.78 juta ini telah diberi kepada agen-agen pengutip ini. Kerajaan juga telah memberi pengecualian fi pelanggaran, apabila Indah Water mahu melanggar mana-mana terma berkenaan pembuangan kumbahan, dia perlu memohon lesen dan dikenakan fi. Kerajaan sejak tahun 2005 hingga 2009 telah memberi pengecualian bayaran fi sebanyak RM1.371 bilion.

Jadi apa masalah sekarang ini, bagaimana untuk mengatasinya, menyelesaikannya agar dia tidak berlanjutan? Indah Water ada tulis sini maklum balas daripada Indah Water, Laporan Audit memberikan cadangan untuk menaikkan tarif pembetungan. Dia mahu naikkan tarif pembetungan, saya rasa ini akan menimbulkan kemarahan orang ramai. Tuan Pengerusi, saya rasa perkara ini perlu diambil tindakan segera, orang ramai tidak puas hati dengan caj-caj yang dikenakan sebab apa? Sebab dahulu orang ramai membayar bilnya melalui cukai pintu, sekali gus tidak mempunyai bil tambahan. Sekarang ini cukai pintu tidak diturunkan dan satu bil tambahan lagi dikenakan. Mereka mana puas hati. Tuan Pengerusi, saya rasa masalah dalaman IWK yang sekarang telah diambil oleh Menteri Kewangan Diperbadankan harus diambil tindakan agar ia tidak berlanjutan lagi.

Saya ingin rujuk kepada perkara seterusnya iaitu berkenaan Butiran 060100 - Pengurusan Perkhidmatan Kastam, diperuntukkan RM329 juta. Laporan Audit membuat banyak pengauditan di bawah kementerian ini dan salah satu perkara yang menarik perhatian saya ialah pengurusan perolehan alat bantu kerja bagi aktiviti penguatkuasaan Jabatan Kastam Diraja. Tuan Pengerusi, setiap tahun kita berulang-ulang melihat kementerian-kementerian di bawah pimpinan Barisan Nasional ini, bagaimana mereka menguruskan kewangan rakyat dan saya ingin mengambil beberapa penemuan Laporan Audit ini di mana dinyatakan RM9.94 juta bayaran tidak teratur atau *improper payment* di mana- Tuan Pengerusi, semalam saya baca Laporan Audit ini, semakin lama saya membaca semakin sakit hati. Saya mendapat maklumat ini dan meneliti maklumat ini saya sangat sakit hati mengapa Barisan Nasional telah memimpin 55 tahun boleh begitu lemah dalam pengurusan kewangan rakyat.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata, *"Bagi kami satu peluang lagi, bagi peluang lagi or give us another term, we can do more"* dengan izin. Akan tetapi kita tengok Laporan Audit setiap tahun, ada masalah yang sama. Jabatan Kastam ini, juga ada satu perolehan di mana sebanyak RM2.5 juta di mana perolehan dilaksanakan, walaupun tiada peruntukan yang mencukupi.

Apa yang lebih mengejutkan lagi di mana peraturan telah disediakan untuk pengenal perolehan, ini melibatkan perolehan yang telah diluluskan tetapi pegawainya telah memberi kuantiti yang lebih daripada yang diluluskan dan ini mengakibatkan lebihan kuantiti peralatan berjumlah RM1.82 juta. Ini sembarangan, boleh menggunakan wang rakyat sedemikian tanpa sedikit rasa bertanggungjawab.

Selepas penemuan Laporan Ketua Audit ini, diminta maklum balas. Sekarang kita punya Laporan Audit kena ada satu maklum balas serta-merta dari jabatan dan maklum balas jabatan menyatakan bahawa pegawai terbabit telah- Jabatan Kastam telah membuat laporan polis terhadap pegawai terbabit dan pembelian lebihan itu dibuat sebelum ini dan pegawai yang terlibat telah meletak jawatannya pada 26 Februari 2008 dengan notis 24 jam. Sekarang kita nampak, setelah maklum balas diminta oleh Ketua Audit, Jabatan Kastam pada 24 Mei 2012 pergi membuat laporan polis. Selepas pegawai meletak jawatan lebih empat tahun, Tuan Pengerusi.

Selain daripada itu juga ada masalah di mana perolehan, bagaimanakah boleh beli barangan tanpa menyatakan jenis dan jenamanya. Ini pernah berlaku dan saya pernah bangkitkan perkara ini dalam berkenaan Laporan Audit tahun lalu iaitu tahun 2010 dan ini berulang lagi di mana ada pembelian, perolehan di mana katalog yang disediakan oleh pembekal tidak menyatakan jenamanya serta deskripsi peralatan tersebut. Ekoran daripada itu, pesanan yang telah diterima tidak boleh disahkan sama ada itu jenis atau jenama yang patut mereka terima. Ini pun boleh berlaku, ini paling asas dan ini melibatkan jumlah yang sangat tinggi.

Terdapat juga kes-kes di mana barangan yang dibeli berjumlah RM4.4 juta yang kurang atau tidak digunakan langsung. Ini semua nilainya berjuta-juta ringgit Tuan Pengerusi. Kalau barisan pimpinan Barisan Nasional sudah memimpin 55 tahun tetapi inilah hasilnya Laporan Audit begitu banyak kelemahan pengurusan kewangannya, saya rasa sudah sampai masa tindakan serius harus diambil untuk membaiki situasi. Saya hendak tanya Kementerian Kewangan, apakah yang akan dilakukan? Kementerian Kewangan ini sepatutnya memimpin kementerian yang lain untuk memastikan pengurusan kewangan yang baik. Akan tetapi tengoklah Jabatan Kastam di bawah Kementerian Kewangan. Tadi saya katakan penemuan Laporan Audit ini melibatkan nilai berjuta-juta. Jadi saya pohon satu jawapan berkenaan dengan perkara yang telah saya bangkitkan tadi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

■1500

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Tangga Batu.

3.01 ptg.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kerana beri peluang. Tuan Pengerusi, saya berminat untuk bercakap tentang Butiran 010500 - Unit Kerajaan Elektronik di mana kita telah menghargai niat kerajaan untuk membina sebuah struktur dan sistem kerajaan elektronik yang akan membawa kepada keberhasilan iaitu pertama meningkatkan produktiviti dan yang kedua ialah pengurangan pembaziran.

Tuan Pengerusi, yang kita runsingkan pada ketika ini adalah di samping kita mempunyai keupayaan sistem retikulasi elektronik yang masih lagi mempunyai banyak ruang diperbaiki. Pada masa yang sama, ada agensi-agensi kerajaan yang masih memerlukan dokumen-dokumen setebal mungkin sebagai bahan bukti yang lazimnya bila kita mengatakan kita telah menghantar *softcopy*, mereka akan bertanya pula *hardcopy*nya bagaimana? Sedangkan perbelanjaan untuk menyerah *softcopy* kepada pihak kerajaan adalah merupakan satu inisiatif yang baik tetapi kekhuatiran, keyakinan pegawai-pegawai yang melaksana dasar-dasar kerajaan di peringkat agensi masih lagi terletak kepada *hardcopy*, yang akhir *hardcopy* itu setelah sampai jangka masa yang ditetapkan akan menjadi bahan-bahan bakar ataupun bahan-bahan simpanan di ruang-ruang yang terhad di pejabat-pejabat serta agensi kerajaan.

Jadi, harapan saya supaya hasrat kerajaan, niat kerajaan di bawah Butiran 010500 ini iaitu Unit Kerajaan Elektronik ini benar-benar dihayati.

Jika kita dilihat di negara luar Tuan Pengerusi, hari ini sehingga ke tahap masuk ke dalam kapal terbang telah menjadi satu kuat kuasa apabila kita hanya dibenarkan guna *Blackberry* ataupun *iPhone* dengan bar kod kita sendiri untuk menaiki kapal terbang dan sebagainya. Ini adalah satu perkara yang baik yang saya kira perlu ada satu bentuk penguatkuasaan oleh pihak kerajaan kepada agensi-agensinya yang masih lagi tidak menghayati serta menghargai proses mengelektronikkan agensi-agensi serta jabatan kerajaan.

Saya faham ada jabatan-jabatan yang masih lagi terpencil secara geografi yang agak *isolated* dalam retikulasi ini tetapi perkhidmatan *WiFi, wireless* tanpa wayar sudah berada di tahap yang begitu membanggakan. Negara kita telah jatuh dalam lingkungan *top twenty* penggunaan perkhidmatan tanpa wayar ini. Jadi, jabatan-jabatan serta agensi-agensi kerajaan yang berada dalam kedudukan *isolated* ini, terpencil ini, bolehlah dibekalkan setinggi mungkin kapasiti perkhidmatan-perkhidmatan tanpa wayar ini supaya mereka akan bergerak sederap, selangkah bersama dengan hasrat kerajaan untuk meningkat produktiviti serta mengurangkan pembaziran.

Tuan Pengerusi, ini membawa saya kepada butiran yang kedua iaitu di bawah Perkhidmatan Kastam -060000 di bawah tajuk Pematuhan / Penguatkuasaan 060300.

Pada tahun lepas, kita telah mengalami satu peristiwa yang begitu menggerunkan apabila seorang pegawai penguat kuasa kastam di negeri Melaka telah ditembak di hadapan rumah oleh sekumpulan penjenayah. *Alhamdulillah*, Pegawai kastam tersebut masih lagi berkhidmat. Apabila pertanyaan serta pemerhatian dilakukan Tuan Pengerusi, didapati pegawai kastam ini adalah seorang pegawai yang begitu tegas pendiriannya yang cuba menghapuskan beberapa sindiket yang tidak menutup sebelah matalah. Pegawai Kastam ini yang begitu tegas yang dikira sebagai seorang yang patut dicontohi serta diteladani. Akan tetapi, apabila kita melihat beliau diserang dengan begitu zalim, ditembak sebanyak lima das secara berhadapan, secara zalim Tuan Pengerusi, ia kita anggap sebagai suatu yang tidak boleh berlaku.

Saranan saya Tuan Pengerusi supaya pegawai-pegawai kastam di peringkat penguat kuasa ini dibekalkan senjata-senjata yang lebih canggih untuk mempertahankan diri mereka. Adalah satu yang amat malang jika kita terdapat kejadian-kejadian seperti ini dan pegawai kastam tersebut tidak dilatih dalam keadaan kesiap siagaan untuk mempertahankan diri mereka. Kekhuatiran kita senjata yang digunakan itu senjata yang telah ketinggalan zaman yang boleh menyebabkan kecederaan serta membawa kehilangan nyawa kepada pegawai tersebut. Melalui pemerhatian saya, kerana kes ini berlaku di dalam Parlimen Tangga Batu Tuan Pengerusi dan saya melihat dari segi pegawai tersebut yang menyatakan kepada saya bagaimana nasib baik beliau kerana sempat mencapai senjata yang berada di dalam beg, itu pun senjata yang agak lama Tuan Pengerusi.

Jadi, harapan saya di bawah tajuk pematuhan dan penguatkuasaan ini, sebilangan ataupun sejumlah peruntukan disediakan untuk mengemaskinikan pegawai-pegawai kastam kita di peringkat penguatkuasaan untuk memiliki senjata-senjata yang canggih untuk mempertahankan diri mereka. Pada masa yang sama, mereka juga disediakan program-program latihan mempertahankan diri serta penggunaan senjata-senjata supaya kejadian-kejadian seperti yang berlaku di Parlimen Tangga Batu di Melaka tempoh hari tidak berulang lagi.

Tuan Pengerusi, pada masa yang sama saya juga ingin membawa butiran yang berkaitan dengan 025000 berkaitan dengan Indah Water Konsortium. Di sana kita terdapat beberapa perkara yang perlu dilihat secara terperinci oleh pihak IWK Tuan Pengerusi apabila dalam satu kes yang kita dapati Indah Water ini adalah satu agensi kerajaan yang-021000. Maafkan saya Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Itulah saya cari tidak jumpa.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ya, 021000 - Indah Water Konsortium yang telah menjadi sebagai penghalang kepada kemajuan sesebuah projek pembangunan. Apabila kita meneliti setiap proses yang disediakan oleh kerajaan, *one stop centre* umpamanya, di sana Indah Water ini terlalu besar kuasanya apabila sampai ke peringkat sebelum sijil layak menduduki diperoleh, Indah Water akan menjadi penentu sama ada CFO itu boleh dikeluarkan ataupun tidak.

Hairannya, mengapa pembangunan Indah Water ini yang menjadi sokongan kepada pembangunan-pembangunan perumahan, kompleks-kompleks perdagangan menjadi begitu penting sehingga kedudukannya tidak langsung termasuk di dalam *Critical Path Method* (CPM) itu tadi, pembinaan projek-projek pembangunan.

Mereka terpaksa berjalan secara bersendiri , tidak boleh dikaitkan. Umpamanya mengapa tidak IWK tahap-tahap pemeriksaannya, proses-proses pengkaedahan, pemeriksaannya diletakkan di peringkat awal supaya ia tidak menghalang pembangunan-pembangunan sesebuah projek itu untuk di*certification*kan sebagai layak diduduki dan sebagainya. Ini adalah mengalak kepada pembaziran terutamanya masa, tenaga dan sumber-sumber yang lain, Tuan Pengerusi. Jadi, harapan saya supaya jika ada kekangan ini, pengurusan dan pentadbiran Indah Water ini diletakkan di peringkat awal apa yang diperlukan.

Beberapa kes dialami oleh agensi-agensi iaitu apabila mereka telah bersedia untuk membekalkan, dibekalkan Sijil Layak Menduduki (CFO) oleh pihak kerajaan tempatan, tiba-tiba Indah Water akan datang dan mengatakan dari *inverter* terpaksa ditukar kepada sistem yang lebih besar seolah-olah tiada koordinasi di antara IWK dengan pihak pembekal air ataupun tenaga yang menampakkan kelemahan yang akhirnya akan menyebabkan perbelanjaan yang lebih oleh pihak agensi-agensi pemaju.

■1510

Saya sendiri pernah mengalami satu keadaan di mana setelah sampai ke peringkat pengeluaran sijil layak menduduki, tiba-tiba pihak majlis pembandaran, pihak berkuasa tempatan tidak dapat mengeluarkan sijil layak menduduki kerana muatan yang disediakan oleh Indah Water itu tidak setara dengan kehendak dari tenaga elektrik. Akhirnya, telah menyebabkan kerugian kepada pihak pemaju terpaksa menyediakan sistem pembahagian tenaga elektrik yang lebih besar daripada keupayaan. Jadi Tuan pengerusi, itulah antara perkara yang saya ingin bawa supaya terdapat lebih koordinasi. Kita mengucapkan tahniah sekurang-kurangnya Jabatan Audit Negara secara terbuka menyediakan laporan-laporan ini *without fear. Neither fear nor favor* kepada sesiapa. Inilah semangat kita perlukan.

Tidak seperti sesetengah parti Pembangkang, parti DAP, yang kes tambak laut di *Portuguese Settlement* dan juga kes kutipan dana di Bukit Cina masih lagi tidak selesaikan sehingga hari ini. Kalau kita menuding jari kepada pihak lain, semak dulu diri kita sendiri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Machang. Terima kasih Yang Berhormat. Semua nampak saya yang panjang tadi pun 18 minit, 15 minit macam itu sahaja. Jadi, saya berharap semua Yang Berhormat sikap macam itu supaya senang kita banyak yang lain dapat peluang bercakap. Terima kasih Yang Berhormat.

3.11 ptg.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Butiran 030200 - Pelaburan Menteri Kewangan Diperbadankan Penswastaan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri, rakan saya dari Bachok, kerana berada di dalam Dewan. Walaupun pegawai bertugas membuat catatan tetapi beza kalau Timbalan Menteri hadir sama.

Ada dua bidang tanah milik Pelaburan Hartanah Bumiputera Berhad yang dicadangkan untuk dijual, untuk dimajukan. JKP Sdn. Bhd. Tuan Pengerusi, ialah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan. JKP Sdn. Bhd. bertindak selaku agensi pelaksana kepada Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang, bertanggungjawab membina rumah-rumah mampu milik untuk Bumiputera. JKP apabila mendapat tahu Pelaburan Hartanah Bumiputera Berhad ingin menjual tanah iaitu 110.5 ekar di Teluk Kumbar daerah Barat Daya Pulau Pinang dan 6.12 ekar di Bukit Dumbar daerah Timur Laut. Ini tanah Pelaburan Hartanah Bumiputera.

JKP telah pun mengangkat permohonan kepada pihak kerajaan untuk dibenarkan mereka membeli tanah ini. Mereka bercadang untuk membina 2,410 unit rumah mampu milik.

Walau bagaimanapun saya difahamkan JKP Sdn Bhd tidak mendapat kebenaran daripada pihak kerajaan untuk membeli tanah ini bagi maksud membina rumah mampu milik.

Dari segi rekod Tuan Pengerusi, JKP Sdn Bhd ini telah berjaya membina 14,728 unit rumah di atas tanah seluar 540 ekar. Itu yang lepas. Sekarang, 16 projek sedang berjalan. Kalau siap semua, tambah lagi 1,121 unit rumah. Akan tetapi bila mereka kemukakan permohonan untuk membeli tanah ini yang dimiliki oleh Pelaburan Hartanah Bumiputera, saya difahamkan bahawa mereka tidak mendapat kebenaran. Jadi, mereka tidak dapat teruskan hasrat untuk membina lagi 2,410 unit rumah. Saya ingin tahu, apakah alasan yang diberikan oleh kerajaan untuk membolehkan JKP Sdn Bhd membeli tanah dan seterusnya membangunkan rumah mampu milik di Pulau Pinang.

Di bawah butiran yang sama Tuan Pengerusi, disebut oleh rakan-rakan saya ramai sebelum ini, Laporan Ketua Audit memaklumkan keuntungan syarikat-syarikat GLCs kerajaan kita ini menurun sebanyak 13.4 peratus. Hanya 23 syarikat yang dapat untung sebelum cukai daripada 47 syarikat GLCs yang telah di audit. Daripada 23 yang untung sebelum cukai ini pula hanya 10 sahaja yang bayar dividen kepada kerajaan.

Kalau kita banding, apa kelebihan syarikat GLCs kalau kita banding dengan syarikat swasta yang lain? Kita banding misalnya, MAS GLCs banding dengan AirAsia. Celcom banding dengan DiGi. Maybank banding dengan Public Bank. GLCs ini ia dapat dari segi peluang, ia lebih baik. Dari segi kemudahan dana, kerajaan selalu tolong. Akan tetapi bila ia berniaga, ia tidak boleh hendak bersaing dengan syarikat-syarikat swasta dalam bidang yang sama. Kemudian tidak mampu pula untuk bayar dividen. Jadi, saya ingin mendapat reaksi daripada pihak Kementerian Kewangan. Pelbagai strategi telah di atur untuk memulihkan prestasi GLCs ini supaya ia boleh menjadi satu sumber pendapatan kepada kerajaan. Akan tetapi melihat daripada sudut laporan-laporan yang dibuat oleh pihak yang ber*authorities* seperti Laporan Ketua Audit ini, nampaknya prestasi itu masih pada tahap yang tidak boleh dibanggakan.

Butiran 95000 Tuan Pengerusi, 1Malaysian Development Berhad. Saya ingin mendapat penjelasan kementerian. Baru-baru ini 1MDB beli aset penjana bebas dalam Kumpulan Tanjong seperti Pahlawan, Panglima Power Tech. Daripada laporan akhbar kita diberitahu dia membayar RM8.5 bilion.

Kita tahu penjana bebas IPP yang dibeli oleh 1MDB ini adalah dari *batch* pertama, kumpulan pertama. Maksudnya, tempohnya itu dia sudah hendak tamat sekitar tahun 2016. Jadi, tinggal empat tahun lagi dan 1MDB bayar RM8.5 bilion. Satu jumlah yang besar. Apa rasionalnya sedangkan tempoh konsesinya itu tinggal lagi empat tahun? Jadi, yang saya ingin tahu ialah dua perkara. Pertama, bagaimana 1MDB membiayai pembelian sebesar itu? Kedua, berapa lama sebenarnya kerajaan bercadang untuk melanjutkan lagi tempoh konsesi apabila ianya dibeli oleh 1MDB. Bukan sekadar ia membeli dari Kumpulan Tan Sri Ananda, ia juga membeli Mastika Lagenda Sdn. Bhd., milik Genting Bhd. Satu lagi IPP generasi pertama dengan nilai yang dilaporkan media RM2.55 bilion. Sekali lagi, tempoh konsesinya sudah hampir berakhir. Saya juga ingin tahu berapa lama tempoh sambungan konsesi yang diperoleh oleh 1MDB apabila ia membeli daripada kedua-dua syarikat IPP ini yang sudah hendak tamat tempoh.

Rakan saya tadi, dari Batu Gajah dan Tangga Batu, turut membangkitkan di bawah Butiran 021000 – IWK, Tuan Pengerusi. IWK ini setiap kali kita bahas peringkat Jawatankuasa, Timbalan Menteri tentu ingat, mesti berbangkit. Ia sudah jadi macam *Black Hole of Calcutta.* Lagi banyak kita curah duit, kita tidak nampak penghujungnya. Tahun lepas kita diminta meluluskan RM225 juta. Tahun ini Dewan diminta meluluskan lagi RM200 juta anggaran untuk tahun depan.

Di satu sisi, Laporan Ketua Audit kata IWK terus mengalami kerugian. Masalahnya apa sebenarnya? Saya minta Timbalan Menteri boleh beri sedikit *update.* Idea asal, silapnya dekat mana? Model perniagaannya kah? Yang tidak boleh bertahan. Kalau kita fikir, memang dulu asalnya Tan Sri Vincent Tan. Kemudian berlaku peralihan dua, tiga tangan. Akhirnya, kerajaan ambil. Kerajaan terus membuat suntikan tetapi yang berlaku adalah perniagaan ini terus mengalami kerugian dan kita terpaksa berbelanja RM200 juta lebih.

Subsidi gula RM200 juta lebih juga. Bila kita tarik RM200 juta subsidi gula, gula naik 20 sen. Akan tetapi RM200 juta ini terus kita terpaksa beri kepada IWK dalam keadaan model perniagaan yang tidak boleh bertahan. Soalannya adalah sampai bila? Ataupun bolehkah kerajaan berkongsi sama masalah yang sedang dilalui oleh IWK sebagai satu daripada syarikat milik kerajaan...

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Machang, celah sedikit.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Ya, sila.

■1520

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Machang, apakah Machang berpendapat bahawa kalau IWK ini saban tahun mengalami kerugian, bolehkah Machang cadangkan supaya peranan ini dikembalikan kepada PBT? Ini kerana selama ini pun PBT yang bekerja- setakat air jamban ini semua, PBT sahaja. Kenapa harus kita korporatkan, bagi duit lepas itu rugi, lepas itu bagi duit. Ada orang dok buat duit kot atas tong air ini. Jadi nak tanya Machang macam mana kalau bagi balik sahaja pada PBT dan bagi duit pada PBT untuk selesaikan masalah ini. Terima kasih.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Tuan Pengerusi, terima kasih rakan saya dari Machang. Itu yang saya ingin bertanya tadi kepada pihak kementerian. Apakah idea untuk mengembalikan semula peranan ini balik semula kepada pihak PBT itu ada dalam pertimbangan kerajaan? Asalnya memang dibuat oleh PBT tetapi apabila sektor swasta mencadangkan bahawa mereka boleh buat lebih baik, lebih kemas, lebih efektif, membantu kerajaan dan perkhidmatan lebih baik menyenangkan rakyat, maka kerajaan membenarkan tetapi separuh jalan. Ternyata syarikat swasta itu angkat bendera putih. Mereka keluar tetapi mereka keluar tak mengalami kerugian.

Ada satu buku di perpustakaan Parlimen kita yang dibuat kajian mengenai masalah IWK ini. Saya baca buku itu dan saya tengok bahawa masalahnya sudah bertimpa-timpa. Sekarang kerajaan terpaksa menanggung. Apakah cadangan yang diberi oleh rakan saya tadi daripada Sungai Petani itu dan Timbalan Menteri termasuk dalam pertimbangan kerajaan sebab ia nampak macam tak ada titik penghujung.

Tuan Pengerusi, 030300 – Kawalan dan Pemantauan. Ini isu baru-baru ini Bank Negara serbu syarikat emas ini, Tuan Pengerusi ya, Geneva. Saya tengok dalam laman web Bank Negara dan Bank Negara pun sedang perhati, sedang *observe* banyak lagi rupanya syarikat-syarikat yang bergerak berasaskan pelaburan emas. Saya tengok dalam laman web itu ada- disebabkan oleh aktiviti tanpa lesen atau pelaburan emas yang tak dapat kebenaran daripada Bank Negara. Ada Azea Property Sdn. Bhd., CGF Fine Metal, Eagle Aeronautics, Global Peace Loving Family, Greenmillion, Public Gold, Royal Gold, Urustabil, SGFM- banyak ya. Ini dalam laman web Bank Negara. Dia kata dia sedang pantau, sedang tengoklah. Apa yang Bank Negara serbu itu baru satu.

Jadi isu yang saya nak minta penjelasan ialah kalau kita semak Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 itu memanglah syarikat-syarikat terbabit ini perlu mendapatkan perakuan bertulis daripada Bank Negara sebelum menjalankan aktiviti itu di negara kita. Akan tetapi apabila terbukti bahawa syarikat-syarikat ini telah membuat aktiviti pelaburan, orang ramai Tuan Pengerusi, diberitahu bahawa melabur dengan instrumen emas ini untung sebab harga emas ini logam yang paling stabil. Jadi yang kita harapkan adalah aspek pemantauan dan kawalan daripada institusi Bank Negara. Bila serbuan berlaku, ia menimbulkan keresahan di kalangan pelabur-pelabur awam ini, orang ramai. Bagaimana sebenarnya kementerian boleh memberikan penjelasan tentang perkara ini.

Terakhir daripada ucapan saya Tuan Pengerusi ialah Syarikat Prasarana ini adalah syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan. Saya baca Laporan Audit tahun 2008, ini antara tiga syarikat yang mempunyai tanggungan liabiliti yang terbesar RM7.71 bilion. Akan tetapi baru-baru ini, Syarikat Prasarana ini membuat tawaran tender untuk Projek Ampang LRT dan dia telah melantik syarikat perunding kejuruteraan yang terkemuka iaitu Halcrow dan telah menapis syarikat-syarikat yang masuk bidaan. Apabila syarikat perunding kejuruteraan yang dilantik oleh Syarikat Prasarana itu kemudiannya mengemukakan laporan, maka Pengarah Urusan Kumpulan Prasarana, Datuk Shahril Mokhtar telah tulis surat kepada Kementerian Kewangan.

Surat itu bertarikh 12 Disember 2011 memaklumkan hasil penilaian bidaan kepada Jawatankuasa Perolehan Menteri Kewangan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat dari Pekan, Tambun dan juga Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

Bila kita teliti laporan Prasarana kepada pihak Kementerian Kewangan, tidak ada kelebihan langsung kepada syarikat George Kent yang dapat projek ini. Dia kata syarikat George Kent mengikut Jawatankuasa Bidaan dan oleh laporan perunding kejuruteraan ini memaklumkan syarikat ini tidak memahami kehendak teknikal projek. Syarikat ini tidak ada keupayaan mengendalikan projek. Syarikat George Kent ini dirumuskan tidak mampu meyakinkan perunding bahawa mereka mempunyai kepakaran menjalankan projek secara sistematik dan disokong oleh sistem audit projek yang memuaskan. Syarikat George Kent didapati tidak pernah mengendalikan projek besar, tidak ada pengamalan berbanding syarikat lain. Kemudian tidak pernah juga terlibat dalam projek membabitkan rel atau LRT.

Syarikat George Kent ini juga dirumuskan berada di tempat ketiga tercorot dari segi kemahiran, dari segi pengalaman teknikal. Markah yang diperoleh lebih rendah dari purata markah keseluruhan pembida. Itu semua dilaporkan dalam laporan syarikat Prasarana yang melantik kumpulan perunding Halcrow yang membuat rumusan bahawa panel penilai teknikal tidak yakin George Kent boleh mengendalikan projek dengan jayanya dan ditandatangani oleh Jawatankuasa Perolehan Kementerian Kewangan. Tandatangannya adalah Pekan, Tambun dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Ada seorang lagi pegawai perempuan yang hadir dalam mesyuarat itu. Tandatangannya menunjukkan bahawa yang berjaya mendapat Projek Ampang LRT bukan syarikat George Kent tetapi bila keluar *letter of award* dapat kepada syarikat George Kent.

Jadi bolehkah Timbalan Menteri atau Kementerian Kewangan pada masa penggulungan memberikan kepada Dewan jawapan bagaimanakah ketika laporan oleh perunding kejuruteraan yang dilantik oleh syarikat Prasarana, syarikat Menteri Kewangan diperbadankan ini? Kemudian Jawatankuasa Perolehan Kementerian Kewangan pun kata syarikat George Kent ini tak menang, tak dapat. Markahnya rendah, pengalaman tak ada. Keupayaan kewangan juga tak ada. Anehnya bila surat award dapat kepada syarikat ini. Ini perkara yang memerlukan pihak Kementerian Kewangan memberikan penjelasan secara lebih bertanggungjawab dan kita akan tekun mendengar dan meneliti jawapan itu. Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya Yang Berhormat Kuala Krau.

3.27 ptg.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada butiran 010600 – Pengurusan Pinjaman Perumahan. Sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan bahawa pinjaman perumahan MOF ini untuk penjawat awam akan disusun semula dan akan diserah kepada bank-bank komersil yang akan menguruskan pinjaman dengan kadar manfaat dan juga kadar *interest* akan dikekalkan 4 peratus.

Cuma saya ingin tahu bagaimana pelaksanaannya kerana penjawat-penjawat awam sudah mula rasa resah apabila pinjaman ini akan diuruskan oleh bank-bank komersial, sama ada dapat diuruskan dengan proses yang adil, cepat sebagaimana yang telah terbukti dapat diuruskan oleh Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan dalam tempoh dua minggu sahaja proses dapat dibuat dan kelulusan dapat diberikan kepada penjawat-penjawat awam yang telah diluluskan pinjaman tersebut.

Kedua mengenai pinjaman penjawat awam juga. Adakah pihak kerajaan atau Kementerian Kewangan mencadangkan beberapa kenaikan-kenaikan kadar pinjaman yang baru bersesuaian dengan nilai-nilai harga binaan dan sebagainya agar penjawat-penjawat awam mungkin termasuk juga Ahli-ahli Parlimen yang diberikan hak untuk membuat pinjaman perumahan? Adakah kadar untuk mendapatkan pinjaman perumahan ini dinaikkan bersesuaian?

Sekarang kadarnya adalah RM360,000 bagi Ahli Parlimen dan penjawat-penjawat awam yang bergred 41 ke atas dah dapat kemudahan RM480,000. Adakah kerajaan bercadang untuk sama-sama Ahli-ahli Parlimen menikmati kemudahan sebagaimana yang telah dinikmati oleh penjawat awam yang bergred 41 ke atas ini?

■1530

Yang keduanya tentang perumahan juga. Kita juga rasa bimbang walaupun sejumlah 123,000 unit rumah baru akan dibina di Bajet 2013 ini yang melibatkan beberapa pihak untuk menguruskan dan membina rumah ini sama ada melalui Syarikat Perumahan Negara Berhad, PR1MA dan juga Jabatan Perumahan Negara yang sedia ada. Nampaknya masalah perumahan masih lagi menjadi masalah atau topik utama bagi rakyat di dalam negara kita khususnya golongan belia atau muda yang baru berkahwin di kawasan kampung-kampung yang masih lagi belum dapat menikmati rumah-rumah untuk mereka sendiri.

Walaupun sejumlah RM1.9 bilion telah disediakan untuk 123,000 unit rumah ini dan saya mencadangkan supaya Jabatan Perumahan Negara, PR1MA dan juga SPNB ini dapat mengatur dan membuat kerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri. Melaksanakan segera apa yang telah diputuskan oleh pihak majlis tindakan daerah atau majlis tindakan pembangunan tanah di daerah yang telah meluluskan beberapa projek-projek pembesaran kampung bagi generasi kedua di kampung tradisional kerana banyak kelulusan yang telah diberikan tetapi belum dapat dilaksanakan oleh kerana masalah kewangan dan tidak ada syarikat-syarikat yang berminat untuk membangunkan kawasan yang telah diluluskan oleh pihak kerajaan negeri melalui pejabat tanah dan daerah di setiap daerah khususnya di negeri Pahang.

Begitu juga di bawah Jabatan Perumahan Negara ini. Masih lagi nampak banyak rumah yang terbengkalai, yang tak diurus dengan baik. Yang pertamanya, apabila ada peminjam atau pemohon yang telah diluluskan untuk layak menduduki rumah ini tetapi apabila dirujuk kepada pihak bank komersial atau mana-mana bank akan menjadi masalah iaitu masalah penyata kewangan atau penyata bulanan pendapatan masing-masing yang tidak melayakkan mereka ini untuk mendapatkan pinjaman perumahan. Akhirnya rumah tersebut tidak dapat diduduki, terbiar begitu dan akhirnya sekali lagi kerajaan sama ada di peringkat negeri atau di peringkat Jabatan Perumahan Negara terpaksa mengadakan temu duga yang baru dan ini berlanjutan sehingga 10 tahun ke 15 tahun.

Bagi kawasan Parlimen Kuala Krau ada dua projek yang masih lagi gagal untuk diurus dengan baik walaupun pemohon telah lulus, makna penuh permohonan tersebut telah diluluskan. Kalau ada 200 unit rumah, 200 orang pemohon telah diluluskan tetapi seorang pun belum dapat menduduki rumah tersebut akibat daripada masalah pendapatan bulanan kerana kita faham bank-bank komersial ini dia hendakkan kepada penyata atau pendapatan tetap bagi ketua-ketua keluarga untuk membolehkan supaya pinjaman perumahan tersebut diluluskan kepada mereka.

Walaupun kita tahu berapa kali bajet telah dibentangkan, ada dana-dana khusus yang telah diumumkan oleh Menteri Kewangan sama ada melalui Bank Simpanan Nasional, melalui Bank Islam tetapi tidak dapat dilaksanakan. Saya harap Menteri Kewangan dan Timbalan Menteri dapat meneliti perkara ini supaya apa yang telah kita umumkan cukup baik, dasar dan polisi cukup baik tetapi daripada segi pelaksanaan di peringkat bawahan masih lagi belum dapat dilaksanakan, akhirnya rakyat tidak berpuas hati dengan dasar dan polisi yang telah kita umumkan. Yang keduanya Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Bukan kedua. Dah banyak Yang Berhormat, tiga empat dah tu.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: *[Ketawa]* Baru yang kedua, pasal perumahan baru yang kedua.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat bercakap, saya ambil catatan berapa kali Yang Berhormat sebut nombor satu nombor dua itu.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Okey, yang ketiganya Tuan Pengerusi tentang Projek Perumahan Rakyat Termiskin. Ada syarat-syarat tertentu yang telah kita berikan di bawah Menteri Kewangan ini bahawa mereka yang layak adalah mereka yang telah berkahwin, yang berumur 35 tahun ke atas. Ini adalah...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Di bawah butiran mana Yang Berhormat?

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Ini bawah perumahan, perumahan. Ya, dah sebut butiran.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Nombor butiran dia Yang Berhormat.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Ini Butiran 010600 di bawah perumahan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ha! Senang Menteri dengar Yang Berhormat.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Sudah, saya dah sebut tadi yang pertamanya Tuan Pengerusi dan saya hendak supaya perumahan rakyat miskin ini juga dilonggarkan kepada mereka yang berkahwin walaupun belum mencapai umur 35 tahun. Ini kadang-kadang umur 22 tahun dia kahwin tetapi oleh kerana syarat dia 35 tahun ke atas, mereka ini tidak layak walaupun mereka ini miskin. Seterusnya, tentang Butiran 021800 mengenai Pemberian Kemudahan Asas Kecil, Butiran 01200 dan juga Butiran 022000 iaitu Penyelenggaraan Aset Awam. Saya percaya ini adalah berkaitan dengan PIA dan PIAS yang telah disalurkan oleh Kementerian Kewangan kepada daerah-daerah untuk kita menaik taraf dan juga membina kemudahan-kemudahan asas dan juga kemudahan awam di kampung-kampung.

Saya berharap projek ini dapat terus dilaksanakan dan juga ditambah peruntukan. Kalau kadang-kadang di setiap daerah di setiap Parlimen itu ada RM3 juta, saya mencadangkan paling tidak untuk projek PIA dan PIAS ini untuk setiap Parlimen, melalui perbincangan mesyuarat tindakan dan juga pembangunan daerah, sekurang-kurangnya RM5 juta hingga RM6 juta disalurkan bagi membina kemudahan asas dan juga untuk menyelenggarakan kemudahan-kemudahan awam di kawasan-kawasan di peringkat daerah masing-masing.

Satu lagi perkara tentang pembangunan yang secara umumnya iaitu tentang bagaimana Kementerian Kewangan bekerjasama dengan kementerian-kementerian yang lain. Contohnya apabila wakil-wakil rakyat memohon untuk membina sesebuah kemudahan seperti Balai Polis Kuala Krau di Parlimen Kuala Krau yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri untuk membina sebuah balai polis yang baru, berjumlah RM20 juta. Apabila kita rujuk balik kepada pengumuman Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri ini, alasan yang telah diberikan tidak ada peruntukan atau kekurangan atau kekangan kewangan yang disalurkan oleh Menteri Kewangan. Oleh itu saya mencadangkan supaya apa yang telah diumumkan oleh Menteri-menteri ini dapat perhatian khusus oleh Kementerian Kewangan bagi membangunkan dan membina perkara yang telah diumumkan.

Ini terjadi kepada beberapa perkara seperti yang saya sebut tadi iaitu membina Balai Polis Kuala Krau yang baru, membina balai bomba juga telah diumumkan. Membina Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Krau II dan selepas itu untuk membesarkan jalan raya dari Kampung Awah sehingga ke Pusat Bandar Tun Abdul Razak, Jengka, Pahang. Dengan itu Tuan Pengerusi, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Wangsa Maju.

3.39 ptg.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk membahaskan dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa mengenai dengan Maksud Bekalan dan Pembangunan B.10 atas Butiran 020400 – Pengurusan Belanjawan. Butiran 09000 – Pelbagai Suntikan Ekuiti dan juga Butiran 111200 – Lembaga Hasil Dalam Negeri dan saya ingin membahaskan dengan sekali gus.

Sebelum itu Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi bahawa masalah di Parlimen ini kita ada masalah keselamatan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masalah apa Yang Berhormat?

■1540

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Keselamatan. Di mana kita *parking* ada masalah, dan orang awam juga masuk keluar dengan sewenang-wenangnya. Nampaknya pegawai, *security* ini tidak memainkan peranan langsung dan ada yang tidak berpakaian rasmi seperti kita di sini. Nampaknya Parlimen ini sudah jadi seperti kawasan kedai kopi. *So*, saya harap ketua-ketua boleh ambil tindakan dan perhatian pada perkara ini sebab *parking* itu pun tidak cukup. Orang awam pun *parking* di sini atau pegawai-pegawai pun *parking* sini. Ahli Parlimen pun tidak ada *parking. So*, saya rasa lebih baik kita buat *barrier* di luar, untuk kawalan.

Kedua, keselamatan itu adalah penting dan kita tidak mahu apa-apa berlaku, yang menjejaskan keselamatan di sini. Nanti suatu hari bila benda itu berlaku, baru kita hendak ketatkan. Sudah terlewat. Kita 'sediakan payung dahulu sebelum hujan'. Terima kasih Tuan Pengerusi. Mohon maaf.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya sebut sedikit, Yang Berhormat. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya boleh katakan banyak melawat ke parlimen Yang Berhormat. Belum saya jumpa parlimen macam Parlimen Malaysia Yang Berhormat. Di hadapan Pejabat Speaker, Timbalan Speaker itu macam lalu-lalang orang biasa. Macam Jalan Tuanku Abdul Rahman... *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Punya ramai orang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, punya ramai orang. Jadi, persoalan sekuriti Parlimen Yang Berhormat, saya setuju dengan Yang Berhormat. *Insya-Allah,* saya akan bawa kepada Ketua Pentadbir. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Itulah butiran keselamatan untuk Parlimen. Kita hendak jadi satu Parlimen yang *world class Parliament* seperti *House of Commons.* Tidak boleh - kawalan sekuriti amat ketat. Akan tetapi di sini, *security officer* kita ini tidak memainkan peranan langsung, seperti mereka ini gaji buta semua. Ambil tindakan.

Tuan Pengerusi, saya ingin memulakan..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Akan tetapi Yang Berhormat, saya peringatkan, jangan persalahkan pegawai Yang Berhormat. Kita di sini kena buat satu persetujuan sendiri. Kalau pegawai buat penguatkuasaan nanti, biarlah pegawai itu buat pengawalseliaan mengikut apa yang dianggapkan sesuai dan kita sepatutnya berterima kasih kepada mereka dan jangan menghalang mereka berbuat demikian. Sila, Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih di atas teguran Tuan Pengerusi. Ya, saya ingin memulakan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II semasa perbahasan dasar. Saya telah bangkitkan mengenai dengan perkara dengan suntikan dana kepada syarikat GLC seperti MAS. Kita sudah banyak masalah. Kita sentiasa dimaklumkan bahawa MAS ini adalah '*bleeding',* dalam keadaan parah. Kita sayang kepada MAS. Kita hendak baik pulihkan MAS tetapi nampaknya pengurusan MAS ini berbelanja dengan sewenang-wenangnya. Seperti mereka membelanjakan untuk *rebranding. Rebranding* MAS, hendak tukar logo MAS.

Kita tidak perlu *rebranding* MAS. MAS sudah jadi satu boleh kata satu *brand* terkenal dalam dunia, di mana-mana pun dengan wau bulan. Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tahu wau bulan di Kelantan digunakan, dijadikan itu satu lambang. Kenapakah kita hendak tukar begini dan bila saya menanya berapakah kos untuk *consultancy fees* yang dibayar oleh MAS kepada *Landor Associates* di UK dan *Ogilvy & Mather*, jawapan yang diberi atas nama Menteri Kewangan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan menyatakan tidak boleh maklum kepada Dewan kerana klausa rahsia, *non-disclosure*.

Yang Berhormat Menteri kena faham bahawa kita bukannya hendak minta tahu kandungan *report* itu. Kita tahu kita tidak boleh tahu kerana kemungkinan itu rahsia dan juga tidak baik untuk MAS. Kita faham. Kita hendak tahu kos. Itu pun jadi rahsia. Berapa kali sudah kita kena bangkitkan mengenai ini di sini.

Tekan, tekan, tekan barulah Menteri Kewangan maklum kepada Dewan. Kalau perkara yang begini pun menjadi satu rahsia, lebih baiklah kerajaan buat satu dasar diumumkan kepada orang awam bahawa semua kos kontrak mengenai kerajaan dengan swasta tidak boleh dimaklumkan kerana ada *standard clause, confidential clause* dengan izin, tidak boleh umumkan. Harga kontrak pun tidak boleh diumumkan, siapa dapat kontrak pun tidak boleh diumumkan itu lebih baik. Tengok bagaimana rakyat responsnya. *Guarantee,* kalaulah ini diumumkan, tidak payah ada pilihan raya lagi. Mesti tumbang.

So, Yang Berhormat Menteri kena jawab di Parlimen. Parlimen ini adalah satu badan yang terunggul. Jangan beri kita Napoleon dalam Khazanah ataupun pegawai-pegawai *little Napoleon* di dalam Menteri Kewangan, MOF ini. Tarik hidung Menteri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Menteri Kewangan. Masukkan nama jawapan oleh Perdana Menteri ataupun Menteri Kewangan MOF II. Padahalnya kemungkinan menteri tidak tahu langsung. *So*, sebelum beri jawapan dalam Dewan ini, tolonglah tengok dahulu kerana ini tempat yang unggul sama ada jawapan ini boleh diberikan kepada Parlimen ataupun tidak, bukan keputusan Khazanah, bukan keputusan pegawai di Kementerian Kewangan tetapi menteri sendiri. Kecualilah Menteri hendak mengaku di sini bahawa itulah jawapannya, telah diteliti oleh Yang Berhormat Menteri, telah disahkan bahawa itulah jawapan kementerian.

Kalau itulah kedudukannya, sila cakap di sini dan saya berharap yang seperti yang dijanjikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II bahawa beliau akan memaklumkan kepada Dewan ini berapakah kos *consultancy fees,* yang dibayar kepada *Landor Associates*? Kedua kepada *Ogilvy & Mather* terhadap *rebranding* dan *designing* atas logo MAS yang *coloum*ya *pale blue* seperti orang kata, dengan izin, *funeral colour*. *Funeral colour-* kalau itulah kalau tukar *rebranding* itu boleh baikpulihkan MAS, *alhamdulillah* lah bagus. Akan tetapi saya percaya tidak akan, tidak boleh baikpulihkan.

Kedua yang saya telah bangkitkan di sini di dalam ucapan saya juga tidak dijawab dan beliau kata akan jawab di sini di Dewan yang mulia bahawa kes *LSG SkyChef* di mana MAS telah menandatangani satu perjanjian berat sebelah seperti kos sebotol air mineral itu RM25, secucuk sate RM3.20 sedangkan MAS ini beli dengan *bulk,* tetapi harganya lebih tinggi daripada beli di luar, daripada beli di kedai runcit. Ini satu *daylight robbery,* dengan izin. Selama 25 tahun jumlah kontrak RM6.25 bilion. *Bilion,* bukan *million* dan tiap-tiap tahun MAS telah dibebankan dengan kos katering ini sebanyak RM300 juta.

Saya rasa kos yang sebenarnya RM100 juta sahaja. Sebanyak RM200 juta ini untuk *LSG SkyChef* dan syarikat *LSG SkyChef* ini dimiliki oleh siapa, Datuk Haji Ibrahim Badawi. Siapa itu? Tidak akan Yang Berhormat Menteri tidak tahu? Yang Berhormat Tasik Gelugor mesti tahu hal ini. Amat tahu perkara ini.

■1550

MAS perlu ambil tindakan untuk tamatkan perjanjian begini. Kalau mereka tidak boleh dari segi undang-undang, bawa ke Parlimen, kita buat usul untuk tamatkan oleh kerana MAS adalah satu *airline* negara kita, satu ikon negara kita, satu institusi negara. Kita perlu mempertahankan mereka. Kita tidak boleh kasi perompak yang sebegini ambil kesempatan melalui orang tertentu untuk hendak menganaktirikan MAS dan tiap-tiap kali MAS ada masalah kita ketuk MAS. Padahalnya, MAS yang dibebankan oleh kontrak-kontrak yang sebegini, di mana memberikan satu beban kepada MAS. Akhirnya beban kepada siapa? Kepada rakyat, bila kita beri suntikan dan kita nampak di sini berbilion suntikan untuk MAS dan syarikat yang lain.

So saya harap Menteri Kewangan boleh beri jawapan di sini bahawa apakah tindakan akan diambil terhadap *LSG Sky Chef*? Sama ada kerajaan ataupun Khazanah hendak ambil tindakan untuk tamatkan kontrak yang berat sebelah ini *against national interest*? Kontrak ini adalah *against our national interest*. Kita perlu tamatkan dengan segera. Kalau hendak, *negotiate* baru, tetapi kena teluslah. Tidak boleh *negotiate* seperti dulu, seperti Yang Berhormat Tasik Gelugor masa itu dengan Tan Sri Azman Mokhtar, *negotiate* dalam gelap. Jadinya MAS dalam kegelapanlah sekarang ini.

Tuan Pengerusi, yang ketiga, saya telah bangkit juga hal Bank Negara mengenai dengan dana asing. Dalam ucapan saya tidak dijawab, katanya hendak dijawab dalam peringkat Jawatankuasa. Saya harap Tuan Pengerusi, bahawa kementerian akan memaklumkan kepada Dewan ini bahawa bagaimanakah dana asing daripada George Soros disalurkan, dimasukkan dalam negara ini tanpa pengetahuan Bank Negara.

Sedangkan, Bank Negara adalah satu institusi yang mengawal wang dana yang masuk keluar. Kadang-kadang kita hantar RM10,000, RM20,000, Bank Negara hendak tahu, kita kena masukkan *form.* Sama ada Bank Negara ini dalam keadaan tertidur seperti dahulu? *Sleepy, sleeping*. Jadi *sleeping beauty* sudah semua. Ini adalah sangat penting kerana kalaulah Bank Negara tidak mengawal dengan baik wang yang masuk keluar dalam negara ini, nanti di satu hari kita akan menghadapi masalah *money laundering* dan sebagainya...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Silakan Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya. George Soros ini nama terkenal, perompak dunia, yang kerjanya menjatuhkan kerajaan-kerajaan demokrasi di dunia. Jadi usaha Soros ini memusuhi negara ini terus dijalankan sehingga hari ini. Beberapa Ahli Parlimen pembangkang dikatakan telah pun bersubahat untuk menjatuhkan kerajaan ini dengan cara yang tidak halal... *[Disampuk]* Soal jumpa lain, ini soal usaha. Jumpa boleh jumpa, siapa pun boleh jumpa. Akan tetapi hasrat Soros hendak menjatuhkan kerajaan yang dipilih secara demokrasi ini diusahakan oleh parti pembangkang melalui beberapa orang Ahli Parlimennya. Saya difahamkan begitu. Jadi macam mana Yang Berhormat, ulasan Yang Berhormat tentang perkara ini?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Memang saya setuju perkara ini kerana kalau wang dana asing dimasukkan ke negara kita, disalurkan kepada organisasi-organisasi yang tertentu seperti *MalaysiaKini* dan SUARAM. Kalau hendak, teruskan kepada mereka dan isytiharkan dalam bila mereka terima, inilah kita terima daripada dana George Soros, tidak apa pula. *So* mereka telah diisytiharkan. Akan tetapi selepas benda ini telah diketahui umum barulah mereka mengakui. *So* ini memang saya tidak boleh setuju dengan keadaan begini. Ini tidak teluslah. Seperti kita sentiasa dengar, *transparency* ataupun kompetensi dan sebagainya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya sebut George Soros sahaja pembangkang semua riuh dalam Dewan Parlimen ini pasal apa? Saya hendak tahu.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Memang itu sedih sedikitlah itu.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya, ya, silakan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tadi Yang Berhormat sebut tentang soal wang daripada Soros kononnyalah. Pertemuan Perdana Menteri, mantan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dengan George Soros ini juga merupakan satu peristiwa yang telah berlaku yang mana disorok dan hanya dapat dimaklumkan apabila didedahkan oleh pihak-pihak yang tertentu. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Wangsa Maju berhubung dengan persoalan di mana orang-orang yang merupakan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional ini pergi jumpa dengan perompak antarabangsa yang kononnyalah, perompak antarabangsa ini dirahsiakan dan tidak pun dia buat PC lepas berjumpa hendak dedahkan apa yang telah dibincangkan? Apa pandangan Yang Berhormat Wangsa Maju tentang persoalan itu?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasihlah. Ini masalah ini bahawa mereka tidak terima dana-dana asing ataupun tidak terima wang daripada George Soros ini. *So,* perjumpaan itu saya rasa teman-teman yang sebelah sini pun ada jumpa orang-orang tertentu juga. *So* saya pun tidak mahu bangkit di sini. *So* saya hendak teruskan kerana masa pun tidak berapa cukup. Mohon maaf.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sedikit sahaja, sedikit sahaja.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *No, no,* saya hendak teruskan perkara ini.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Wangsa Maju ada pengesahankah, ada pengesahan?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya harap...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ada pengesahan tidak terima duit?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *No, no*.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak ada pengesahan, bukan?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Kita hendak...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kita akan dedahkan kemudianlah bila kita ambil alih kerajaan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Nanti ada peluang baru berucap.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Barulah kita nampak banyak mana duit yang sudah terima daripada George Soros...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ada peluang nanti berucaplah. Kenapa melenting?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Oleh Kerajaan Barisan Nasional. Bagaimana Yang Berhormat Wangsa Maju? Terima kasih, terima kasih.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *No,* ada peluang berucap sebentar lagilah.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ha, kenapa hendak itu? Sebentar lagi ucaplah. Saya bawakan perkara ini supaya Bank Negara melalui Menteri Kewangan boleh maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, kenapakah Bank Negara tidak tahu langsung, tidak kesan dana asing yang masuk yang disalurkan kepada melalui satu Syarikat Suara Inisiatif Sdn Bhd kepada SUARAM dan *MalaysiaKini*? Inilah satu perkara penting. Ini satu kelemahan yang Kementerian Kewangan perlu mengambil tindakan. Apakah tindakan yang telah diambil dalam perkara ini? Sama ada pegawai-pegawai tertentu telah diambil tindakan disiplin ataupun dibiarkan?

Saya juga ingin merujuk kepada Butiran 111200 – LHDN. Juga kita tahu satu perkara yang umum bahawa banyak syarikat dalam negara kita ataupun yang berkongsi dengan syarikat asing menyalurkan wangnya keluar daripada negara. Untuk apa? *Money laundering*. Saya tahu ada beberapa syarikat tetapi saya akan memaklumkan kepada Menteri Kewangan supaya boleh ambil tindakan. Kalau saya bangkit di sini kemungkinan mereka akan tutup ataupun lari daripada sini. Banyak, berbilion-bilion ringgit telah dikeluarkan dari negara kita.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Wangsa Maju, berhubung *money laundering.*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Nanti, saya hendak habiskan sebab masa tidak cukup nanti Tuan Pengerusi berhentikan saya. Nanti saudara ada masa juga hendak bahaskan.

Satu lagi, mengenai dengan kastam, Butiran 060000 dan juga Butiran 060100. Saya tertarik dengan rakan-rakan di sini atau Ahli-ahli Parlimen yang mengutarakan masalah kastam ini. Akan tetapi yang saya tahu dalam Laporan Audit itu ada satu kes yang di mana RM1.8 juta yang digunakan oleh satu bahagian kastam ataupun pegawai tinggi kastam, menggunakan *his on the shopping spree,* dengan izin, membelikan apa-apa peralatan untuk bahagiannya tetapi tidak digunakan.

■1600

Pegawai kastam telah meletakkan jawatan. Okey. Masalahnya kita hendak faham di sini bagaimanakah beliau seorang boleh mengambil tindakan begitu? Boleh main peranan begitu. Boleh beli alat RM1.8 juta dan dibayar oleh kerajaan. Bukankah ini satu sistem kita ini hendak mengawal kebocoran ini telah koyak seperti mana dalam MAS juga. Barang berbilion-bilion ringgit.

Bayangkan jawab di sini kata RM600,000 sahaja untuk *Landor Associates* pada hal saya tahu lebih daripada sejuta atau dua juta ringgit sebab *Landor Associates* ini, *Ogilvy & Mather* tidak akan sentuh kalau kerja itu untuk RM600,000 sahaja. Juga yang ini. So saya hendak tahu dalam Dewan yang mulia ini bahawa apakah tindakan, yang pertama, telah diambil terhadap pegawai ini yang tidak menurut *standard of procedure* (SOP).

Keduanya, apakah tindakan kementerian yang telah diambil untuk mengemaskan sistemnya supaya pegawai yang lain- bukannya di Kastam sahaja tetapi di semua kementerian termasuk Khazanah. Ini boleh dikatakan satu *monster*. Termasuk Khazanah, supaya mereka tidak boleh berbelanja sewenang-wenangnya kerana mereka ini CEO, dapat RM200,000 sebulan gaji mereka. Inilah kita hendak tahu apakah tindakan yang diambil. Bukan untuk Kastam dan untuk Kementerian Kewangan sahaja tetapi untuk semua kementerian dan semua GLC.

Keduanya, sama ada kerajaan memberi suntikan wang berbilion ringgit kepada semua syarikat GLC dan agensi-agensi lain, sama ada kerajaan hendak mengkaji semula. Kaji semula apa? Gaji-gaji puak CEO ini. Berapa ratus ribu sebulan mereka dapat. Ini saya rasa amat tinggi sekali.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Panjang lagi Yang Berhormat, panjang lagi?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Sedikit sahaja Tuan Pengerusi. Saya akan gulung.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ini adalah boleh dikatakan satu kebocoran atau kita hendak gunakan perkataan pembaziran. Sebab gaji sebanyak RM200,000 atau RM300,000 sebulan saya rasa kita tidak boleh terima, terlampau tinggi. Ini kerana kalau kita tengok *qualification* mereka pun bukan juga tinggi sangat. Mereka ini dilantik kemungkinan kerana politik seperti kawan saya di sebelah sana kata ataupun nepotisme ataupun kroni-kroni.

Ini satu kebocoran yang kita perlu *plug* ataupun berhentikan sebab mereka ini bermaharajalela. Mereka terima gaji dan mereka anggap mereka ini menjadi taiko. Hendak jawab soalan Parlimen pun mereka tidak peduli. Ini rahsia, itu rahsia.

Saya harap Yang Berhormat Menteri Kewangan II boleh memberi jawapan yang tepat di sini dan jangan hendak mengelak lagi. Ini kerana kita hendak bangunkan negara ini. Kita jawab soalan ini dengan semangat *nation building*, jangan malu. Jawab sahaja, ambil tindakan. Itu yang kita mahu. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

4.04 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh beberapa butiran iaitu Butiran 01000, Butiran 010400, Butiran 02400, Butiran 00001, Butiran 110400, Butiran 0200, secara menyeluruh Tuan Pengerusi.

Saya terpanggil untuk menyentuh soal GLC dan saya melihat bahawa kecenderungan kementerian atau agensi-agensi tertentu untuk memberi ruang yang lebih luas kepada monopoli, kepada satu syarikat yang saya rasa kurang adil bagi syarikat-syarikat yang lain. Contohnya, syarikat yang dipelopori oleh Tan Sri Syed Mokhtar. Pokoknya apa ada dalam dunia ini dia hendak berniaga. Dalam laut dia berniaga, di darat dia berniaga, di udara pun dia berniaga. Kalau boleh berniaga dalam kubur saya rasa dia pun berniaga dalam kubur... *[Tepuk]* Ini masalah.

Dia sudah ambil Penang Port, dia mahu ambil Keretaapi Tanah Melayu, dia mahu ambil MRT dan dia mahu ambil segala-galanya. Tenaga Nasional Berhad pun dia hendak ambil. Dia hendak ambil air di Johor. Cukuplah apa DAP buat di Pulau Pinang. Dia kata UMNO kroni. Dia yang betulnya kroni! Kita tidak ada kroni. Mana yang tidak betul kita cakap. Bukan macam di sana seperti kerbau dicucuk hidung!

Ketua Menteri salah, Ketua Pembangkang salah tidak boleh dikritik. Saya terbuka. Saya tidak peduli Yang Berhormat. Saya kata kerajaan perlu melihat bahawa rakyat marah dengan apa yang berlaku. Saya melihat kecenderungan GLC-GLC. GLC ini syarikat gergasi, syarikat besar tetapi kalau ada *open tender* dia pun hendak ikut. Di Sabah, pembekalan diesel dan petrol untuk SESB. Petronas ikut! Esso ikut! Shell pun ikut! Akhirnya mereka yang dapat. Vendor di bawah tidak dapat. Jadi apa polisi? Saya mahu minta Kementerian Kewangan menjelaskan polisi kerajaan bagaimana syarikat GLC ini seharusnya tidak dibenarkan mengikuti tender terbuka yang kecil-kecil ini.

Biar mereka menumpukan projek-projek mega. Kenapa asal ada projek mega, Syed Mokhtar? Ini rasa saya satu perniagaan yang tidak adil bagi pemain-pemain yang kecil. Ramai lagi orang Melayu Bumiputera yang mahu berjaya seperti Tan Sri Syed Mokhtar. Jangan dia seorang yang monopoli. Ini rasa saya satu perbuatan dan Kementerian Kewangan perlu melihat bahawa strategi sebegini tidak baik. Orang lain pun hendak hidup juga, hendak berniaga juga di muka bumi ini.

Kalau satu orang yang kontrol seluruh perniagaan, rasa saya Tuan Pengerusi, itu amat membimbangkan dan rakyat di bawah juga mahu melihat ketulusan kita mengendalikan perniagaan yang berskala besar ini. Tidak boleh kita lepaskan. Asal ada pembida yang baik, Tan Sri Syed Mokhtar, gula dia mahu. Dulu Robert Kuok satu orang raja gula. Dia sudah mewah menjadi *billionaire* dia lari ke Filipina. Di Filipina pula dia berniaga. Jadi saya tegas dalam pendirian saya. Saya bukan macam Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Shah Alam ini kalau disuruh duduk, dia duduk. Kalau disuruh berdiri, dia berdiri. Kalau bos dia kata ya, biar pun salah, dia pun jadi ya juga. Macam juga Yang Berhormat Batu. Kita tidak macam itu ya. Pendirian saya dengan Yang Berhormat Sri Gading lain. Bos kata ya, kalau pun tidak ngam, kita kata *no Sir.* Tengok Yang Berhormat Shah Alam, dia punya gaya. Dia memang macam ini. Dia punya gaya tidak menentu... *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Kinabatangan, saya ingat Tuan Pengerusi..

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ha, tengok dia, tengok dia.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Pengerusi akan menyanggah perkara itu sebab dia suruh duduk tetapi saya tidak duduk-duduk. Jadi duduk, duduk, berdiri, berdiri – tidak betul.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi duduk Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Shah Alam tidak ada *floor u*ntuk berdiri.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Saya ingat masalah Tan Sri Syed Mokhtar adalah masalah hasil dari Barisan Nasional.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Shah Alam, ini Yang Berhormat Shah Alam kepala batu! Lama sangat! Dia tidak ada *floor* hendak berdiri.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tadi kata ikut cakap orang. Sekarang kepala batu pula. *Makeup your mind*lah, mana satu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Duduklah. Yang Berhormat Shah Alam ini macam ini hendak jadi Menterikah? Memang tidak layaklah.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Ketawa]* Oh hendak jadikan saya Menterikah? Saya ucapkan terima kasihlah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dalam Kabinet sudah ada, tetapi bagi saya tidak layak. Layak lagi yang lain-lainlah. Yang Berhormat Shah Alam ini kalau jadi Menteri, karam ini pembangkang.

Tuan Pengerusi, saya menyambung hujah saya iaitu saya melihat bahawa kerajaan, Kementerian Kewangan seharusnya memberi analisa, memberi pandangan yang sebaik mungkin ke arah bagaimana- kerajaan telah mewujudkan berbagai-bagai jawatankuasa, PEMANDU dan macam-macam untuk mengatasi masalah sebegini, tetapi akhirnya masalah yang sebegini timbul dan terus timbul. Tidak ada penghujungnya.

Dahulu kita ada yang menguasai penerbanganlah, Tajudin Ramli dan macam-macam. Akhirnya kerajaan juga yang bertanggungjawab.

■1610

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi saya tidak mahu, saya mahu direkodkan dalam Dewan ini bahawa saya membantah di atas apa juga langkah-langkah ...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya 10 minit sahaja.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Umum sahaja. Seminit sahaja.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Banyak lagi saya mahu *roll*. Minta maaf, saya banyak lagi. Banyak lagi yang saya hendak katakan bahawa hal kerajaan harus melihat masa depan yang lebih cemerlang. Kita jangan bergantung kepada satu orang sahaja untuk monopoli segala bentuk perniagaan dan usaha-usaha dalam negara kita ini, lebih-lebih lagi kebimbangan saya apabila seorang pemain yang bermain untuk beberapa projek akhirnya ia akan merosakkan ekonomi negara kita.

Saya juga ingin bertanya kepada Gabenor Bank Negara, apa sudah terjadi dengan skim-skim cepat kaya di negara kita ini dan baru-baru ini kita melihat bagaimana usaha-usaha global sama ada *Geneva gold bar*, banyak lagi. Ada 9, 10 syarikat yang menjual emas dengan pulangan yang baik dan mutakhir ini Bank Negara telah campur tangan dan membekukan aset *Geneva gold bar* dan lain-lain.

Sejauh manakah penyiasatan itu dilakukan dan kenapa setelah syarikat ini bertahun-tahun membuat pelaburan dan telah berpuluh-puluh ribu orang ramai terlibat lebih kurang 40,000 pelabur-pelabur yang melabur dalam syarikat emas di seluruh negara ini, baru pula dalam bulan ini dia buat penyiasatan dan menyita. Masalahnya sekarang yang menjadi mangsa adalah pelabur. Kalau perniagaan emas ini menipu, kenapa dibenarkan sejak awal dan tidak ada bantahan daripada pengguna dan pelanggan? Kenapa sudah terkena bertahun-tahun, barulah Bank Negara bertindak.

Saya mahu perkara ini disiasat dan siasatannya didedahkan dan apa juga keputusan –saya mahu juga langkah segera sebab saya menerima banyak SMS daripada mereka yang terlibat, sebab wang mereka telah dibekukan oleh Bank Negara dan syarikat akaun, peniaga-peniaga emas ini termasuk *Geneva gold bar* ini juga dibekukan. Jadi bermakna jika Bank Negara mengambil tindakan, jangan aniaya pelanggan-pelanggan yang terlibat, sedangkan mereka ini tidak tahu bahawa perniagaan emas sebegini juga adalah diharamkan atau tidak dibenarkan.

Boleh pulangkan duit mereka dan tutuplah syarikat-syarikat yang mengaut keuntungan skim cepat kaya dan seharusnya tidak berlaku dalam negara sebegini. Kita banyak agensi-agensi pemantau daripada Bank Negara, daripada kementerian, agensi-agensi yang lain tetapi masih juga berleluasa skim cepat kaya, menipu dan yang tertipu ini banyak orang profesional, ada peguam, ada doktor, ada orang kaya tetapi oleh kerana dia mahu kaya cepat maka dia tertipulah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Minta sedikit boleh?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini soal pelabur-pelabur emas ini selepas bertahun-tahun dia melabur, tiba-tiba tindakan Bank Negara. Apakah Bank Negara boleh mengganti rugi pelabur-pelabur ini, kerana tiba-tiba 56,000 orang ini marah kepada kerajaan. Kerajaan sebenarnya begitu peka dengan rakyat, tetapi apabila ada masalah kerajaan yang akan disalahkan. Jadi apa agaknya kalau agaknya boleh diganti rugi kepada mereka?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Sri Gading, saya bukan bagi pihak Bank Negara, tetapi saya ingin menyarankan yang terlibat ini adalah pengguna dan seharusnya Bank Negara sebelum membekukan apa juga urusan-urusan, minta syarikat-syarikat yang terlibat mengembalikan wang deposit para pengguna ini. Itu baru adil. Kalau wang pelabur juga dibekukan, maka inilah yang mendatangkan musibah.

Daripada awal-awal Bank Negara tidak bertindak tetapi nasi sudah menjadi bubur, rangkaian perniagaannya sudah meningkat di seluruh negara, barulah Bank Negara pula sibuk. Saya pun tidak tahu...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat, boleh saya?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat saya difahamkan pada bulan Februari, Bank Negara sudah buat siasatan dengan *Geneva-Malaysian Bank* ini dan ada *clearance letter* iaitu kelulusan surat untuk mereka termasuk dikatakan *syariah compliance* iaitu mematuhi keperluan syariah. Jika begini, jika Bank Negara perlu ambil tindakan pada masa itu jika mereka bersalah, mungkin dapat kurangkan pelabur atau orang yang terperangkap dalam kes ini dan saya amat setuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan bahawa wang dilaburkan ini perlu dipulangkan balik kepada *depositor*. Kerana bukan mereka yang buat kesalahan ini. Jika syarikat itu-*depositor* sepatutnya dipulangkan wang kepada mereka. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Saya sebetulnya sehaluan dengan Yang Berhormat. Kalau Bank Negara buat penyiasatan lima tahun yang lalu, perkara sebegini tidak berlaku. Itu saya hairan, sudah dihebohkan di mana-mana, Bank Negara seolah-olah tidak tahu tetapi setelah perniagaan sebegini melebar, baru dia sedar. Rupa-rupanya selama ini Gabenor Bank Negara kita tidur, dia tidak tahu buat apa.

Jadi kalau dia tidur, saya rasa sudah *high time* untuk kerajaan menimbang bagi melihat siapa lagi yang boleh memantau sebenar-benarnya dalam Bank Negara kita ini. Sebab kita tidak mahu aktiviti sebegini merugikan rakyat, merugikan negara dan di sini saya menggesa Bank Negara supaya membuat penyiasatan yang lebih cepat, buat keputusan bahawa pulangkan wang pelabur-pelabur, bukan membekukan akaun-akaun ini tetapi pelabur menerima hakikatnya bahawa duit pelabur seolah-olah lesap dan mereka meminta saya bertanya di Dewan Rakyat, apakah duit mereka ini akan dapat dikembalikan dan saya menyatakan, saya tidak ada kuasa tetapi saya ingin menyatakan di Dewan Rakyat bahawa kita meminta kepada kerajaan, kepada Bank Negara, selepas penyiasatan, kalau pun perniagaan emas ini dibekukan tetapi pulangkan wang pelabur-pelabur itu sendiri sebab pelabur banyak menjadi mangsa.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Sedikit. Yang Berhormat Kinabatangan, sedikit hendak sokong, sedikit. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya juga hendak masukkan kalau boleh dalam ucapan Yang Berhormat Kinabatangan, satu skim yang pernah diambil tindakan oleh Bank Negara dahulu yang nama syarikatnya ialah ACS Futures Sdn. Bhd. Jadi orang mula melabur pada tahun 1998 dan pelabur daripada serata seluruh Malaysia dan ramai yang masuk dan apabila wang dibekukan jutaan ringgit dan pihak-pihak ini telah menggunakan khidmat peguam dan mereka dimaklumkan sudah menang dan Bank Negara Malaysia diarahkan memulangkan balik kepada pelabur-pelabur ini tetapi sampai ke hari ini, mereka belum dapat lagi wang-wang yang dibekukan oleh Bank Negara ini.

Jadi ramai yang minta supaya tanya, 12 tahun dibekukan. Adakah Bank Negara menggunakan duit ini untuk tujuan-tujuan lain atau apakah sebab mereka tidak dapat balik pelaburan mereka ini. Jadi saya minta kalau boleh masukkan supaya saya dapat jawapan. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya terima kasih Yang Berhormat dan saya minta Yang Berhormat Menteri supaya menjawab soalan tadi sebab ini penting, pengguna Yang Berhormat Padang Terap tadi sebab ini penting, pelabur-pelabur ingin tahu, mahkamah sudah buat keputusan tetapi kenapa Bank Negara masih enggan untuk memulangkan wang pelabur-pelabur. Saya takut dalam kes *gold bar* ini pun sama sedangkan pelabur-pelabur terlibat 68,000. Jadi kalau ini tidak dapat diselesaikan dengan segera, alamat kita akan berhadapan dengan satu risiko yang tinggi. Tuan Pengerusi, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Duduk sedikit sahaja Yang Berhormat. Saya menyebut sedikit sahaja Yang Berhormat.

Ini kadang-kadang kita buat ucapan, sebenarnya kalau tanya Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Kepong, orang lama-lama di Dewan yang mulia ini inilah tidak pernah dahulu pun kita kata tolong masukkan ucapan ini dalam ucapan saya.

Sebenarnya Yang Berhormat, apa sahaja dikata dalam Dewan, ia dimasukkan di dalam *Hansard* Yang Berhormat dan *disclosure* atau budi bicara untuk menjawab atas menteri. Jadi tidak payah ditanya.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Terima kasih, ramai orang berumur yang terlibat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat, tidak payah hendak buat satu konfrontasi dengan saya Yang Berhormat. Saya sudah 23 tahun duduk Yang Berhormat, itu pertama. Saya baca *Hansard* daripada 11 September 1959 Yang Berhormat, semua *Hansard* saya baca, buku. Jadi saya tahu. Jadi itulah saya berani bercakap. Tidak payah sebut, ia secara automatik masuk itu. Sila Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Akhirnya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya juga melihat keadilan Yang Berhormat. Ini belum ada lagi daripada PAS bercakap.

■1620

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Pengerusi, baik saya cuba ringkaskan beberapa perkara yang hendak saya bangkitkan atas Maksud B.10, B.11 dan B.12 ini kepada hanya beberapa tumpuan khusus Tuan Pengerusi.

Menyentuh persoalan bayaran perbendaharaan dan pemberian 020000 dan khususnya 020500 perkara bersabitan subsidi LPG, diesel dan petrol dan mungkin saya akan bawa perbahasan sedikit di peringkat jawatankuasa ini dengan bantuan tunai yang maksudnya BR1M 2.0 itu.

Tuan Pengerusi, kita sedang melalui satu proses penyambungan IPP generasi kedua dan dalam suasana ini ketika banyak kritikan dibuat ke atas generasi IPT pertama yang telah mendapat satu PPA ataupun *power purchasing agreement* yang begitu dengan izin *lop-sided* pada sifatnya, tentunya analis pasaran sedang memerhatikan sejauh manakah Suruhanjaya Tenaga atau *Energy Commission,* dengan izin, akan benar-benar bukan sahaja melakukan kompetitif *bid* ataupun pembidaan terbuka tetapi lebih penting daripada itu ketelusan dan kebertanggungjawabannya akhirnya memberikan sambungan IPP ke generasi kedua ini.

Dalam perkara itu, Tuan Pengerusi ianya sangat-sangat diperlukan supaya perkara ini diperhatikan sudah ramai kawan-kawan di sebelah sini mahupun sebelah sana bercakap tentang dasar fiskal yang perlu kita ambil dengan begitu serius memandangkan kita telah pun untuk 15 tahun menghadapi defisit fiskal yang terus membengkak dan sebagainya. Jadi oleh kerana itu persoalan mengurangkan, bukan hanya mengurangkan, menyusun kembali subsidi, supaya ia benar-benar dapat menjadi satu yang progresif sifatnya dan tidak regresif dan *blanket*. Maka persoalan ini perlu saya perhatikan dalam hal memberi sambungan konsesi generasi kedua ini yang kalau rata-ratanya boleh saya sebutkan ada lima IPP generasi pertama dan persoalan yang ingin saya bangkitkan menyambung mungkin sedikit daripada sahabat saya daripada, Yang Berhormat Machang sudah minta Menteri memberi ulasan dalam banyak hal ini.

Perkara ini telah menjadi satu tumpuan beberapa analis ini dan saya membangkitkan dua perkara atau dua kes yang mana kedua-dua IPP generasi pertama ini ia diberikan satu semacam keistimewaan. Satu kedudukan yang agak lain daripada lain di mana kita dapati pertamanya IPP Segari Power Plant itu adalah antara yang pertama diberikan *extensions* sepuluh tahun yang berkebetulan juga adalah dimiliki oleh Malakoff dan sedia maklum semua dimiliki oleh nama yang telah banyak kali disebut dalam Dewan yang mulia mutakhir ini.

Jadi persoalannya adalah mengapa ianya diberikan keistimewaan yang begitu. Apakah antara lainnya ini satu telahan dan mungkin juga satu dakwaan. Apakah ia diberikan pada saat-saat mahu disenaraikan di Bursa Malaysia yang langsung akan meningkatkan *valuation*nya dalam IPO ataupun *price*nya itu.

Jadi ini perkara yang ramai analis khususnya agak curiga mengapa ia merupakan IPP generasi pertama yang diberikan keistimewaan seperti itu dan juga perlu disebutkan Tuan Pengerusi bahawa kalau benar-benar kita mahu membawa satu *efficiency* dalam generasi kedua yang perlu memenuhi tuntutan keperluan negara pada tahun-tahun yang mendatang ke paras 4,000 megawatt, maka apakah lebih bijak, lebih baik, lebih wajar IPP yang pertama ini yang sudah pun mendapat keuntungan dengan izin, *earn more than their keep,* dengan izin.

Maka sepatutnya kita seharusnya membuat pelaburan pada generasi ataupun melahirkan IPP generasi kedua yang lebih efisien. Lalu mengapa perkara ini diberikan *extension* seperti itu kerana mereka jelasnya kalau kita buat pelaburan besar dalam *capex* tetapi akan mendapat satu generasi IPP yang lebih efisien. Saya perhatikan harga-harga yang diberikan kepada mereka ini pada Segari itu pada harga *extension*nya adalah Genting itu diberikan *rate* 35.3 sen per kilowatt dan juga kepada Segari Power 36.3 sen per kilowatt.

Keduanya adalah mengapa juga 1MDB yang membeli daripada Genting Sanyen pada saat di mana Genting Sanyen sudah hampir tinggal hanya tiga tahun dalam konsesinya semacam 1MDB tahu bahawa Genting Sanyen akan merupakan IPP yang pertama yang akan diberikan *extension*. Kalau kita lihat daripada dengan izin, *future cash flow*nya maka pelaburan pembelian yang sebesar RM2.3 bilion itu pastinya tidak akan dapat membawa *return on equity, return on investment*nya. Kalau *future cash flow*nya sudah hanya pada tiga tahun, yang anehnya pembelian itu adalah enam kali harga buku, satu pembelian yang cukup mahal. Akan tetapi nyata bahawa, kemudian daripada itu semacam boleh diramalkan oleh 1MDB Genting Sanyen mendapat kelulusan sepuluh tahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Di bawah butiran mana Yang Berhormat?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Butirannya adalah hal subsidi cecair.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Nombor *reference* Yang Berhormat?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Atas Kepala 020500. Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini perkara yang sangat telah menelan RM16 bilion pada subsidi dan terusnya berlaku dan inilah perkara yang saya mulakan tadi, betapa kita mahukan perkara ini distrukturkan semula kerana ia merupakan satu yang subsidi kepada IPP telah banyak dibicarakan dan tidak mahu teruskan perbincangan itu.

Keduanya pula dalam bantuan tunai atas kepala yang sama Tuan Pengerusi, 020500 - Bantuan Tunai, saya yakin ini adalah bantuan BR1M 2.0. Kalau benar BR1M 1.0 itu telah memberikan *out come*nya yang baik, maka sebelum BR1M 2.0 itu yang mungkin sahaja akan menelan RM2 bilion Tuan Pengerusi maka sedikit apa yang dikatakan sebagai analisa *out come* dari segi keberkesanannya kebaikannya dari segi memenuhi matlamat pemberian BR1M itu sebagai satu yang *one-off*. Kalau ia benar-benar boleh mengangkat *total aggregate demand domestic* yang langsung mengangkat *consumption* sebagai satu penjana pertumbuhan KDNK, maka ia perlu dibahaskan ataupun diberikan penghujahannya kerana BR1M 2.0 ini bakal juga menelan tidak kurang daripada perhitungan saya RM2 lebih bilion.

Ketiganya Tuan Pengerusi, kalau ada lagi masa saya ingin tahu atas kepala 021100 - Bayaran untuk Sektor Strategik yang saya kira lumayan juga dibayar sebanyak hampir RM1.6 bilion. Saya ingin tahu apakah sebenar-benarnya sektor-sektor strategik ini Tuan Pengerusi dan bagaimana ianya menyumbang kepada pembangunan, pelaburan ataupun kepada keberkesanan pelaburan apa yang dikatakan sebagai *capital investment* yang mungkin membawa pulangan yang sepatutnya.

■1630

Akan tetapi persoalannya tidak disenaraikan dan tidak disebutkan, di*itemize*kan apakah dan bagaimanakah RM1.559 bilion itu akan dibelanjakan? Saya ingin tahu secara lebih terperinci. Seterusnya juga atas Kepala 021400 – Bayaran Pemansuhan Duti Import. Mutakhir ini kita dengar betapa sektor, khususnya *crude palm oil,* dengan izin.

Tuan Pengerusi, perkara ini sudah menjadi pertikaian besar dan nampaknya kerajaan akhirnya akur supaya membuat satu pengolahan dasar yang telah pun memberhentikan *duty free export*, AP CPO yang diberikan kepada beberapa pemain-pemain besar yang namanya mungkin diketahui tetapi juga diberikan kepada satu senarai nama-nama yang sehingga hari ini tidak mahu didedahkan. Ini yang menimbulkan rasa sangat curiga kerana inilah dia sebenarnya *rentier system* yang kononnya mereka ini juga adalah dilindungi di bawah Akta Rahsia Rasmi.

Tuan Pengerusi, ada masa lagi, boleh? Sedikit lagi ya. Jadi, saya ingin tahu nama-nama atas bayaran pemansuhan duti import ini, berapakah sudah dimansuhkan? Maaf, AP itu sudah mansuh dan kerajaan saya kira tepat dalam dasar yang mengurangkan duti import CPO daripada 23 peratus kepada hanya kurang lebih mungkin 8 peratus hingga 10 peratus lebih komparatif berbanding dan bersaing dengan pesaing utama kita Indonesia yang mengenakan duti mereka dengan satu rejim yang fleksibel, eksport duti mereka itu 'bergalih' dan berkadar dengan harga CPO dunia.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Tuan Pengerusi, saya lanjutkan sedikit lagi kalau boleh. Baik. Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya memperhatikan atas judul atas Kepala 040000 - Bayaran Ganti, Pulang Balik dan Hapus Kira. Hapus kira pinjaman yang saya perhatikan itu tidaklah banyak sangat tetapi RM150 juta. Ia tidaklah berbilion ringgit tetapi kita mahu tahu siapakah yang terlibat? Bagaimanakah NPL ini berlaku sehinggakan dihapus kira? Kita tahu sedikit waktu dahulu NPL boleh sahaja diniagakan, boleh sahaja ia dijual. Dijual baru-baru ini kepada pihak luar. Mungkin boleh juga NPL di *securitize* dan dijadikan satu instrumen dan sebagainya. Akan tetapi nampaknya kita tidak belajar daripada semua itu.

Ini NPL hapuskan pinjaman, bagaimana sebenarnya, siapa yang terlibat? Bayaran balik ini pun satu perkara yang saya agak bukanlah bingung tetapi banyak itu Tuan Pengerusi, RM2.76 bilion. Apakah bayaran balik ini menyangkut tentang dalam belanjawan yang telah diberikan pelbagai pengecualian, pelbagai surat caranya, duit setemnya, semuanya telah diumumkan sebagai satu insentif untuk menggalakkan hartanah dan sebagainya. Persoalannya, kenapa perlu bayaran balik? Apakah bayaran balik itu maksudnya adalah membayar kembali apa yang ditanggung dahulu oleh institusi perbankan atau kah bagaimana? Jadi, itu...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Boleh. Sila.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Boleh Tuan Pengerusi, sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi: Selepas respons kepada pencelahan Yang Berhormat Indera Mahkota, gulung Yang Berhormat. *You have run over 5 minutes already.*

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Okey, saya hendak tanya secara ringkas Tuan Pengerusi. Maksud yang cuba saya fahami tadi, ada peruntukan telah pun diberikan terdahulu iaitu peruntukan di mana untuk mengambil kira, hapus kira penghapusan faedah dan sebagainya yang diberi kepada- saya percayalah, pihak yang disalurkan melalui pihak perbankan-perbankan tertentu yang memikul tanggungjawab untuk memberi pinjaman kepada pinjaman perumahan dan sebagainya. Itu yang saya jangka. Saya hendak tanya, adakah Yang Berhormat Kuala Selangor juga mengesyaki bahawa dalam kes ini berlaku dua kali peruntukan untuk satu item yang sama menyebabkan timbulnya jangkaan bahawa satu peruntukan belanjawan yang terbazir secara sengaja. Terima kasih.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Pengerusi, nampaknya macam Yang Berhormat Indera Mahkota membaca *mind* saya dengan tidak meminta izin saya. Itulah perkara yang saya juga pertikaikan. *He has read my mind without my permission,* dengan izin. Akan tetapi itulah perkara yang saya minta juga Yang Berhormat Menteri perjelaskan, apakah ini satu yang boleh menimbulkan kecurigaan seperti itu. Saya kira begitu sahaja Tuan Pengerusi, yang dalam waktu ini dapat saya kongsi bersama.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Rembau.

4.36 ptg.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Pengerusi, kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan peringkat Jawatankuasa - Perbendaharaan.

Pertama, Maksud Bekalan 10, Butiran 030100 – Pengurusan Kewangan Strategik. Kalau kita lihat kepada Laporan Ketua Audit Negara, tanggungan pinjaman di jamin terkumpul ataupun *cumulative contingent liabilities* kerajaan telah mencecah RM111.8 bilion pada tahun 2011. Lanjutan daripada itu, saya ingin bertanya. Pertama sekali oleh kerana ada pelbagai andaian dan juga tohmahan yang mengatakan bahawa *contingent liability* atau pun tanggungan pinjaman dijamin itu telah di luar kawalan, di luar jangkaan dan sebagainya.

Saya hendak minta pandangan daripada kementerian, daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri pakar kita, apakah sebenarnya *track record* bagi kes-kes di mana tanggungan jaminan ini menjadi *actualize liabilities?* Apakah peratusnya dari segi jumlah berbanding jumlah tanggungan keseluruhan pada waktu itu. Ini kerana ini *actualize* dengan *contingent,* amat berbeza sekali. Ada pihak yang memberi gambaran seolah-olah *contingent liabilities* ini sudah menjadi *actualize liability.* Seolah-olah mereka tidak memahami antara aset dan liabiliti dan juga *balance sheet* negara.

Kedua, apakah kerajaan membuat kajian tentang kebarangkalian, *probability* untuk menanggung pinjaman yang dijamin dengan analisa keupayaan bayar balik entiti yang menjamin serta trend atau petunjuk-petunjuk kewangan tertentu seperti aliran tunai dan sebagainya. Seterusnya, apakah kerajaan juga mempunyai pelan bagi pembayaran pinjaman yang berkemungkinan menjadi tanggungan terus seperti dana *contingency*, skim insurans ataupun mengenakan bayaran bagi jaminan pinjaman.

Pelan risiko ini, *to mitigate the risk,* dengan izin, perlu mengambil kira skop jangka masa pendek dan sederhana bergantung kepada terma pinjaman dan kedudukan peminjam. Jadi, di sini saya minta pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjelaskan bahawa *contingent liability.* Pertamanya, tidak menimbulkan masalah untuk *balance sheet* kita dan kebarangkalian, *probability of default...*

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Cepatnya Yang Berhormat Kota Belud. Okey, okey.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi. Kita dengar pasal *contingent liability* ini Yang Berhormat Rembau tetapi seperti mana yang kita tahu bahawa sebahagian daripada hutang Kerajaan Pulau Pinang yang dilupuskan itu melalui geran yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan adalah sebahagian daripada *contingent liability* Kerajaan Persekutuan kerana PASSB, pengambilan air ini adalah sebahagian daripada *contingent liability.* Sebanyak RM600 juta hutang Kerajaan Pulau Pinang yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan itu adalah sebahagian daripada *contingent liability.* Maknanya, mereka itu adalah sebahagian daripada masalah ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: *Masya-Allah.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Belud. Ini, sekali lagi Yang Berhormat Kota Belud telah mendedahkan hipokrasi Pembangkang yang bercakap soal *contingent liability* tetapi yang telah memberi Kerajaan Persekutuan *contingent liability* yang mereka pegang sendiri.

■1640

Kedua Tuan Pengerusi, ini juga berkaitan dengan pengurusan kewangan strategik. Ini soal intelektual *dishonesty* yang kita dengar dalam Dewan ini semalam daripada Ketua Pembangkang. Sekali lagi mencanangkan bahawa Laporan *Global Financial Integrity* tentang *cumulative list outflow* yang dilaporkan meningkat sehingga USD337.9 bilion pada tahun 2009 seolah-olah inilah gambaran ketirisan, ramalan kebocoran dan sebagainya. Akan tetapi saya secara rasmi di Dewan ini saya tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri pun sudah banyak kali jawab bahawa ini adalah *intellectual dishonesty of the highest order*, dengan izin Tuan Pengerusi.

Pertama sekali berkenaan persepsi rasuah bahawa ini semua duit rasuah. GFI sendiri mengakui bahawa *corruption* bukanlah komponen utama. GFI menganggarkan 60 peratus hingga 65 peratus daripada jumlah aliran dana haram tersebut pada tahun 2008 adalah daripada elemen pengelakan cukai, *taxation,* 30 peratus hingga 35 peratus pula berpunca daripada aktiviti jenayah, *human trafficking* dan sebagainya dan hanya 3 peratus dianggarkan berkaitan dengan rasuah ataupun korupsi. Jadi kita perbetulkan dalam Dewan ini hujah daripada Ketua Pembangkang yang mengatakan bahawa ini jelas menunjukkan bahawa GFI inilah semua ketirisan, semua kebocoran, pembaziran dari segi rasuah dan sebagainya adalah *intellectual dishonesty.*

Saya bagi contoh, Tuan Pengerusi. GFI gunakan dua kaedah. Satunya *trade mispricing method.* Saya tidak ada banyak masa. Saya cuma hendak cakap sebagai rekod dalam Dewan ini sebab ini pengurusan kewangan strategik bagaimana kita menjangkakan ketirisan dan sebagainya. Kalau kita ambil dari segi *trade mispricing method* semata-mata menggunakan jumlah nilai dagangan yang diisytiharkan. Saya bagi contoh bagi mudah bagi pihak sana memahami. Kalau kita syarikat 'A' dari Malaysia eksport satu barang ke China contohnya dan isytiharkan nilainya RM10 juta manakala syarikat 'B' di China pula *declare* nilainya bersamaan dengan RM8 juta atas sebab-sebab sendiri, mungkin bagi elak cukai ataupun sebagainya, jadi ada beza RM2 juta. Ini yang dilabel aliran dana haram oleh GFI. Bukan soal rasuah tetapi *trade mispricing* di mana di *declare* dengan nilai yang berbeza daripada apa yang dinilai di sini...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Kalau kita nilai dagangan yang diisytiharkan oleh pengeksport dan pengimport dari negara kita bagi tahun 2000 hingga 2010 contohnya, memang kita lihat ada perbezaan nilai. Apa yang diisytiharkan oleh syarikat-syarikat kita lebih tinggi berbanding rakan dagang mereka dan kalau kita lihat dari tahun 2000 hingga tahun 2009 pula, 58 peratus daripada *under invoicing* pada dalam komponen *enlisting outflow* Malaysia ini dilakukan oleh rakan niaga kita daripada negara yang kita sebutkan tadi dan kita dapat tahu masalah ini bukan unik kepada Malaysia sahaja tetapi majoriti mereka yang berdagang dengan China mendapat nilai dagangan yang diisytiharkan oleh syarikat-syarikat China yang lebih rendah dan ini yang menyumbang secara komponen besar kepada *GFI trade list outflow* ini. Jadi saya hendak perbetulkan oleh kerana ada *intellectual dishonesty* daripada pihak Ketua Pembangkang yang telah berbahas semalam.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Rembau. Yang Berhormat Rembau, celahan.

Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Rembau. Saya juga memerhatikan persoalan *enlist outflow fund* ini dan persoalan *transfer/trade mispricing* ini adalah diakui oleh beberapa analis sebagai satu kaedah yang tidak dapat mencetuskan aliran keluar yang sebanyak hampir RM88 bilion setahun. *For the last ten years. So you can't account for that,* dengan izin. Hanya *on the basis of mispricing* dalam hal-hal apa pun *trade* dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Akan tetapi saya merujuk kepada pengakuan yang dibuat oleh GFI sendiri yang mengatakan bahawa hanya 3 peratus dianggarkan berkaitan dengan korupsi atau rasuah. Ini bukan saya yang cakap. Dia sendiri yang cakap. Akan tetapi terima kasihlah sebab sekurang-kurangnya Yang Berhormat Kuala Selangor dia lagi *intellectually honest* daripada Ketua Pembangkang.

Kedua, Maksud Bekalan 11 – Perkhidmatan Am Perbendaharaan Butiran 020500 – Subsidi Gas Cecair (LPG), Diesel dan Petrol serta Bantuan Tunai.

Tuan Pengerusi, saya hendak bangkitkan soal subsidi gas ini berkaitan dengan sektor penjanaan kuasa sebab banyak disebut oleh rakan-rakan kita tadi termasuk daripada Kuala Selangor dan daripada rakan-rakan yang lain. Jadi saya hendak dapatkan kepastian sebab banyak kali dijelaskan tetapi banyak kali juga telah dibangkitkan dengan hujah yang tidak setuju dengan penjelasan yang diberi oleh kerajaan. Kerajaan mengatakan bahawa subsidi gas ini tidak pergi ataupun tidak menguntungkan syarikat-syarikat penjanaan kuasa bebas ataupun IPP.

The subsidy does not go to the bottom line, dengan izin, *of the IPP's or Independent Power Producers,* tetapi subsidi itu adalah komponen *past through.* Dia pergi terus kepada *end user,* dia pergi terus kepada mereka yang dapat subsidi iaitu rakyat yang menikmati komponen tersebut. Jadi saya hendak tanya kepada Kementerian Kewangan sama ada itu sebenarnya kes. Dalam kes *Power Purchase Agreement* (PPA) ini, Perjanjian Pembelian Kuasa itulah sebenarnya kes di mana tidak ada sebab atau hujah bahawa gas yang di subsidi ini pergi kepada *bottom line.* Keuntungan syarikat-syarikat IPP tersebut... Ya, Yang Berhormat Kota Belud.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Satu lagi yang saya ingatkan Yang Berhormat Rembau sekali lagi membawa hujah yang begitu bernas. Hendak cerita pasal IPP ini, Yang Berhormat Rembau. Setiap kali kita bersidang di dalam Dewan Rakyat yang mulia ini dan kita mendengar ceramah-ceramah politik daripada kawan-kawan kita di pihak pembangkang setiap malam. Mereka membawa isu hujah mengatakan bahawa IPP ini seperti mana Yang Berhormat Rembau kata tadi zalim. Dia menganiaya rakyat. Sesiapa yang terlibat dalam IPP ini adalah orang-orang yang tidak bertanggungjawab dan harus ditolak oleh rakyat. Mereka ini zalim dan menganiaya rakyat. Soalan saya, Yang Berhormat Rembau, saya hendak tahu betulkah Kerajaan Pakatan Rakyat tidak terlibat langsung di dalam kononnya skandal IPP ini.

Ini kita mahu tahu kerana mereka mengatakan ini tidak betul. Hanya Kerajaan Persekutuan ini jahat. Kerajaan Persekutuan ini zalim. Saya hendak tanya Yang Berhormat, betulkah Kerajaan Pakatan Rakyat tidak terlibat dalam industri IPP ini?

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Saya dengar ucapan daripada Yang Berhormat Kuala Selangor tadi dengan jelas. Saya tunggu ucapan beliau tadi sebab saya hendak dengar *word-for-word.* Dia kata perjanjian generasi pertama IPP iaitu PPA generasi pertama adalah *lopsided* dan banyak lagi ucapan yang telah dikeluarkan oleh pihak Ahli-ahli Parlimen, wakil-wakil rakyat daripada pihak pembangkang yang mengatakan bahawa ini adalah perjanjian yang *rip off* rakyat. Yang tidak menguntungkan rakyat. Perjanjian yang *lopsided*, yang menguntungkan kroni dan sebagainya.

Jadi apabila Yang Berhormat Kota Belud bangkitkan soalan ini, saya teringat bahawa sebenarnya kalau kita tengok kepada kebenaran, kebenaran IPP ini. Generasi pertama. *In fact the first probably, the first IPP, the first IPP* yang disebutkan tadi*, lopsided contract.* Yang Berhormat Kuala Selangor kata *lopsided contract* yang menjadi *central.* Antara manifesto penting mereka adalah untuk merombak semula IPP ini. Ini soal prinsip. Saya hendak bagi tahu kepada Yang Berhormat Kota Belud bahawa IPP yang disebutkan tadi, Genting Sanyen, 25 peratus saham Genting Sanyen IPP dimiliki oleh syarikat subsidiari PKNS Kerajaan Negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor. Saya...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Saya hendak ini. Minta maaf. Duduk, duduk.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sikit sahaja. Sikit sahaja.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ulang balik 25 peratus?

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: *About 25 peratus of Genting Sanyen IPP owned by the Selangor State Government.*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Menyampuk]*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Kota Belud dan Yang Berhormat Kuala Selangor tolong duduk. Duduk, Yang Berhormat. Tidak apa, dengar ya.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Zaman Barisan Nasional.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Saya hendak beritahu Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sikit, sikit 30 saat sahaja, Yang Berhormat Rembau, 30 saat sahaja.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Tuan Pengerusi, walaupun mungkin. Saya akan pergi kepada soal prinsip kemudian tetapi saya hendak rujuk kepada laman *web Worldwide Holdings. Worldwide Holdings* ini adalah *wholly own subsidiary of PKNS.* Syarikat subsidiari PNKS yang dimiliki sepenuhnya oleh PKNS... *[Disampuk] Worldwide Holdings.*

Dengar dulu, dengar dulu, dengar dulu. Dengar dulu. Sekarang ini Pengerusi PKNS bukannya orang UMNO tetapi Yang Berhormat Bandar Tun Razak. Sudah empat tahun sebagai Pengerusi PKNS. *Investment Worldwide Holdings, good business acumen, the ability to sniff for good investment, the courage to take the risks- these are just some of the characteristics that shape Worldwide Holdings Berhad's ability to acquire and own some of the best assets locally and globally. The 25 peratus shareholdings in Genting Sanyen, an independent power producer (IPP), enable Worldwide Holdings into the lucrative business of power generation.* Tuan Pengerusi, saya tak faham. Saya tak faham. Ini soal prinsip.

■1650

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Mungkin saya boleh fahamkan.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Ini soal prinsip. Saya hendak...

Tuan Pengerusi: Ini Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Rembau. Ini yang dinamakan *intellectual discourse* telinga saya sakit sebelah kanan sudah. Sila teruskan.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Minta maaf Tuan Pengerusi.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Sila teruskan. Yang Berhormat Kota Belud, jangan ganggu dulu, Yang Berhormat Kota Belud.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sedikit sahaja, 30 saat sahaja Yang Berhormat Rembau.

Tuan Pengerusi: Tidak panjang masa lagi Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Hanya 30 saat sahaja.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Okey, tak apa. Sila, sila, sila.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih sahabat saya sekampung, Yang Berhormat Rembau. Okey, apa yang perlu saya rakamkan di Dewan yang mulia ini Tuan Pengerusi adalah meskipun Yang Berhormat Rembau cuba mengkritik kami dengan menyanggah persoalan, dakwaan kami bahawa ia *lopsided.* Namun sejarah merakamkan betapa mantan *Chairman* Tenaga sendiri, Tan Sri Ani Arope sehingga meletakkan jawatan kerana sangat terpukul dengan satu kontrak yang dipaksakan ke atas beliau dalam satu yang dikatakan *a very unfair contract, lopsided... [Tepuk]* Bukannya pandangan kami Tuan Pengerusi, tetapi pandangan Tan Sri Ani Arope sendiri dan sejarah merakamkan perkara itu. Terima kasih... *[Disampuk]* Yang Berhormat Rembau, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Saya amat berterima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Selangor kerana membangkitkan persoalan tadi. Memang rakan sekampung saya, Rembau, dia bertanding tahun 2004 di Rembau tetapi tidak menang. Saya amat berterima kasih sebab tadi Yang Berhormat Kuala Selangor telah kata Tan Sri Ani Arope berprinsip kerana letak jawatan kerana PPA ini adalah *lopsided, that is your word* ya? Yang Berhormat Kuala Selangor, *that is your word*.

Jadi, kalau beliau berprinsip letak jawatan kerana PPA ini *lopsided*, kenapa selama empat tahun Kerajaan Negeri Selangor kerana berprinsip tidak jual pegangan sahamnya dalam Genting Sanyen. *If you are principal, if you are principle* seperti– *I am using your word.* Kalau berprinsip, Tan Sri Ani Arope boleh meletak jawatan kerana tak setuju dengan PPA, kenapa Kerajaan Negeri Selangor di bawah PKNS masih lagi pegang ekuiti dalam syarikat IPP ini yang ada *lopsided contract?* Ha! Ini persoalannya Tuan Pengerusi. Saya minta ulasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Pengerusi, boleh?

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: *Sit down! Sit down!... [Ketawa]*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Masa, masa Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Ketawa] Now you see, Your less democratic character.*

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Jadi Tuan Pengerusi, saya kata, saya hendak sebut sedikit. Saya hendak sebut sedikit lagi. Di sini saya hendak buat perbandingan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Bolehlah saya jawab.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Saya hendak buat perbandingan ya. Dua, tiga bulan yang lepas kita tahu dasar, sebab saya hendak cakap soal prinsip. *This is policy.* Dasar mereka, bila mereka tak setuju, mereka akan paksa kerajaan negeri itu untuk buat sesuatu supaya *comply* dengan dasar mereka, supaya konsisten dengan dasar mereka. Saya ingat apabila didedahkan bahawa PKNK iaitu Perbadanan Pembangunan Negeri Kedah telah *subscribe*, telah membeli saham IPO FELDA di IPO. Apabila didedahkan bahawa syarikat Kerajaan Negeri Kedah beli saham IPO Kedah, Yang Berhormat Menteri Besar Kedah dipaksa untuk jual saham tersebut kerana *that is the policy*. Tak sokong IPO FELDA, jual saham dalam FELDA...

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Panggil Yang Berhormat Kedah jawab pula.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Akan tetapi ini senyap-senyap. Yang Berhormat Menteri Besar Selangor, kerajaan Selangor, *all of you complicit.*

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Bagi Kedah jawab pula.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Walaupun cakap bahawa kita tak setuju degan IPP, tak setuju dengan PPA tetapi senyap-senyap masih lagi kekalkan dengan 25 peratus dalam Genting Sanyen.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Rembau. Masa, masa, Yang Berhormat Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: *This is the policy* yang di pertahankan. Tuan Pengerusi...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Boleh kita bahas Tuan Pengerusi? Kalau kita tak boleh bahas habis-habisan di sini, kita bahas habis-habisan di luar.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Yang Berhormat Rembau, bagi Kedah jawab pula.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Pengerusi, kalau kita boleh bahas habis-habisan di luar.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: *No principle.* Tidak ada prinsip langsung. Di sini saya hendak bagi tahu, mereka cakap dalam *Buku Jingga,* dalam bajet alternatif dan sebagainya, hendak hapuskan tol, hendak batalkan semua tol. Saya *check,* PKNS bukan sahaja 25 peratus dalam Genting Sanyen, 20 peratus daripada tol KESAS dimiliki oleh PKNS juga.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *Astaghfirullah halaazim!*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Pengerusi.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Beri kita jawab pula.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: *Where is the consistency?* Sudah empat tahun, *you don't show that you are consistent with your policy.*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *Policy, policy.*

Tuan Pengerusi: Gulung Yang Berhormat. Okey, silakan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: …Daripada Kerajaan Barisan Nasional... *[Dewan riuh]*

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Tidak konsisten dengan dasar mereka sendiri. Kalau Kerajaan Negeri Kedah dipaksa jual FELDA...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Ya, *policy, policy,* bagi peluang daripada Barisan Nasional.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Kalau Kerajaan Negeri Kedah dipaksa jual..., mesti mereka tidak jual.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Tuan Pengerusi, macam mana ini, hendak bagi peluang jawab...

Tuan Pengerusi: Sila, sila Yang Berhormat. Gulung Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Saya cabar di dalam Dewan ini supaya Kerajaan Negeri Selangor melupuskan, jual daripada saham semua. Dalam KESAS, dalam Genting Sanyen.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *We will do it, as...*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: 1MDB hendak beli pun tidak mahu jual.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Ini persoalannya. Jadi Tuan Pengerusi...

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Tembak sahaja. Tepis tak boleh.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat, fahamkan. Ini semua adalah polisi-polisi daripada warisan Kerajaan Barisan Nasional... *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat... *[Dewan riuh]*

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Saya...

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Bila hendak, jawab tidak beri.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: ...Kalau betul saham ini menzalimi rakyat, jual, jualkan!

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *Be a man, okay? Be a man, gentleman* kalau betul-betul mengatakan...

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sudah!... *[Dewan riuh]*

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Hendak *gentleman* apa lagi?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: ...Hendak berbahas di luar, diberikan waktu yang cukup.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Jangan *complicit* Yang Berhormat. Jangan *complicit.*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Diberikan waktu yang cukup.

Tuan Pengerusi: Empat Ahli-ahli Yang Berhormat boleh duduk dahulu? Duduk dahulu.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Ketawa]* Sudah bikin pun!

Tuan Pengerusi: Duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, sering kali saya ingatkan, kalau berbahas memang begitu. Yang jadi Yang Berhormat ini, selain daripada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Padang Rengas iaitu mesti *wise* dan sedemikiannya. Kesabaran itu mesti tebal telinga.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Kalau kita suka menghentam, janganlah pula tidak suka kalau dihentam. Begitu. Jadi, itu yang saya dapat...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Pengerusi, kita hanya membuktikan ketidakbertanggungjawaban.

Tuan Pengerusi: Jadi Yang Berhormat Rembau, masa sudah tidak mengizinkan. Saya mahu Yang Berhormat untuk gulung. Sila.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Dia boleh gulung?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ya, saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Rembau kerana membongkar skandal ini daripada...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Pengerusi, kita boleh lanjutkan perbahasan...

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Saya cuma mahu gulung Tuan Pengerusi disebabkan diganggu kiri, kanan oleh pembangkang yang tak tahan dengar apa yang saya hendak bangkitkan. Cuma minta Yang Berhormat Timbalan Menteri mengulas soal prinsip, soal hipokrasi, soal cakap tak serupa bikin, masih lagi sokong PPIPP..

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Tengok Tuan Pengerusi, hipokrasi. Siapa hipokrasi? Tuan Pengerusi tengok, tengok.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Akan tetapi di depan orang kata dia bantah PPIPP. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Sila. Yang Berhormat Bukit Mertajam, selepas itu saya panggil satu lagi BN, baru Yang Berhormat Indera Mahkota.

4.56 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya ingin menjelaskan apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Jempol yang memberikan maklumat yang tidak tepat kepada Dewan ini.

Pertamanya ialah untuk Kerajaan Pulau Pinang apabila menjual tanah, ia melalui tender terbuka. Tidak ada di mana-mana kata ia jual kepada yang satu lebih murah daripada yang lain. Akan tetapi saya rasa ia merujuk kepada tanah di Taman Manggis. Tanah di Taman manggis ada satu ekar, *1.1 acre* yang melalui tender terbuka. Pihak yang hendak beli ialah dengan harga RM230 *per square feet*. Akan tetapi Barisan Nasional Pulau Pinang kata ini terlalu murah. Dia kata boleh jual RM450. Jadi kerajaan Pulau Pinang kata, sekiranya pihak Barisan Nasional kata dia boleh jual RM450 *per square feet,* Kerajaan Pulau Pinang rela jual kepadanya. Jadi, dia kata dia mahu beli dengan harga ini. Bukan kita hendak jual dia dengan harga ini tetapi dia hendak beli. Dia hendak beli dan dia kata dia hendak membangunkan rumah kos rendah.

Kita kata *"boleh, jadi belilah."* Jadi dia sudah beli, dia sudah bagi 10 peratus deposit. Jadi, bukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang hendak jual dia dengan harga ini. Dia hendak beli. Ini *willing buyer*. Jadi apa salahnya? Rupanya Barisan Nasional, apabila mereka tidak jadi kerajaan, mereka hendak bina rumah kos rendah dengan harga yang tinggi pula. Jadi, kamilah pihak kerajaan Pulau Pinang bagilah mereka peluang ini. Bukan jual dengan harga-harga yang berlainan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh mencelah Yang Berhormat Bukit Mertajam? Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin tanya Yang Berhormat Bukit Mertajam. Kalau Barisan Nasional memang prihatin tentang cara tender terbuka ataupun secara *transparent* sesuatu transaksi diamalkan, adakah mereka sepatutnya lebih menggembleng tenaga pergi ke Perak tanya Kerajaan Barisan Nasional di Perak, kenapa tanah enam ekar di tengah-tengah Pekan Sitiawan diturunkan premium RM4.7 juta kepada RM52,000.

Diluluskan kepada sebuah syarikat kroni, sebuah syarikat keluarga, Kinta Berkat Sdn. Bhd. dan juga hampir seluruh pekan Lumut, 147 ekar tanah, projek diluluskan kepada syarikat yang sama tanpa tender terbuka dan beri banyak lagi 60 ekar di Sri Iskandar. Sebanyak 15 ekar di Pundut, ratusan ekar tanah hinggakan berpuluh-puluh ribu ekar tanah, 68,503 ekar diluluskan dengan harga RM375. Kenapa Barisan Nasional tidak datang ke Perak memastikan Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Dato' Seri Zambry ini menjalankan tugas dengan telus, setuju tak?

■1700

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, ya, memang Barisan Nasional dia berperangai begitu. Apabila dia jadi kerajaan, dia buat lainlah apabila dia jadi pembangkang. Jadi lebih baik kita beri Barisan Nasional jadi pembangkang, mereka akan lebih tekun. Ini kerana di Pulau Pinang pun, Kerajaan Negeri Pulau Pinang kata di Jalan SP Chelliah ada 11 ekar tanah, kerajaan negeri akan membina perumahan yang mampu dimiliki, tetapi akan beri dua ekar kepada Kerajaan Pusat untuk membina rumah kos rendah juga. Akan tetapi mereka tidak mahu bina rumah kos rendah di situ, mereka *insist* hendak beli tanah 1.1 ekar dengan harga yang jauh lebih mahal dan mereka hendak bina rumah kos rendah di situ. Apa kita boleh buat?

Tuan Pengerusi, Butiran 060300 – Pematuhan/Penguatkuasaan di bawah tajuk Perkhidmatan Kastam. Saya diminta oleh seorang pemilik Syarikat Pengangkutan (Penang-Selangor), nombor lori dia AFF1279 yang telah ditahan dengan barang-barang yang diangkut kerana sebahagian barangnya dikatakan tidak membayar cukai. Pada 27 September, beliau meminta supaya sekiranya ada barang-barang yang tidak bayar cukai itu, kastam tolong tahan. Akan tetapi barang-barang yang tidak terlibat, tolong beri balik kepada dia kerana ini *customer* orang yang lain. Pada 9 Oktober, pihak kastam pun sudah kata boleh ambil balik barang-barang yang tidak terlibat, tetapi Tuan Pengerusi, sampai hari ini masih tidak dapat balik lagi. Jadi saya tidak tahu apakah *procedure*nya.

Akan tetapi saya harap pihak penguatkuasaan pun boleh faham bahawa syarikat-syarikat pengangkutan ini pun cari rezeki sahaja. Lori yang ditahan juga dia perlu bayar kerana dia *outsource* kepada *vendor*. Ini bukan lori dia. Setiap hari lori itu ditahan, dia mesti bayar RM200. Ini sudah hampir satu bulan dia bayar. Barang-barang yang lain tidak boleh sampai kepada *customer* yang lain. Jadi saya minta jasa baik kementerian supaya sama ada boleh lihat, memberi perhatian kepada kes ini supaya barangan yang tidak terlibat itu dan juga lori yang tak salah itu boleh dikembalikan secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh pengurusan belanjawan. Objektifnya ialah untuk menentukan agensi-agensi kerajaan diberi peruntukan kewangan yang sewajarnya melalui pemeriksaan dan penganalisisan program dan rancangan pembangunan selaras dengan dasar belanjawan negara semasa.

Tuan Pengerusi, pada tahun 2004, Kerajaan Barisan Nasional telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kesaksamaan Gender. Melalui jawatankuasa ini, kita harap kita boleh melaksanakan *gender mainstreaming* dan *final objective*nya ialah supaya kita mencapai kesaksamaan gender. Saya mengalu-alukan tindakan ini. Akan tetapi malangnya Tuan Pengerusi, sampai hari ini kita tak dapat lihat bahawa dalam bajet ini gender ini diambil sebagai faktor untuk mempertimbangkan. *Gender* adalah penting kerana lelaki dan perempuan, kita walaupun semua manusia tetapi tanggungjawab kita di dalam keluarga adalah tidak sama, berlainan dan juga jawatan kita pun tidak sama. Ramai wanita di dalam pekerjaan-pekerjaan seperti menjadi guru, menjadi jururawat tetapi lelaki lebih menjadi pembuat keputusan seperti menteri-menteri yang ramainya adalah lelaki. Jadi ada ketidaksamaan.

Kerajaan Barisan Nasional sudah begitu lama memerintah tetapi sampai hari ini masih tidak dapat menyediakan *gender responsive budget*. Saya tidak mahu kata bahawa pihak sini adalah pandai. Kita pun dalam pembelajaran juga. *We are in a learning* juga, ya. Akan tetapi kita cuba. Umpamanya di Pulau Pinang, di Pulau Pinang kita sudah menjalankan satu projek yang kecil bagaimana kita hendak jalankan *gender responsive budget* dan ini buku kecil yang diterbitkan dan di sini dia kata mengapa pentingnya kita ada *gender responsive budget*.

Gender responsive budget (GRB) ini mengiktiraf perbezaan keperluan golongan lelaki dan wanita, kanak-kanak perempuan dan kanak-kanak lelaki. Seringnya perbezaan-perbezaan ini penting.

Begitu juga dengan perbezaan jenis-jenis perkhidmatan yang mereka perlukan serta cara mereka yang berbeza-beza dalam menggunakan dan memanfaatkan perkhidmatan-perkhidmatan sedia ada. Menerusi *gender responsive budget*, campur tangan yang diperlukan untuk menangani keperluan yang berbeza-beza ini dikenal pasti dan kemudian tercermin pada dasar-dasar, rancangan-rancangan dan bajet kerajaan. Dengan menerapkan *gender responsive budget,* kita mampu mempertimbangkan secara lebih holistik dan tepat keadaan-keadaan, pengalaman-pengalaman, keperluan-keperluan, sumbangan-sumbangan dan potensi-potensi yang berbeza-beza pada setiap kelompok lelaki dan wanita yang berlainan.

Dengan cara ini, *gender responsive budget* memberikan kita sekurang-kurangnya empat lagi manfaat utama iaitu:

(i) membantu memaksimumkan sumber tenaga manusia, membantu setiap individu lelaki dan wanita mencapai potensinya tanpa stereotaip atau diskriminasi;

(ii) usaha menentukan bajet menghasilkan sejumlah *instrument* untuk membantu kita menggunakan sumber kewangan negara dengan lebih baik dengan memadankan bajet dengan perancangan program-program keutamaan dan projek-projek;

(iii) membantu kita di setiap peringkat proses, penentuan dasar dan bajet untuk meningkatkan:

(a) urutan keutamaan;

(b) perancangan;

(c) penerapan; dan

(d) pemantauan dan penilaian; dan

(iv) menggalakkan urus tadbir yang baik, mengembangkan prinsip-prinsip menyatakan semua pihak, perpaduan sosial, ketelusan, kebertanggungjawaban, kecekapan dan daya respons.

Jadi Tuan Pengerusi, saya rasa saya minta supaya pihak Kerajaan Barisan Nasional boleh ambil inisiatif memulakan *gender responsive budget* ini. Saya rasa ia bukan begitu sukar dilaksanakan walaupun bukan begitu mudah juga. Umpamanya, di bawah sini ada satu butiran dia hendak memberikan peruntukan kepada NGO. Jadi di sini saya rasa sekiranya kita lihat dari perspektif *gender* ini, bolehkah kita *analyze* sama ada kita berikan NGO-NGO yang bertumpu kepada hak asasi wanita, *women NGO* yang menjalankan berbagai tugas dan perkhidmatan untuk masyarakat.

■1710

Jadi saya pohon supaya, saya rasa kementerian pun sudah memulakan dengan ada satu mesyuarat dan saya mengucapkan syabas kerana sudah memulakannya dan juga memanggil pihak kami di sini untuk mengambil inisiatif. Saya harap inisiatif ini boleh diteruskan dan dipercepatkan. Saya rasa memerlukan *driver*, orang yang bertanggungjawab untuk melaksanakannya. Jangan seperti Jawatankuasa Kabinet atas kesaksamaan gender itu. Walaupun sudah dekat sepuluh tahun tetapi kita tidak nampak hasilnya dan tidak lihat ia dilaksanakan dengan tekun.

Tuan Pengerusi: Masa Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi saya mohon supaya Kerajaan Barisan Nasional lebih *responsive* dalam aspek ini. Sekian, terima kasih.

5.11 ptg.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada satu tajuk sahaja, satu perkara yang hendak saya sentuh iaitu bagi Maksud P.10 Butiran 95000 di bawah tajuk 1MDB. Saya ingin memuji langkah yang dibuat oleh pihak 1MDB ini yang telah memperluaskan program CSR mereka dengan menyediakan RM20 juta untuk dana PIBG.

Dana ini dimaklumkan boleh digunakan sebagai satu platform untuk memberi bantuan kewangan kepada PIBG sekolah-sekolah kerajaan dan juga bantuan kerajaan. Walau bagaimanapun, saya ingin memohon penjelasan beberapa perkara.

Pertamanya, saya ingin mendapat maklum balas daripada pihak kementerian. Berapa banyakkah PIBG sekolah-sekolah yang telah menerima bantuan di bawah dana ini dan daripada jumlah-jumlah bantuan yang diberikan, saya juga hendak perincian sekolah-sekolah di kawasan Parlimen Parit Sulong yang telah mendapat manfaat daripada dana PIBG 1MDB ini.

Seterusnya saya juga hendak tahu, berapakah baki peruntukan setakat akhir September 2012 ini dan adakah permohonan ini mempunyai satu tarikh luput di mana sekiranya peruntukan ini habis, adakah ia akan ditambah ataupun ada tarikh luput untuk dana PIBG ini? Terima kasih banyak-banyak Tuan Pengerusi.

5.13 ptg.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak katakan di sini Tuan Pengerusi, walaupun kami ini pembangkang tetapi tidak menghalang kami ini untuk berbincang cara mana untuk menyelamatkan kehilangan hasil negara. Saya tidak rasa langkah patut diambil dalam perbincangan di peringkat Jawatankuasa untuk ambil peluang menghentam satu sama lain seperti yang dibuat terakhirnya oleh Yang Berhormat Rembau. Saya rasa peluang yang kita ada ini baik kita berbincang dan tumpukan kepada butiran yang boleh membantu. Oleh sebab itu saya katakan, hasrat saya bersama-sama rakan yang ramai yang berpandangan lebih baik di peringkat Jawatankuasa ini kita tumpukan kepada aspek yang boleh membantu dan sekali gus menolak seperti yang dikata, kita ini cuma membangkang dan mengkritik.

Apa yang saya hendak katakan berkenaan itu Tuan Pengerusi, di bawah B.10 060000 dan 080000 iaitu berkenaan Perkhidmatan Kastam dan LHDN. Kedua-duanya telah diperuntukkan RM780 juta dan RM935 juta, hampir RM1 bilion untuk kedua-dua agensi ini. Ini menunjukkan kita menghadapi cabaran yang sangat besar. Semua orang tahu yang kastam sekarang ini bukannya menghadapi masalah penyeludupan, Tuan Pengerusi. Mereka terpaksa berdepan dengan cubaan menyeludup dadah setiap malam. Bukan kah pelik, Kastam kerjanya tangkap penyeludupan dadah, bukan penyeludupan barang-barangan yang dilarikan cukai, sekarang dadah. Jumlahnya kalau dulu setakat RM200,000 atau RM300,000, sekarang puluhan juta. Terakhir minggu lepas mengenai rampasan kastam, bukan rampasan tetapi penemuan kastam terhadap penyeludupan dadah berjumlah RM47 juta. Besar itu. Itu yang dialami oleh Kastam Diraja Malaysia.

Sekali gus tidak juga menolak kemungkinan sebelum pada hari ini, sebelum pada kali ini, telah banyak perlakuan sama yang tidak berjaya dikesan dan terbukti Tuan Pengerusi, yang ditangkap itu, ada seorang perempuan ditangkap, dia kali ke-12 memasuki Malaysia, baru kali ke-12 kena tangkap dan dia membawa bersama cubaan menyeludup dadah berjumlah RM8 juta. Sudah 11 kali lepas, kali ke-12 kena tangkap. Saya sokong kita mempertingkatkan keupayaan anggota ataupun badan Kastam Diraja Malaysia ini, sekali gus saya hendak tanya apakah jadi dengan pasukan petugas khas yang telah kita tubuhkan untuk tujuan ini selama dua tahun?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya pun bersetuju dengan Yang Berhormat tetapi ada juga kes yang mana rakyat di luar negara itu memang sudah kahwin ataupun ada *boyfriend* di Malaysia dan dia sering masuk dan keluar. Selepas kita beritahu sebagai seorang wakil rakyat, kita beritahu bahawa gadis ini masuk untuk tujuan ini dan bukan untuk yang lain tetapi dia ditahan juga. Dia ditahan di *airport* dan tidak mahu diluluskan. Ini akan menjejaskan imej kastam juga. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Betul. Saya setuju dengan Yang Berhormat Bukit Mertajam, sebab itu kita perlu pandangan dan nasihat yang bernas daripada Menteri yang jaga hal ehwal wanita dan keluarga. Sepatutnya berilah seorang yang boleh memainkan peranan dan memastikan sekali gus wanita di Malaysia ataupun wanita luar yang masuk ke Malaysia tidak dianiaya atau dilihat seperti dianiaya. Oleh sebab itu polisi ini nampak tidak berapa jelas. Saya berharap selepas ini ada kaedah untuk membetulkan keadaan ini.

Saya hendak katakan laporan yang dijanjikan oleh kerajaan dalam Parlimen iaitu penemuan atau hasil daripada penubuhan pasukan khas yang menggabungkan kastam, LHDN, polis, SPRM dan juga agensi-agensi lain seperti imigresen ditubuhkan di bawah satu jabatan khas di bawah AG, Pejabat AG. Sampai sekarang seperti yang dijanjikan, penemuan tidak ada. Saya rasa amat baik sekali walaupun Yang Berhormat Rembau tadi ulas berkenaan GFI, betul. Saya rasa itu fakta yang betul kerana menyebut semula kata ada 83 peratus GFI disebabkan oleh pelarian cukai ataupun penggalakan cukai, betul.

Sepatutnya ulasan itu disebut kepada, ini adalah bidang baru yang boleh ditekankan, dicuba untuk dapat kutip cukai yang tidak berjaya terlepas dikutip dan kalau jumlahnya RM880 lebih bilion, 25 peratus daripada kadar cukai yang terlepas itu sudah tentu negara boleh meraih RM200 bilion cukai, sepatutnya. Itu belum masuk penalti. Kalau diambil kira penalti, minimum 20 peratus kita berjaya atau mungkin *insya-Allah* dapat meraih lebih daripada RM400 bilion yang tidak dapat dikutip kerana, Yang Berhormat Rembau sebut tadi kerana kononnya pengelakan cukai. Tidak kiralah elak cukai atau apa, itu semua melanggar undang-undang.

Jadi di bawah perkara 080000 dan 060000 ini, saya rasa Tuan Pengerusi, lebih baik kita tumpukan kepada aspek menutup ketidakupayaan ini, kita tekankan. Jadi sejajar dengan hampir RM1 bilion satu agensi ini diperuntukkan, baik kita usahakan supaya dapat semula menyelamatkan perkara yang tertinggal atau kita tidak berjaya hendak buat ini. Saya rasa ada peluang, *insya-Allah*. Jadi sebab itu saya katakan, boleh jadi namanya itu tidak berapa sesuai. Apa salahnya kalau kerajaan atau kerajaan tidak mahu buat tidak apa. Kerajaan baru akan buat boleh jadi akan datang. Kita tukar sikit nama, kita angkat kuasanya itu melebihi daripada apa yang ada sekarang.

■1720

Kalau sebagai contoh Tuan Pengerusi, Lembaga Hasil Dalam Negeri apa salahnya kita tukar kepada Lembaga Hasil Malaysia supaya gambaran itu lebih besar, lebih meluas, sesuai dengan agensi yang boleh mengutip lebih daripada RM100 bilion setahun dan kita hendak berhadapan dengan aktiviti hendak mengutip yang tidak berjaya dikutip ini dalam lingkungan RM200 bilion ini. Tadi disebut oleh Yang Berhormat Rembau, saya bersetuju yang kita masih tidak berjaya hendak kutip. Kalau Laporan GFI dikira kutipan itu potensi untuk mengutip itu lebih daripada RM200 bilion dan kalau di campur sedikit sahaja dengan penalti sudah sampai RM400 bilion.

Ini adalah cabaran kepada pihak penguat kuasa. Mereka ada peluang untuk meraih dana dan hasil baru kepada negara yang bukan disengajakan, tapi kita terlepas. Kita cuma perlu tingkatkan sedikit kuasa dan keupayaan mereka dan saya rasa apa salahnya kita beri nama. Kita jenamakan semula namanya. Kalau kerajaan boleh buat pelan transformasi, apa salahnya kita transformasikan mereka. Beri nama yang lebih tinggi darjatnya, Lembaga Hasil Malaysia.

Negara lain pun pakai *revenue department* itu berdasarkan kepada negara. Jabatan hasil negara tertentu. Semuanya meletakkan nama negara. Jadi saya rasa tidak ada salah kalau kita boleh angkat sedikit perkara itu Tuan Pengerusi.

Kemudian di bawah Butiran 10000 bawah Dasar Baru juga menyentuh tentang Butiran 10500 iaitu LHDN dan kastam. Ada RM170 juta di campur dengan RM50 juta untuk pelaksanaan dasar baru. Saya hendak tanya sekali ini ramai katakan dan memang sudah tentu ini adalah Parlimen sidang penggal yang terakhir sebelum pilihan raya umum. Tolonglah kerajaan melalui kementerian ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri yang jawab, tolong beritahu betul atau tidak peruntukan ini untuk persediaan kerajaan melaksanakan cukai baru iaitu GST.

Cukuplah bermain kata tahun depan, lepas pilihan raya, mungkin tidak buat dan sebagainya tapi peruntukan ditambah tujuannya jelas untuk persediaan melaksanakan cukai baru. Fasal apa tidak boleh beritahu? Saya rasa ada baiknya kalau kerajaan berterus-terang supaya peniaga, peruncit, pengguna boleh buat persediaan. Saya rasa masalah kita ialah apabila tidak ada persediaan sahaja sebab itu orang jadi marah. Kalau sudah ada persediaan diberi lebih awal pengetahuan ini kepada pengguna, peniaga dan sebagainya saya tidak rasa ada masalah yang besar sangat. Akan tetapi kerajaan saya tidak tahu kenapa takut sangat untuk mengumumkan perkara ini dengan jelas. Sekali kata tidak mahu dibuat...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat setujukah GST ini?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ya?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Setujukah GST ini?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Saya kata pengumuman ini seolah-olah macam hendak sembunyikan sesuatu. Sekarang menjadi tanggungjawab...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ya lah, saya hendak tanya...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: ...Kerajaan. Kalau pembangkang sudah tukar jadi kerajaan itu perkara lain.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak, Tuan Pengerusi boleh saya mencelah?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tugas saya ialah untuk membawa persoalan ini dalam Dewan di peringkat Jawatankuasa sebab Jawatankuasa ada meletakkan angka untuk dibelanjakan untuk tujuan itu. Jadi...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh saya mencelah?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: ...Saya rasa tanya Menteri lagi baik.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak, saya hendak mencelah sedikit. Saya hendak tanya pendirian Yang Berhormat secara peribadi sahaja.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri ada jawapan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Setuju atau tidak GST ini?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Dalam Parlimen tidak ada peribadi. Ini kita semua berkenaan dengan Ahli Parlimen...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak, GST secara peribadi.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: ...Menjawab persoalan untuk kepentingan rakyat sahaja. Tidak ada persoalan peribadi.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Bukan, pencelahan sebagai peribadi.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Peribadi lepas ini kita minum kopi. Saya belanja Yang Berhormat minum kopi untuk soalan peribadi. Terima kasih.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak, bukan soalan. Soalan peribadi sebagai Yang Berhormat adakah pendirian peribadi Yang Berhormat sebagai seorang Ahli Parlimen. Yang Berhormat setuju GST ini atau tidak?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Soal peribadi tidak perlu kita masuk dalam *Hansard*. Mari kita minum kopi ya.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Maknanya setujulah, terima kasih. *Clear*.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih. Saya cuma kata saya bercadang. Saya cadangkan kepada kerajaan untuk tidak menerima reaksi yang negatif daripada masyarakat umum. Lebih baik umumkan. Persediaan perlu dibuat sekarang kerana kita hendak laksanakan cukai baru GST. Apa salahnya? Cakaplah.

Kalau kita jadi kerajaan kita pun boleh cakap. Kita boleh cakap sebab ada kaedah lain sebelum pelaksanaan itu untuk mengimbangi kesannya. Saya rasa ini kalau orang menuduh kita *flip-flop* kah, kita menyembunyikan fakta kita jadi marah tapi tidak apalah Tuan Pengerusi di peringkat Jawatankuasa tidak perlu dipanjangkan. Saya mohon supaya kerajaan beri penerangan betul atau tidak perkara itu.

Bawah P.10 Tuan Pengerusi berkenaan dengan Butiran 090000 – Pelbagai Suntikan. Walaupun ada sistem komputer bawah LHDN saya tidak mahu sentuh perkara itu. Saya hendak sentuh berkenaan pelbagai suntikan. Jumlahnya keseluruhan RM2.3 bilion. Yang hendak diluluskan hari ini sekejap lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab iaitu RM620 juta.

Saya hendak tahu terperinci sedikit apakah suntikan pelbagai ini. Sefaham saya kalau suntikan ini maksudnya suntikan modal. Kalau suntikan modal biasanya di bawah Kertas Statut yang lain yang biasanya selepas pembentangan belanjawan ini, Yang Berhormat Menteri akan baca sebelah malamnya kata kita perlukan buat suntikan kepada syarikat yang berkepentingan kerajaan sekian, sekian, sekian. Selalunya. Akan tetapi adakah ini juga terangkum atau melibatkan item yang sama, seperti yang dibuat sebelum ini iaitu suntikan yang perlu dibuat kepada syarikat-syarikat berkepentingan kerajaan.

Di bawah B.11 Tuan Pengerusi Butiran 20500 – Subsidi LPG, Diesel, Petrol dan Pemberian Tunai. Saya minta dan saya mohon kerajaan menyatakan apakah dapatan, penemuan, hasil, keuntungan, manfaat ataupun masalah-masalah yang dihadapi sepanjang pelaksanaan BR1M 1.0 dahulu yang pertama. Kita hendak buat BR1M yang kedua, tapi adakah kerajaan sebagai mempertahankan aspek integriti perbelanjaan awam ada tidak kerajaan hendak umumkan kejayaankah, kesulitankah, kerumitankah berkenaan dengan pelaksanaan BR1M yang pertama, adakah? Tidak akan ada masalah? Tentu ada masalah. Rungutan banyak dari segi pemberian baucarkah, proses hendak menukar baucarkah? Tidak akan tidak ada rungutan? Tidak akan licin macam itu sahaja?

Kita hendak tahu sebab selalunya kerajaan akan membentangkan hasil pelaksanaan. Sekurang-kurangnya walaupun Ahli-ahli Parlimen sebahagian besarnya di peringkat pembangkang langsung tidak dilibatkan, tapi tidak apa sekurang-kurangnya kita tidak perlu memberi jawapan yang menyebabkan rakan-rakan di sebelah BN sakit hati. Sekurang-kurangnya kalau kita tahu berkenaan perkara itu. Saya pun tidak berhajat untuk memberikan makluman yang salah sekiranya kita tahu berkenaan dengan Program BR1M.

Oleh kerana jumlah sebenar yang dibelanjakan kata mula-mulanya RM1.92 bilion kemudian menjadi RM2.23 bilion. Yang terakhir katanya RM3.02 bilion. Itu BR1M 1.0. *So*, BR1M 2.0 Tuan Pengerusi saya hendak tanya, apakah jumlah yang siling tertinggi ataupun yang hendak dirancang untuk dibuat. Kita tidak mahu dituduh BR1M ini adalah program politik pilihan raya. Sebab kalau kita tidak jawab pada kali ini sudah tentu ia mengesahkan pemberian wang ini adalah program politik pilihan raya. Yang sebenarnya tidak payah kita bentang dalam belanjawan. Itu dalam peringkat parti masing-masing sahaja boleh cakap perkara itu.

Tuan Pengerusi: Masa Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ya. Saya hendak tanya juga Tuan Pengerusi kalau diizinkan, berkenaan dengan subsidi faedah imbuhan tabung pinjaman dan juga subsidi kadar faedah. Satu, bank pembangunan, satu, tabung pinjaman. Satu berjumlah RM81 juta sahaja, sedikit. Yang subsidi faedah imbuhan tabung pinjaman RM1.597 bilion. Agak besar. Saya hendak tanya pemberian subsidi untuk faedah pinjaman apa.

Yang terakhir bawah B.12 iaitu peruntukan kepada kumpulan wang terkanun. Di sini disebut bahawa jumlah peruntukan kumpulan wang terkanun berjumlah RM2.911 bilion Tuan Pengerusi. Untuk tiga tujuan iaitu:

Tujuan	Jumlah (RM)
Kumpulan Wang Amanah Pencen	1.5 bilion
Kumpulan Wang Cadangan untuk Negeri-negeri	318 juta
Kumpulan Wang Pinjaman kepada Badan-badan Berkanun yang lain-lain	255.3 juta
Jumlah Keseluruhan	2.073 bilion
Jumlah Peruntukan	2.9 bilion

Yang anehnya saya tidak jumpa barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh beri penjelasan, di dalam kertas yang diedarkan kepada kita di ruangan penjelasan Lampiran 'C' iaitu keterangan berkenaan dengan jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan semasa pembentangan belanjawan.

Di bawah tajuk 'B', Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun. Di sini ada RM874.6 juta sahaja Tuan Pengerusi. Saya tidak jumpa cari di mana lagi perginya RM2.036 bilion. Tidak tahu ke mana. Saya pun sudah cuba. Saya bercadang tadi hendak pergi dalam bilik Tuan Pengerusi hendak minta izin hendak bincang dengan Tuan Pengerusi hendak tanya pegawai kerajaan tapi tidak sempat Tuan Pengerusi.

■1730

Jadi saya kemukakan sini, oleh kerana pada mata saya agak jelas, barangkali saya tidak jelas dalam aspek lain tetapi dari sudut ini mata saya agak jelas bahawa di bawah kertas Perintah 8, iaitu yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi jumlah-jumlah yang tepat di sini keseluruhannya, tetapi di bawah peruntukan kepada Kumpulan Wang Berkanun sebagaimana yang disebut RM2.911 bilion, yang ada tercatat sini cuma jumlahnya hanya RM874.6 juta sahaja. Jadi yang lain itu saya tidak jumpa, barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh beri penjelasan, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, saya *scan* dahulu di sebelah kanan ini Yang Berhormat, tiada dalam BN, PKR, selepas itu saya panggil daripada PAS, pasal tadi PKR dah bercakap, sila Yang Berhormat Kubang Kerian.

5.30 ptg.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya tak panjang, mungkin dalam tiga minit. Satu butiran sahaja, B.10, 030300 - Kawalan dan Pemantauan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian. Tuan Pengerusi, semalam kita mengundang Profesor Jeffrey Sachs untuk memberikan *lecture* dan saya tertarik dengan satu ucapan beliau semalam yang menyebut tentang *big money* dan *tax heaven*. Kita terpaksa mungkin secara objektif menerima dan meminda akta atau membuat akta pusat kewangan pesisir *offshore financial centre* ini termasuk Labuan yang menjadi destinasinya.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian adakah telah ada suatu *finding* ataupun satu penemuan, bahawa ada di kalangan tokoh-tokoh negara kita ini yang menjadikan Labuan ataupun mana-mana pusat kewangan pesisir ini untuk lari daripada cukai. Mungkin dasar objektifnya, kita terpaksa menerima atas nama globalisasi, kita tidak boleh tolak tetapi ada kumpulan sama ada mereka yang daripada luar ataupun negara kita yang menggunakan kesempatan ini untuk menjadikan pusat kewangan pesisir ini sebagai *tax haven* untuk lari daripada cukai, menikmati pelbagai nikmat atas nama apa pun termasuk mungkin bumiputera, tetapi lari daripada cukai dan menggunakan Labuan sebagai destinasi. Saya harap kalau ada penemuan ini, ini penting supaya ia tidak disalahgunakan kerana ada bukti-bukti yang telah kita dapati bahawa *tax heaven* ini digunakan terutamanya oleh tokoh-tokoh politik dunia untuk sama ada di dalam pembiayaan politik, *money laundering* dan seumpamanya, itu yang pertama Tuan Pengerusi.

Kedua, saya ingin juga minta penjelasan tentang CTOS, yang suatu waktu dahulu juga kami di pihak sini dan di pihak kerajaan berbincang dan banyak membahaskan tentang CTOS ini, di mana rasa seperti tidak ada kawalan bagi pihak kerajaan yang mereka memang menjual data, menjual maklumat dan kadang-kadang mereka boleh dibayar untuk mendapatkan profil syarikat ataupun individu tertentu untuk disalahgunakan. Jadi saya berharap Kementerian Kewangan dapat memberikan jawapan tentang sejauh manakah pengawalan kerajaan terhadap CTOS ini, yang semakin hari semakin terlalu sewenang-wenangnya boleh menjual, boleh melepaskan perkara yang dianggap *confidential* ini, yang kadang-kadang mendatangkan suatu masalah keselamatan terhadap individu dalam negara kita.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Jadi saya dah habis, biar Menteri jawab.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak, saya tanya sahaja.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Dia sudah habis Yang Berhormat. *You* turut berbahas kan? Ya sila.

5.34 ptg.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih, saya pendek juga Tuan Pengerusi, pertamanya saya ingin membawa kepada Butiran 70112 – Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah, yang diperuntukkan hampir RM6 juta anggaran tahun secara langsung untuk tahun 2013. Saya cuma ingin meminta penjelasan daripada pihak kementerian, RM6 juta itu untuk tujuan apa? Kalau boleh diberikan penjelasan berkenaan dengan perbelanjaan tersebut.

Tadi yang saya ingin mencelah tadi, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri juga tentang CTOS tadi. Sebenarnya saya juga pernah berjumpa dengan CTOS ini, kerana mendapati nama saya itu macam sedikit tersangkut dalam salah satu syarikat yang mana saya menjadi *director* secara tidak langsung dahulu, tetapi telah diselesaikan. Saya juga bertanya kepada mereka bagaimana maklumat-maklumat ini dikumpulkan. Sebenarnya CTOS ini bergerak dengan memberi maklumat yang diketahui umum, *is never been*. Saya bukannya mahu mempertahankan CTOS, saya tahu CTOS mempunyai banyak masalah dari segi cara mereka mengumpul ataupun menjual maklumat ataupun sebagainya.

Saya cuma ingin memberi pandangan ini kepada Yang Berhormat Menteri dan minta penjelasan mengenai CTOS, iaitu kononnya data yang terkandung dalam data bank mereka ini, adalah data-data yang telah pun diketahui umum, *bankruptcy* contohnya, apabila keluar di surat khabar akan dimasukkan di dalam data mereka dan sekarang ini tidak ada undang-undang yang melarang mereka untuk mengumpul data-data yang telah pun dikeluarkan melalui media dan juga *public domain* yang berada dalam *public domain*. Jadi itu adalah data-data yang diserahkan kepada sesiapa yang ingin memohon tentang data-data peminjam dan sebagainya. Ia bukannya data maklumat yang sulit, jadi saya minta pandangan Yang Berhormat, kalau betul cerita itu bahawa data yang mereka kumpul ini adalah sebenarnya ada dalam *public domain* yang ada sekarang, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Lembah Pantai, selepas itu saya panggil daripada BN dan Bandar Kuching.

5.37 ptg.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya menghargai peluang yang diberikan. Saya pergi terus kepada Maksud Bekalan 10 dan Butiran 030200 bawah Pelaburan MKD dan Penswastaan. Saya sebenarnya membawa isu yang berkaitan dengan UDA, Syarikat UDA Holdings Sdn Bhd (UHSB), yang daripada awal pada mulanya disenaraikan dalam pasaran saham bursa saham kemudian akhirnya diambil alih dan akhirnya Kementerian Kewangan bersetuju supaya MKD ini mengambil alih keseluruhan saham UDA Holdings Berhad (UHB) pada 17 Januari 2008.

Tuan Pengerusi, objektif syarikat UDA ini adalah untuk menjayakan agenda bumiputera seiring dengan aspirasi kerajaan dengan memainkan peranan penting dalam sektor pembangunan bandar. Aktiviti utama termasuk bidang pembangunan hartanah, pelaburan hartanah dan pegangan, pelaburan.

Saya bangkitkan di sini adalah kalau dilihat sejarah pada Julai 2011, bangunan dan tanah di Jalan Sultan Ismail yang dimiliki oleh UDA hampir dijual kepada Syarikat Nadayu Properties Sdn Bhd untuk harga RM215.5 juta. Tetapi ditolak oleh Kementerian Kewangan kerana katanya status syarikat Nadayu ini *not Malay enough* dengan izin, bukan syarikat bumiputera. Justeru, sekarang ini saya mahu status kerana daripada laporan media yang dimaklumkan, deposit RM21.5 juta itu telah dikembalikan kepada Nadayu oleh UDA dan UDA menunggu laporan daripada kementerian untuk saranan kemungkinan Tradewinds yang ada kaitan dengan Tan Sri Syed Mokhtar akan mengambil alih atau membeli tanah tersebut.

Saya menunjukkan kontradiksi di sini, di mana bila berkait dengan korporat – konglomerat kononnya bumiputera diberikan laluan. Kalau syarikat itu bukan syarikat bumiputera walaupun tender terbuka tidak mahu diberikan peluang untuk mengambil alih tanah tapi di kawasan Lembah Pantai, 54 orang peniaga bumiputera yang telah melaksanakan aktiviti perniagaan Kompleks Niaga Utama, Bangsar telah diarah untuk keluar dalam usaha UDA membangunkan semula kompleks tersebut.

■1740

Mereka ini Tuan Pengerusi telah membayar sewa tanpa tunggakan kepada pihak UDA dan ini disahkan dalam pertemuan saya dengan Lembaga Pengarah UDA Holdings Berhad 25 September 2012. Jadi saya minta satu ketetapan daripada Menteri Kewangan, Timbalan Menteri untuk memberi laluan. Kalaupun pembangunan semula dibuat untuk seiring dengan agenda menjayakan perniagaan bumiputera UDA, jadi yang seharusnya diutamakan ialah peniaga-peniaga kecil yang sudah dengan izin *established themselves* di kawasan membayar sewa dan sebagainya tetapi dihalau dalam usaha untuk pembangunan semula.

Kalau UDA perlu menambah pulangan, menambah *profit* dengan izin keuntungan mereka kenapakah tidak boleh diberikan tanah-tanah UDA yang lain yang tidak memberi impak kepada peniaga Melayu bumiputera yang kecil tetapi dibuat secara tender terbuka untuk mendapat pulangan yang jauh lebih tinggi. Saya minta supaya jangan diutamakan syarikat seperti Tradewinds, tetapi untuk peniaga kecil yang dipinggirkan kerana mereka tidak ada lagi alternatif tidak ditawarkan pun tapak penempatan selepas bangunan Kompleks Niaga Utama Bangsar itu dibangunkan semula. Ini memang tidak boleh terima Tuan Pengerusi.

Seterusnya saya pergi Butiran 022200 - Pembiayaan *Funding Gap* KTMB. Sebelum ini Yang Berhormat daripada Arau dan Kuala Langat telah membangkitkan isu KTMB. Saya ingin bertanya dan mendapatkan kepastian daripada kementerian di mana untuk KTMB sekarang ini mengalami kerugian tahunan sebanyak purata RM200 juta. Faedah kakitangan KTMB ini hampir dilucutkan sewaktu diambil alih oleh Merak Unggul Sdn. Bhd daripada tahun 1997 hingga 2002. Kakitangan KTMB ketika itu dipaksa membuat kerja-kerja yang bukan di bawah bidang spesifikasi mereka dan kesemua keistimewaan, insentif, subsidi, syarat-syarat pekerja kereta api secara sejarahnya yang dinikmati oleh mereka, faedah di hospital, kos perubatan yang ditanggung telah dihadkan. Contohnya Merak Unggul syarikat tersebut meletakkan had RM1,000 terhadap kos perubatan di hospital.

Malangnya bila gagal penswastaan ini kerajaan terpaksa mengambil alih dan pengambilalihan Merak Unggul dibatalkan tahun 2002. KTMB kembali kepada Kerajaan Pusat. Jadi saya ingin tanyakan di sini, kita tahu sejak 2003 semasa MMC Corporation Berhad menjalinkan usaha sama dengan syarikat pembinaan infrastruktur Gamuda untuk mengambil alih aset KTMB. Usaha berterusan ini dijangka akan mengakibatkan Tan Sri Syed Mokhtar yang sudah menguasai, yang membolehkan beliau menguasai hartanah milik KTMB yang dianggarkan sekitar RM50 bilion, Butterworth, Ipoh, Kuala Lumpur, Gemas dan Johor Bahru, termasuk juga tanah KTMB di Singapura.

Akan tetapi persoalannya menerusi jawapan di Parlimen yang dijawab pada 4 Oktober dan 25 September, ini setakat yang saya dapat kerajaan telah menerima cadangan MMC Corporation untuk melaksanakan kajian *due diligence* bagi tujuan menswastakan KTMB dan kedua bagi memastikan KTMB mampu menyediakan perkhidmatan awam kereta api yang cekap. Kerajaan tidak menolak kemungkinan KTMB diswastakan.

Di samping itu penswastaan ini juga memastikan KTMB tidak bergantung lagi Tuan Pengerusi terus kepada bantuan kewangan kerajaan seperti sekarang. Jadi saya ingin mendapatkan kepastian yang saya takut adalah bila penswastaan berlaku dimiliki oleh MMC, akhirnya ada kerugian yang terlalu banyak kerana perbelanjaan MMC adalah RM1 bilion lebih untuk memiliki tetapi bila ada masalah kerajaan akan ambil alih, masuk campur dan berlaku sekali lagi sejarah hitam seperti Merak Unggul.

Jadi saya fikir di sini harus ada jaminan daripada Kementerian Kewangan untuk membela nasib pekerja KTMB termasuk memastikan segala kebajikan yang mereka perolehi ini berterusan. KTMB, UDA ini bukan sebarang entiti korporat yang biasa.

Kalaulah kerajaan menguar-uarkan, ada Ahli-ahli Parlimen yang menyebut tentang isu jangan meminggirkan mereka yang miskin dan sebagainya, saya rasa di sini inilah contoh yang terbaik untuk kerajaan mengotakan hasrat tersebut.

Isu yang ketiga Tuan Pengerusi, saya rujuk kepada Butiran 010500 di bawah unit Kerajaan Elektronik. Dahulunya agak terkenal projek e-mel 1Malaysia RM50 juta diberikan kepada Tricubes Berhad. Malangnya semasa dianugerahkan itu syarikat ini sudah dikategorikan sebagai syarikat GN3 dalam Bursa Malaysia, maksudnya hutangnya perlu distrukturkan semula, agak parah ketika itu. Sekarang ini kita tidak tahu status tahap kejayaan di mana semua agensi kerajaan dipaksa membayar 50 sen untuk setiap e-mel yang dihantarkan kepada pengguna yang berdaftar.

Jadi saya mahu status untuk projek yang dikelolakan oleh Tricubes dan yang datang kepada pengetahuan saya adalah pegawai-pegawai bank yang menyatakan Bank Negara Malaysia akan menganugerahkan Tricubes satu lagi kontrak daripada Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd. (MyClear) salah satu syarikat subsidiari bawah Bank Negara Malaysia. Jadi saya perlu jawapan daripada kementerian. Pertama status dalam sistem 1Malaysia e-mel, kedua adakah benar syarikat yang statusnya dipersoalkan yang tidak menunjukkan prestasi yang baik, dahulu sudah dapat tender terus. Sekarang ini bawah MyClear adakah Bank Negara Malaysia juga akan membenarkan transaksi ini berlaku?

Terakhir Tuan Pengerusi, Butiran 95000 saya minta jasa baik kementerian sebelum ini dinyatakan bahawa kononnya *contingent liabilities* tidak dimasukkan dalam akaun. Saya kira ini bukan kenyataan yang tepat di banyak-banyak negara, *contingent liabilities* seperti yang disebut oleh *CIMB Investment Bank Economist*, pakar ekonomi daripada CIMB, *"The computation of public debts should also include outstanding borrowings guaranteed by the Federal Government to give a clearer picture of policymaker's debt dynamics."*

Pinjaman terjamin yang tertunggak. Walaupun di sini ada Ahli Parlimen yang menyatakan ya kadang-kala untuk misalannya MRT, SPAD menganggarkan RM106 bilion terpaksa dibelanjakan untuk projek-projek kereta api lingkaran termasuk LRT, pemanjangan LRT dan juga MRT. Akan tetapi jelas Tuan Pengerusi bahawa bon-bon yang dikeluarkan ini kalau untuk infrastruktur termasuk untuk Pulau Pinang bagi pihak Kerajaan Pusat itu boleh diterima lagi. Akan tetapi bon-bon yang dikeluarkan untuk aktiviti korporat khusus oleh 1Malaysia Development Berhad ini sememangnya merbahaya. Kita sekarang ini tidak tahu lagi.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Penjelasan sedikit boleh Yang Berhormat Lembah Pantai.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Pengerusi sekejap. Kalau boleh sekejap.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Saya hendak tanya ini sahaja. Adakah Yang Berhormat fikir juga itu sebab kenapa pada kali ini maklumat berkenaan semua benda itu tidak dimasukkan dalam buku ini? Kalau tengok semakan di belakang, semua dikecualikan, soal pinjaman luar, pinjaman dalam negeri, pengeluaran bon, semua dikecualikan dibuang daripada buku laporan ini. Terima kasih.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Seperti Tuan Pengerusi nasihatkan kita tadi, secara automatik akan termasuk dalam ucapan saya. Tuan Pengerusi yang akan saya gulung di sini adalah bila bercakap 1Malaysia Development Sdn. Bhd. (1MDB) kerajaan perlu memantau. Ini kerana persoalannya, satu, saya minta agar dimasukkan dalam perkiraan hutang kerajaan kesemua *contingent liabilities* ataupun pinjaman terjamin yang tertunggak.

Kedua memantau juga urusan 1Malaysia Development Sdn. Bhd. Pada saya kerajaan tidak boleh lepas tangan dalam hal ini khusus Kementerian Kewangan. Kita masih tidak tahu semasa 2009 1MDB telah mengeluarkan bon sebanyak RM5 bilion untuk usaha sama dengan PetroSaudi International Limited.

Tidak banyak maklumat diberikan kepada semua Ahli-ahli Parlimen termasuk rakyat dan sekarang ini banyak bon lain termasuklah untuk Tanjung Energy Holdings dan kesemua aset-aset elektrik dan juga kuasa yang dimiliki oleh Ananda Krishnan di luar negara.

■1750

Jadi, yang lain saya telah sebut, hanya di sini saya pohon agar dimasukkan dalam perbelanjaan supaya lebih banyak keterbukaan dan ketelusan dalam kita meneliti perbelanjaan kerajaan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya rasa bolehlah Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Selepas tiga orang ini... *[Ketawa]* Saya tidak habis cakap lagi Yang Berhormat. Selepas tiga Yang Berhormat ini iaitu Yang Berhormat Bandar Kuching, Yang Berhormat Sibuti dan Yang Berhormat Bukit Bendera dan selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.51 ptg.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan saya peluang untuk berbahas. Perkara pertama iaitu Maksud Pembangunan Butiran 00200 - Pengkomputeran Lembaga Hasil Dalam Negeri yang melibatkan RM104,350,000. Saya ingin tahu, ini adalah satu peruntukan yang akan digunakan dalam tahun depan untuk pengkomputeran LHDN. Kenapa satu jumlah yang begitu besar diperlukan? Kita tengok pada tahun 2012, hanya RM13 juta sahaja yang diperlukan. Tahun 2011, hanya RM7 juta sahaja diperlukan. Kita semua tahu itu ofis LHDN telah *equipped* dengan komputer, kita pun boleh buat *e-filing,* semua sudah siap ada. Kenapa ada satu jumlah peruntukan yang diperlukan tahun depan? Ini bukan RM1 juta, RM2 juta, ini adalah RM104,350,000. Ini perkara pertama. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh beri kita angka-angka yang terperinci dan apa-apa program yang akan dilaksanakan yang akan memakan RM100 lebih juta untuk pengkomputeran LHDN.

Isu kedua yang saya ingin bangkitkan adalah B.11 Butiran 020500 - Subsidi Gas Cecair (LPG), Diesel dan Petrol serta Bantuan Tunai. Tuan Pengerusi, beberapa tahun lalu, saya ada sebut dalam Dewan ini mengenai NGV. Sama ada kerajaan berminat melaksanakan sistem *natural gas vehicle* (NGV) di Sarawak. Pada masa itu, jawapan yang diberikan kepada saya adalah bahawa ia terpulang kepada Petronas. Sama ada Petronas beranggapan sama ada ia *profitable* untuk melaksanakan NGV, umpamanya untuk teksi. Kita semua tahu teksi di Semenanjung Malaysia pakai *natural gas* tetapi di Sarawak dan saya percaya bahawa di Sabah juga tidak ada *natural gas vehicle* untuk teksi.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Boleh saya celah sedikit, di Pulau Pinang pun tidak ada.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Di dalam Pulau Pinang tidak ada. Saya beranggapan ini satu keadaan yang amat pelik dan bahkan ia pun merupakan satu ironi besar kerana Sarawak merupakan negeri pengeluar *natural gas* terbesar yang telah menyumbang kepada negara kita berbilion-bilion tiap-tiap tahun. Akan tetapi rakyat di Sarawak, di tempat yang mengeluarkan *natural gas,* langsung tidak dapat menikmati NGV. Ya, sila.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Bandar Kuching, minta laluan sedikit. Yang Berhormat Kuching tadi ada disebut tentang peruntukan yang seakan-akan tidak seimbang. Sarawak mengeluarkan gas asli tetapi tidak dapat diberi pertimbangan yang setimpal. Saya pun rasa ada beberapa perkara yang tersebut dalam Bekalan 10, 11, 12, terutama sekali bagi *one-off payment*. Saya kurang pasti dan saya hendak tanya Yang Berhormat Kuching. *One–off payment* seperti di bawah Butiran 111500 – projek *Commercial Off-the-Shelf* (COTS). Oleh kerana peruntukan itu sangat besar, sebanyak RM71 juta tetapi penjelasan lanjutan atau penerangan itu tidak ada. Tidak tahulah ini *one-off* kah sama ada ia sama dengan zaman Tengku Razali atau zaman Daim Zainuddin, ada banyak *off-budget* agensi perbekalannya.

Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Kuching. Bagaimana Sarawak itu dianaktirikan dari segi pengeluar gas asli tetapi ada projek-projek sebegini, *Commercial Off-the-Shelf* diberi RM71 juta dalam setahun. Dalam pada itu, saya rasa juga ada ketidaksaksamaan di mana pemberian kepada *Johor Corporation* sebanyak RM57 juta.

Sedangkan pemberian kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang hanya RM1.5 juta sahaja, banyak yang jauh berbeza. Bagaimana dia punya prinsip keadilan dan kesaksamaan itu? Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya terima baik atas soalan Yang Berhormat Jelutong tetapi lebih baik saya biarkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab. Kenapa ada perbezaan begitu? Kenapa ada layanan yang berlainan di antara Sarawak dengan Semenanjung? Akan tetapi untuk isu ini iaitu teksi NGV. Kita sudah lama tunggu sistem ini diamalkan di Sarawak dan kalau dilaksanakan ia akan menjimatkan para pemandu teksi beratus-ratus ringgit setiap bulan. Saya harap kerajaan jangan lihat dari sudut Petronas tetapi dari sudut pemandu teksi dan dari sudut rakyat Sarawak.

Perkara ketiga yang saya ingin bangkitkan adalah mengenai tugas Bank Negara dan tugas Kementerian Kewangan untuk memberi perlindungan kepada pelanggan-pelanggan, bank-bank. Apakah perlindungan yang diberikan kepada pelanggan-pelanggan bank atas tindakan bank untuk mengenakan *excessive interest,* yang begitu banyak atas pelanggan-pelanggan mereka. Saya beri satu contoh iaitu saya telah bawa satu kes kepada Bank Negara. Satu aduan daripada pelanggan OCBC Bank dan nampaknya Bank Negara tidak buat apa-apa, tidak ambil tindakan yang aktif.

Pelanggan itu bernama Lai Ah Tun, dalam tahun 2007 dia pinjam RM154,000 dari OCBC. *Interest* yang dijanji dalam surat perjanjian adalah *base landing rate* (BLR) *-1.25 peratus, that is the prescribed rate. Default rate* yang disebut dalam surat perjanjian *loan* dia ialah *prescribed rate plus* 1 peratus. Dia bayar daripada tahun 2007 sehingga tahun ini, tiap-tiap bulan dia bayar dan ada beberapa bulan dia ada *default,* tidak bayar dan selepas itu dia ambil duit daripada EPF untuk bayar balik, tidak ada *outstanding*.

■1800

Bulan Jun dia ada pergi ke OCBC bank, dia tanya selepas bayar empat tahun lebih, sampai lima tahun sudah, tanya berapa bakinya itu pinjamannya. Dia pinjam dahulu 2007, RM154,000. Selepas bayar lima tahun, dia masih hutang bank itu RM157,000 – lebih banyak daripada amaun yang dipinjam. Jumlah yang dia bayar adalah lebih kurang RM51,000.

Saya tulis surat kepada OCBC tanya apa sebabnya. OCBC kata, "*Oh, kerana ia sudah default dua, tiga bulan*". Mereka *review the whole interest rate* sampai ke *BLR plus* 2.5 peratus. Ini bukan satu kes sahaja, ada dua tiga kes tahun ini saya terima. Saya ingin tahu apakah tindakan aktif yang boleh Bank Negara dan Kementerian Kewangan ambil atas aduan sebegini? Sama ada bank-bank semacam OCBC ada satu program mereka untuk mengenakan *excessive interest* terhadap pelanggan-pelanggan mereka kerana kebanyakan orang mereka tidak akan *check statement*nya tiap-tiap bulan.

Akan tetapi, selepas beberapa tahun baru tahu bank itu telah *exploit* kan mereka. Jadi, saya ingin Yang Berhormat Timbalan Menteri berikan kita satu penjelasan apa yang boleh dilakukan, apa yang akan dilakukan oleh kerajaan atau Bank Negara atas tindakan-tindakan bank sebegitu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sibuti.

6.02 ptg.

Tuan Haji Ahmad Lai Bujang [Sibuti]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk bercakap mengenai B.12 – 05000 Tabung Bantuan Bencana Negara. Kita selalu mendengar bahawa kondo roboh, bukit runtuh, banjir besar. Apabila kita mendengar kesemua ini berlaku, harapan rakyat ialah bantuan segera itu datang.

Jadi, apa yang berlaku selalunya hanya jabatan-jabatan kebajikan datang, bomba datang – itu datang mengurus sehingga rakyat menunggu satu bulan, dua bulan bantuan yang patut mereka terima itu selalunya lambat datang. Kadang kala, kalau yang kena bencana yang besar seperti banjir, rumah hanyut, semua ternakan mati, semua kebun sawit rosak, kebun-kebun kecil ini hendak mendapat bantuan itu tidak ada langsung. Hanya yang mendapat RM300, ada mendapat RM500, itu sahaja.

Apa yang kita harap, apabila bencana ini datang di tahun-tahun akan datang, bukan kita meminta, kita sudah tengok sekarang, hujan dalam dua jam, banjir sana sini. Kita takut berlaku lagi bencana besar iaitu jalan raya runtuh, jambatan roboh dan sebagainya. Kita mengharapkan pihak kementerian dan juga pihak yang bertanggungjawab dengan bantuan-bantuan ini mesti mengambil tindakan yang cepat.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga untuk menyambung apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching tadi – NGV. Saya pernah bercakap mengenai NGV ini gas cecair untuk kenderaan dua tahun dahulu. Saya pernah memohon untuk supaya diadakan di Miri sebab Miri dan Bintulu mengeluarkan gas. Akan tetapi, jawapannya untuk memasang satu-satu *equipment* itu ke dalam teksi menelan belanja tidak kurang RM3,000. Kebanyakan kenderaan tidak sanggup. Jadi, apakah kiranya kalau perbelanjaan ini boleh ditanggung oleh pihak Petronas ataupun sedikit sebanyak disubsidikan oleh pihak Petronas supaya peluang untuk rakyat di negeri Sarawak boleh mengguna juga FGV ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Bendera.

6.04 ptg.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama sekali saya ingin sentuh tentang B.11 - Butiran 022100 *KL International Airport Berhad* yang melibatkan sejumlah RM972 juta. Saya ingin minta Yang Berhormat Timbalan Menteri jelaskan apa tujuan butiran tersebut dan berapa lama kerajaan akan memberikan geran kepada *KL International Airport Berhad*.

Kedua, sama juga B.11 010100 – Perkhidmatan Penyelidikan Khas yang melibatkan sejumlah sebanyak RM302 juta, juga apa butiran ataupun apa sebenarnya yang diperuntukkan, untuk apa sebenarnya perkhidmatan yang dibiayai dan siapa, konsultasi yang mana telah diberikan kontrak untuk membuat penyelidikan khas untuk Perbendaharaan.

Ketiga, Maksud Bekalan 11, butiran 021700 – Pelaksanaan Penyusunan Semula Pengangkutan Awam di Lembah Klang yang melibatkan sejumlah sebanyak RM401 juta. Pertama, apa tujuan peruntukan ini- adakah ini untuk membiayai MRT atau LRT ataupun bas? Kedua, kenapa ini dihadkan ke Lembah Klang sahaja?

Ketiga, berkaitan dengan Rapid Penang yang di bawah MOF *Incorporated*. Yang Berhormat Bagan dengan saya pernah jumpa dengan pegawai-pegawai syarikat Prasarana di bawah MOF *Incorporated* pada November tahun lepas. Kerajaan Negeri Pulau Pinang menawar kepada Rapid Penang ataupun syarikat Prasarana satu jumlah RM10 juta untuk membiayai perkhidmatan bas percuma pada *peak hours* iaitu tiap-tiap pukul 6.30 pagi sampai pukul 9 pagi dan pukul 4.30 petang sampai pukul 7 di mana semua bas di Pulau Pinang dicadangkan dibiayai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan perkhidmatan itu diberi secara percuma untuk rakyat Pulau Pinang dalam masa kesesakan trafik.

Sejak bulan November lalu, sudah setahun tidak diberikan jawapan oleh syarikat Prasarana ataupun MOF *Incorporated* ataupun Syarikat Rapid Penang. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk beri jawapan atau penjelasan tentang ini di bawah butiran Pelaksanaan Penyusunan Semula Pengangkutan Awam di Lembah Klang.

Isu keempat, saya hendak balik ke Maksud Bekalan 10 – Butiran 010000 Perkhidmatan Kewangan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberikan komen ataupun pendirian kementerian tentang ulasan ataupun komentar bekas menteri Tan Sri Sanusi Junid pada pagi ini di mana beliau kata; "*Reformasi perbankan Tun Dr. Mahathir Mohamad diilhamkan oleh polisi lalu negara Jerman ataupun Nazi bagi membantu orang Melayu dan untuk menghalang bank-bank dikuasai oleh Cina*". Saya tidak ada masalah, saya tidak bawa isu ini dari segi perkauman tetapi saya hendak kata kalau kerajaan di pengaruhi oleh pemikiran Nazi, itu adalah satu yang tidak diinginkan oleh rakyat Malaysia. Rakyat Malaysia tidak ingin ada satu kerajaan yang dipengaruhi oleh pemikiran *racist* diilhamkan oleh Nazi.

■1810

So, saya minta penjelasan atau pendirian kerajaan terutamanya Timbalan Menteri untuk menjelaskan isu *banking consolidation* yang dua kali dilaksanakan pada hujung tahun 1990-an dan awal tahun 2000. Dalam dua *round banking consolidation* itu, adakah itu diilhamkan oleh ideologi Nazi?

Saya juga di bawah butiran ini, saya ingin tanya tentang isu penswastaan pelabuhan Pulau Pinang. Apa status sebenar buat masa sekarang? Adakah pelabuhan Pulau Pinang telah diswastakan kepada Seaport Terminal (Johor) Sdn. Bhd. yang dimiliki Tan Sri Syed Mokhtar ataupun belum lagi? Apa *timeline* penswastaan ini? Kenapa dan apa rasional penswastaan kepada Tan Sri Syed Mokhtar? Memandangkan Tan Sri Syed Mokhtar telah memiliki beberapa harta ataupun aset-aset kerajaan. Saya sokong pandangan Yang Berhormat Kinabatangan tadi di mana Tan Sri Syed Mokhtar ini macam *Superman*. Dia telah pegangkan semua aset kerajaan.

Saya khuatir dan saya minta pendirian Timbalan Menteri, adakah ini satu *preventive measure* ataupun *defensive measure* bagi pihak kerajaan UMNO, Barisan Nasional, di mana syarikat-syarikat ataupun aset-aset kerajaan yang melibatkan tanah semua diswastakan kepada Tan Sri Syed Mokhtar. Kalau berlakunya pertukaran kerajaan, Tan Sri Syed Mokhtar akan jadi *trusty* ataupun pemegang harta untuk Barisan Nasional, UMNO. Kekhuatiran ini berlaku kerana Tan Sri Syed Mokhtar memegang Proton. Proton itu bukan untuk Proton tetapi untuk tanah Glenmarie. Tan Sri Syed Mokhtar memegang MRT. Dia hendak menswastakan KTM, Pelabuhan Pulau Pinang dan beberapa aset-aset lain. *So,* saya ingin minta penjelasan ataupun pendirian Timbalan Menteri.

Saya juga hendak tanya di bawah butiran ini siapa sekretariat Majlis Ekonomi Kebangsaan atau *National Economic Council* yang bermesyuarat pada tiap-tiap minggu? Boleh saya tanya, selain daripada siapa yang sekretariat itu, EPU ataupun perbendaharaan, saya juga ingin ulasan daripada Menteri kenapa Menteri Sumber Manusia tidak dimasukkan sebagai salah seorang Ahli Majlis Ekonomi Kebangsaan?

Oleh kerana kita bincang dalam peringkat perbincangan melaksanakan gaji minimum dan isu sumber manusia ini memang penting. Isu sumber manusia adalah amat penting dari segi ekonomi. Kalau kita hendak kawal atau hendak uruskan ekonomi tanpa perbincangan tentang sumber manusia, perbincangan dengan guru, tidak akan jadi. *So*, saya minta ulasan Menteri kenapa Menteri Sumber Manusia tidak dijadikan salah seorang Ahli Majlis Ekonomi Kebangsaan.

Butiran 110300 – Panel Kajian Semula Cukai. Isu ini tentang GST. Seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Indera Mahkota tadi, GST ini disembunyikan dalam ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di perenggan 80 dan juga di perenggan 145, ini disembunyikan sebagai satu sistem cukai baru.

Saya hanya hendak kata sini bila kita hendak laksanakan satu hari nanti tidak apa tetapi yang penting itu buat masa sekarang ini adalah tidak sesuai untuk GST dilaksanakan kerana kerajaan *on the one hand* bagi BR1M iaitu mengiktiraf hakikat bahawa 60 peratus rakyat Malaysia dapat pendapatan bulanan tidak lebih daripada RM3,000. Apabila kita mengiktiraf hakikat ini iaitu 60 peratus rakyat Malaysia memerlukan bantuan dari kerajaan, adakah ini satu dasar yang bijaksana untuk dilaksanakan dan disembunyikan dalam bajet ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh habiskan.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Okey. *Point* yang terakhir saya hanya hendak tanya Butiran 060000 – Perkhidmatan Kastam. Adakah kerajaan mengiktiraf Pelabuhan Pulau Pinang sebagai pelabuhan bebas ataupun ini hanya dikatakan oleh Pengerusi Barisan Nasional Pulau Pinang sebagai satu slogan pilihan raya? Adakah kerajaan ataupun Perbendaharaan akan menimbang bahawa satu *free commercial zone* diberikan kepada Pelabuhan Pulau Pinang? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri.

6.16 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian, begitu ramai sekali.

Pertamanya, saya ingin menjelaskan apa yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Indera Mahkota yang pasal *figure* tadi, dia kata dia tidak jumpa cari yang RM2 bilion itu. Oleh sebab ini penting takut-takut nanti boleh timbul kekeliruan. Sebenarnya apa yang tercatat di dalam Kertas Perintah 8 Tahun 2012 ini di bawah peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun tidak semestinya sama dengan peruntukan Kumpulan Wang Terkanun ataupun jumlah anggaran perbelanjaan mengurus Perbendaharaan kerana ia mempunyai definisi yang berlainan.

Kalau kita tengok *footnote* dalam Kertas Perintah 8 itu dia kata, *"klasifikasi mengikut sektor dalam jadual di atas adalah menurut klasifikasi yang lazim dipakai bagi perbelanjaan kerajaan dan terdiri daripada pelbagai maksud perbelanjaan yang boleh menyebabkan jumlah peruntukan yang ditunjukkan mungkin berbeza dengan jumlah peruntukan yang ditunjukkan di bawah maksud-maksud perbelanjaan kementerian seperti Kementerian Kewangan."* Jadi sebenarnya dia tidaklah berlaku kesilapan.

Keduanya, Yang Berhormat Permatang Pauh telah menimbulkan pelbagai isu yang serupa sebenarnya dengan perbahasan dasar dia iaitu *balance budget*, defisit berterusan, hutang hampir mencecah 55 peratus. Sebenarnya, ini semua telah pun dijawab. Kalau kita lihat sebenarnya dari segi hutang, Malaysia kita berbanding daripada negara-negara lain, jauh kita lebih baik. Kita tidak payah banding dengan negara-negara yang mempunyai masalah di Eropah. Kita banding dengan negara-negara maju sekalipun US – 107 peratus; Japan – 236 peratus; Germany – 83 peratus; France – 90 peratus; Singapura – 106 peratus; dan Malaysia – 53 peratus. Jadi, ini tidak menimbulkan satu kebimbangan. Yang pasti kita mesti mengurus hutang-hutang ini dengan baik.

Di Malaysia, kita sudah pun mempunyai model di mana hutang ini hanya dibuat oleh kerajaan untuk perbelanjaan-perbelanjaan tertentu iaitu perbelanjaan pembangunan. Bukan berhutang untuk perbelanjaan mengurus umpamanya. Jadi, pada masa yang sama kita juga ada *threshold* yang kita ikut supaya kita tidak melebihi hutang-hutang tersebut.

■1820

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Indera Mahkota bangun.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Ya Yang Berhormat Indera Mahkota.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya pernah tanya dua kali sudah, di peringkat jawatankuasa dan di peringkat dasar. Nampak gaya memang tahun ini memang jadual ataupun penyata berkenaan hutang ini tak ada. Jadi susah kita nak buat *reference*, nak buat rujukan. Betulkah benda ini disengajakan tidak letak ataupun ada masalah lain? Saya rasa agak rumitlah. Nanti kita dituduh sebagai rujuk kepada perkara yang tidak ada asas tetapi kalaulah kementerian atau kerajaan letakkan *figures* itu sebagaimana tradisi, bukankah senang untuk kegunaan rujukan kita? Saya nak tahu kenapa perkara itu berlaku sekarang?

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Berlaku di peringkat percetakan. Dirasakan bahawa oleh kerana ia sudah ada dalam satu buku, maka boleh dikeluarkan daripada yang biasanya. Akan tetapi apa pun, tidak ada masalah, kita boleh bagi Yang Berhormat Indera Mahkota dan kita akan pastikan mungkin di lain kali kalau dirasakan *detail-detail* seperti itu masih diperlukan, kita boleh bagi. Tak ada masalah.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Sekejap, sekejap Timbalan Menteri. Bukan masalah boleh bagi atau tak boleh bagi. Soalnya sekarang di dalam buku belanjawan ini, bukankah perkara ini secara tradisi item-item ini item yang dikatakan sebagai mengikut peraturan Rang Undang-undang Perbekalan untuk belanjawan? Item-item ini memang tak pernah berubah daripada dulu, saya sudah *check,* sekurang-kurangnya enam tahun, memang ini itemnya. Maknanya selepas P.70 – Simpanan Luar Jangka, akan ada Penyata Kedudukan Kewangan, ada berkenaan anggaran Kumpulan Wang Berkanun Kerajaan, ada hutang awam, luar negara, luar negeri tetapi kali ini nampak dibuang terus.

Kalau Timbalan Menteri kata benda ini kerana masalah percetakan, maka rasanya patutlah kita beritahu suruh cetak semula sebab benda ini adalah jumlah-jumlah, angka-angka yang lazimnya digunakan untuk tujuan perbahasan dan rujukan. Tanpa angka-angka ini, kita dilihat sebagai merujuk kepada angka yang tidak *credible*. Itu mustahaknya kena ada dalam buku ini. Kalau sudah dicetak di tempat lain, maka kalau kita petik di tempat itu, ia merumitkan rujukan kita. Sebab itu saya tengok macam sengajalah. Nak kata masalah percetakan...

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Boleh, boleh Yang Berhormat. Kita sudah jelaskan. Apa pun, ia tidak melanggar perlembagaan. Semuanya ada, cuma *detail* sahaja tidak ada. Jadi kita akan bagi.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tak ada langsung. Tak ada langsung.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Kita akan edarkan. Kita akan edarkan ya.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Bila itu?

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Boleh, sebelum sehari dua hari lagi, boleh. Sudah ada pun. Sudah kita buat. Menteri hari itu pun sudah janji nak bagi masa peringkat dasar.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tuan Pengerusi, sebenarnya saya bangkit ini sebab masa menjawab bahagian peringkat dasar, memang Menteri pun janji. *Hansard* pun ada, kata perkara itu akan dimasukkan dalam pertimbangan untuk diedarkan, tetapi hari ini jawatankuasa sudah nak habis sudah. Tak ada juga edaran itu.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Boleh, kita bagi. Boleh. Saya janji kita akan bagi.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Lepas Raya Haji.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Terima kasih, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat. Kita nak teruskan. Ini baru yang pertama.

Perkara yang dibangkitkan tentang dasar pinjaman Bank Dunia oleh Malaysia. Ini Yang Berhormat Permatang Pauh yang membangkitkan. Pinjaman daripada Bank Dunia diperoleh dalam tahun 1965 hingga 1999 berjumlah USD2,646 juta dan kesemua pinjaman ini telah dijelaskan sepenuhnya di mana bayaran terakhir ialah pada tahun 2011. Untuk makluman Yang Berhormat, tiada pinjaman dibuat pada tahun seterusnya. Tak ada masalah sudah dengan Bank Dunia.

Yang Berhormat Permatang Pauh juga menyebut tentang penubuhan Bank Islam Mega. Memang ini menjadi dasar kerajaan yang diumumkan dan permohonan sudah pun dimasukkan ke Bank Negara Malaysia dan di dalam proses penilaian oleh Bank Negara Malaysia.

Yang Berhormat Permatang Pauh juga menimbulkan isu kos pengambilalihan syarikat Progress Energy Resources Corporation di Kanada oleh Petronas yang mana akhirnya tidak diluluskan oleh Kerajaan Kanada. Untuk makluman Yang Berhormat, dakwaan bahawa perjanjian yang dicapai untuk memperoleh dan mengambil alih Progress Energy Resources Corporation pada kos yang 20 hingga 25 kali ganda, tinggi, macam Yang Berhormat ada sebut tadi, daripada harga pasaran adalah tidak benar. Petronas dan Progress Energy telah mencapai persetujuan pada 28 Jun 2012 bagi pembelian semua saham biasa Progress Energy pada harga tunai sebanyak CAD20.45. Harga penutup saham di *Toronto Stock Exchange* adalah CAD11.55. Jadi tak adalah sampai 25 kali ganda itu. Banyak sangat itu. Tidak terdapat isu...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Mohon penjelasan Yang Berhormat. Sedikit.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Ya.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum Yang Berhormat pergi ke tajuk lain Tuan Pengerusi, saya hanya ingin dapatkan kepastian. Maksudnya, bila diumumkan pada tahun 2009 dua lesen akan diberikan untuk konsortium institusi kewangan bagi Mega Islamic Bank di Malaysia dan yang diumumkan adalah syarikat asing akan memiliki hampir 70 peratus daripada bank-bank Islam dalam negara termasuk juga operator takaful sebanyak 49 peratus.

Maksudnya sekarang ini yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri belum ada lagi sesiapa yang memiliki. Adakah itu statusnya walaupun sudah diumumkan sejak tahun 2009? Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Permohonan sudah pun dimasukkan ke pihak Bank Negara dan dalam penelitian Bank Negara. Bank Negara juga meminta perincian-perincian. Jadi dalam proseslah.

Petronas tadi, mengenai pengambilalihan, Yang Berhormat Permatang Pauh kata tidak ada pengumuman dibuat dan sebagainya. Sebenarnya pengumuman sudah dibuat pada 28 Jun 2012. Tarikh perjanjian telah dicapai dan ini merupakan pelaburan yang boleh memberi pulangan yang baik kepada Petronas tetapi malangnya tidak diluluskan oleh Kerajaan Kanada.

Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh juga menimbulkan soal bank-bank ini. Jadi saya nak perjelaskan sedikit sebab nampaknya soal bank ini bermakna pinjaman yang diberi oleh bank-bank ini tertumpu kepada kumpulan-kumpulan besar. Seolah-olah ada kroni yang meminjam daripada bank-bank. Sebenarnya pinjaman yang dibuat oleh bank ini tertakluk kepada peraturan perbankan. Dia tak boleh nak bagi pinjam macam itu sahaja. Dia ada umpamanya *single customer limit*. Jadi mentang-mentang dia suka kepada seseorang, dia boleh bagi banyak-banyak mana. Ini tak boleh. *Single customer limit* ini dipantau oleh Bank Negara.

Bank-bank juga mempunyai *capital adequacy ratio* (CAR) untuk memastikan bahawa mereka mempunyai keupayaan untuk memberi pinjaman-pinjaman tersebut. Jadi kalau dia sudah bagi pinjaman, dia mengikut peraturan antarabangsa yang dibuat oleh Basel. Ini bukan buat Malaysia ini. Buat antarabangsa, Basel, *BIS- Bank for International Settlement*. Jadi dia sudah mengikuti segala yang telah ditetapkan, segala *international banking practices*. Jadi janganlah kita suka sangat menguar-uarkan bahawa bank kita ini akan *collapse,* seolah-olah bank kita ini tak ikut peraturan.

Kalau tak ikut peraturan, macam mana pula Gabenor Bank Negara boleh dapat *triple* 'A' kah apa, bertahun-tahun, di antara gabenor yang terbaik. Kalau pun kita tak suka gabenor pun, dia dapat penilaian *triple* A oleh gabenor-gabenor lain.

■1830

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Menteri, Yang Berhormat Permatang Pauh puji Gabenor ya. Tolong *on record* ya. Jangan tukar pula cerita dalam ucapan itu. Saya harap dapat teliti.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Apa dia?

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Kita beri pujian di mana memang layak kita bagi.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Apa itu?

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Yang Berhormat sebut tentang Gabenor Bank Negara. Yang Berhormat Permatang Pauh sudah jelaskan tentang pendirian Gabenor Bank Negara, kita puji. Yang kita marahnya kebanyakan Menteri yang tidak lakukan tugas dengan baik. Jadi saya harap dapat faham di sini, terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Oh! Tadi ...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Saya hanya terangkan.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tidak ada. Tadi saya dengar ada juga seolah-olah macam gabenor ini dipengaruhi, tidak bebas Bank Negara, tidak eloklah macam itu. Kata kita puji dia, *on record* tetapi bila cakap, tidak sama. Saya dengar tadi. Saya ada di sini. Bank Negara tidak bebas, mana boleh. Mana boleh Bank Negara dipengaruhi untuk bagi pinjaman kepada kumpulan-kumpulan tertentu yang tidak menepati peraturan perbankan antarabangsa. Tidak boleh macam itu. Tidak elok itu Yang Berhormat.

Okey, seterusnya Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Arau bertanyakan apakah pelepasan cukai yang dinikmati pembayar cukai individu. Setakat ini terdapat 20 jenis pelepasan cukai yang diberikan kepada individu termasuk pelepasan diri sebanyak RM9,000. Pelepasan ini tidak dinikmati oleh syarikat-syarikat.

Kemudian Yang Berhormat Arau juga ada sebut tentang cadangan penswastaan KTMB iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad. Ini sebenarnya ada cadangan sahaja. Baru hendak buat *due diligence*. Kerajaan belum membuat apa-apa komitmen. Kalau ada pihak yang hendak buat kajian, hendak tunjuk cara macam mana boleh menyelamatkan Keretaapi Tanah Melayu ini yang rugi sekian lama, maka kita terimalah. Kita terbuka tetapi kepentingan pekerja-pekerja kita akan jaga. Bukan semestinya bila ada mana-mana pihak yang buat *due diligence* maka kita sudah semestinya komited untuk membuat penswastaan dan sebagainya.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Laluan, laluan sikit.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Ya.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mengucapkan terima kasih. Saya hendak menarik ke belakang sedikit atas jawapan Timbalan Menteri tadi untuk rekod Dewan. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dalam menjawab persoalan berkenaan dengan jumlah hutang Malaysia yang diambil daripada Bank Dunia semua telah dijelaskan. Sehingga kini tidak ada lagi baki. Cuma saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri betul-betul dapat memberikan kepastian.

Saya ambil masa sedikit menyemak fakta itu kerana ada satu Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam Luar Negeri Kerajaan Malaysia yang terkandung dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2010. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi tadi setakat tahun 2011, ya. Baik, tetapi yang saya hendak sebut adalah dokumen itu yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat dari Pekan telah menyebut begini, ya, *"Dengan rujukan pinjaman dari Bank Dunia pada tahun 1999, rujukan 4452 MA Projek Sokongan Sektor Sosial dari Bank Dunia dikenali sebagai Bank Antarabangsa bagi pemulihan dan pembangunan. Kadar faedahnya adalah 7.47 peratus bagi tahun 2008 sehingga 31 Disember 2008. Kerajaan Malaysia masih berhutang sebanyak RM701,040.14 daripada keseluruhan pinjaman berjumlah USD60 juta".*

Apakah yang ini dimaksudkan oleh Timbalan Menteri tadi telah habis dibayar sehingga tahun 2011? Sehingga tahun 2010, itu adalah jumlah baki hutang yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat dari Pekan yang saya ambil daripada Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam Luar Negeri yang dibentangkan dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan tahun 2010. Mohon penjelasan sedikit.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Pertamanya tadi saya sebut tiada pinjaman dibuat pada tahun 1996. Terdapat satu pinjaman yang diperoleh oleh kerajaan pada tahun 1998 berjumlah USD300 juta. Tujuan ini adalah untuk membiayai program pemulihan ekonomi dan sektor sosial meliputi enam program sektor sosial iaitu Tabung Pinjaman untuk Pengeluaran Makanan, Skim Pembiayaan Kredit, kesihatan, kemudahan infrastruktur. Pinjaman ini telah pun dijelaskan pada tahun 2010. Kesemua pinjaman Bank Dunia telah dibayar sepenuhnya yang membuktikan Kerajaan Malaysia mengamalkan pendekatan pengurusan hutang yang berhemat yang mana pinjaman dibuat hanya untuk membiayai projek-projek pembangunan. Ini saya baca yang disediakan oleh kementerianlah... *[Disampuk]* Okey, terima kasih.

Yang Berhormat Bagan ada membawa isu LHDN. Peruntukan berkenaan hukuman penjara memang telah ada dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 sebelum ini. Kenyataan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah LHDN ini hanyalah untuk mengingatkan pembayar cukai berkenaan tanggungjawab mereka. Untuk makluman Yang Berhormat, maklumat pembayar cukai adalah terpelihara dan rahsia di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Oleh itu, senarai yang diminta oleh Yang Berhormat tidak dapat disediakan kerana kerahsiaan. Kerajaan telah pun membenarkan potongan cukai ke atas sumbangan yang diberikan kepada rumah ibadat, badan kebajikan dan kerajaan berpandangan bahawa pelepasan yang diberikan ini adalah memadai. Kes elak cukai seperti yang diminta oleh Yang Berhormat Bagan, dia hendak jumlah. Tahun 2009, pertuduhan sebanyak 32,813; tahun 2010, sebanyak 35,319; dan, tahun 2011, sebanyak 35,516. Banyak juga.

Yang Berhormat Machang, isu pembelian penjana kuasa bebas (IPP) oleh 1MDB. Mengenai isu pembelian penjana kuasa bebas (IPP) oleh 1MDB, ia merupakan keputusan perniagaan atau *private dealing arrangement* di antara pembeli iaitu 1MDB dan juga pemilik IPP. Sebarang risiko perniagaan akan ditanggung oleh pihak-pihak yang berkaitan. 1MDB mendapat dana pembelian perolehan IPP tersebut daripada pengeluaran sukuk.

Mengenai isu lanjutan tempoh konsesi, pada masa ini perkara ini masih dalam pertimbangan kerajaan. Tidak ada buat keputusan lagi sama ada hendak sambung atau tidak sambung...

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Boleh penjelasan sedikit?

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Ya.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih. Ertinya berapa lama sambungan tempoh konsesi masih dalam perbincangan? Daripada IPP asal yang dibeli itu tempohnya tinggal empat tahun atau lima tahun lagi, ya. Jumlah yang dibayar itu kalau mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri berasaskan kepada *willing seller willing buyer*lah walaupun angka itu yang kita anggap sebagai cukup tinggi iaitu RM8.5 bilion itu ketika tempoh konsesi tinggal lagi berbaki empat tahun.

Jadi, maksudnya 1MDB ini kita bangkitkan dalam perbahasan kita Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana tahun-tahun kewangan sebelum ini kita meluluskan amaun yang besar kepada 1MDB. Parlimen ini telah meluluskan ratusan juta kepada 1MDB tetapi bila dia masuk urus niaga, satu jawapan yang menyebut bahawa ia berasas kepada *willing seller, willing buyer,* dengan izin, sebenarnya belum betul-betul dapat meyakinkan apa lagi kerana tempoh konsesi yang dibeli itu bakinya sangat pendek ketika anggaran industri, nilai pembelian itu sepatutnya lebih rendah. Itu satu.

Ia dibiayai dengan pengeluaran sukuk. Jawapan itu sangat ringkas Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bolehkah kita memberikan sedikit lagi perincian berkenaan dengan kaedah pembiayaan dengan cara pengeluaran sukuk ini. Dia tidak boleh barangkali satu dua ayat sahaja yang itu, mungkin tidak memberi gambaran penuh lagi. Mohon sedikit lagi penjelasan.

■1840

Pembiayaan ini melalui pengeluaran sukuklah. Jadi bila keluar sukuk dia dapat duit, maknanya pinjamanlah. Biasalah pinjaman untuk meniaga ini daripada bank, keluar sukukkah, keluar bonkah, itu biasalah dan...

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Tempoh matang, tempoh matang, sukuk, itu semua harus...

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Itu belum - saya tidak ada maklumat, saya tidak ada. Yang Berhormat baru tanya tadi hendak dapatkan semua maklumat, saya ini banyak yang soalan-soalan ini ya. Kalau Yang Berhormat hendak tempoh matang mungkin kita boleh bagi lain kali ya. Saya tidak ada itu jawapan yang diberikan oleh kementerian buat masa ini. Buat masa ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Penjelasan kenapa Syarikat George Kent dilantik untuk melaksanakan projek sambungan laluan LRT Ampang Line. Untuk makluman Yang Berhormat berdasarkan penilaian teknikal, syarikat *George Kent* didapati melepasi tahap lulus penilaian tender yang dilaksanakan oleh Prasarana melalui Konsultan Halcrow. Untuk melaksanakan projek itu George Kent telah melantik syarikat subkontraktor yang memiliki kepakaran dalam bidang sistem yang diiktiraf peringkat antarabangsa. Sebagai contoh Syarikat Thales telah dilantik untuk melaksanakan pembangunan sistem *signaling* untuk LRT.

Oleh yang demikian, *George Kent* mempunyai *support technical team* yang terdiri daripada syarikat subkontraktor yang berwibawa untuk melaksanakan projek ini. Dalam hubungan itu dimaklumkan bahawa pelantikan syarikat subkontraktor oleh George Kent telah pun diluluskan oleh MOF pada awal Oktober 2012. Itu jawapannya.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri saya minta sedikit lagi. Tuan Pengerusi terima kasih. Timbalan Menteri di sana ada dokumen yang ditandatangani oleh Jawatankuasa Perolehan Kementerian Kewangan, itu seawal Januari 2012 lagi, yang ditandatangani oleh Yang Berhormat Pekan, Yang Berhormat Tambun dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Dalam dokumen itu tertera dengan jelas bahawa yang telah mendapat penilaian tertinggi dari segi kewangan, teknikal dan sebagainya adalah sebuah syarikat dari UK, Belfour Beatty bukannya George Kent.

Sebab itu tadi dalam perbahasan, saya menyebut berkenaan dengan syarikat Perunding Halcrow yang membuat analisa terperinci tentang George Kent dan ianya tidak seperti mana yang diberi jawapan sebentar tadi dari sudut kewangan, dari sudut pengalaman, dia mendapat markah ketiga paling corot.

Jadi laporan mana sebenarnya Yang Berhormat Timbalan Menteri bacakan dan laporan mana sebenarnya yang terkandung dalam Laporan Syarikat Perunding Halcrow. Dokumen yang ditandatangani atas nama Jawatankuasa Perolehan Kementerian Kewangan yang tidak langsung menyebut nama George Kent sebagai syarikat yang memperolehnya setakat bulan Januari 2012. Keputusan pada bulan berapa dalam tahun 2012 ini yang mengubah keputusan oleh Jawatankuasa Perolehan Kementerian Kewangan?

Sebab kes ini membawa kepada Pengarah Strategik Parti Keadilan disiasat oleh Bahagian Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman, kerana memiliki dokumen yang disabitkan sebagai berstatus OSA. Ertinya kesahihan dokumen itu tidak dipertikaikan. Itu kenyataan Datuk Bakri Zinin, dan dokumen itulah yang saya maksudkan tertera dengan jelas Belfour Beatty adalah syarikat yang memenangi kontrak ini. Jadi sebenarnya bila keputusan itu berubah?

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Saya pun menduduki Jawatankuasa Perolehan tetapi tidaklah Jawatankuasa Perolehan 1, saya Jawatankuasa Perolehan 2. Setahu saya bila kita buat keputusan, bila kita *sign*, kita tidak ada ubah-ubah lagi sudah, tidak ada. Saya tidak tahu yang dokumen yang mana Yang Berhormat sebut ini, saya tidak pernah tengok, sebab surat yang PM *sign* pun macam-macam juga. Ada juga baru ini pemilihan mahasiswa pun ada PM pula *sign* surat ke UIA. Macam mana?

Jadi kesahihan itu kena pastikan, yang pasti Jawatankuasa Perolehan, kita menilai dengan cara yang terbuka dan membuat keputusan yang terbaik. Dalam penilaian kita tidak boleh hendak melihat satu-satu aspek. Dia macam-macam aspek. Janganlah satu *point* itu dia markahnya rendah sedikit daripada orang lain maka dia tidak layak, tidak semestinya. Sebab itu dia kena ada tender *process*, sebab itu dia kena ada penilaian oleh pelbagai pihak. Kalau tidak seorang sahajalah buat keputusan. Yang Berhormat tengok *point* ini okey 99 peratus dia dapat, tidak begitu. Dia keputusan...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Mohon pencelahan, kalau boleh Yang Berhormat?

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Apa hendak lagi itu?

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Isu yang sama, tanya sahaja penjelasan.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tidak apalah dia sudah tanya cukuplah itu. Cukup nanti kita tidak payah balik nanti.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Sedikit sahaja Yang Berhormat, sedikit sahaja. Kurang daripada dua minit, Yang Berhormat kalau boleh, Tuan Pengerusi?

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tidak payahlah Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Berkait dengan isu ini Yang Berhormat.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Nanti bila saya jawab Yang Berhormat, Yang Berhormat tanyalah.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Tidak, sama juga isunya.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tidak payahlah, yang orang lain pun Yang Berhormat hendak tanya, semua hendak tanya.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Takkan tidak boleh Yang Berhormat?

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Okeylah sekali sahaja.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih, terima kasih. Yang Berhormat saya hadiri semasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia menyoal Saudara Rafizi Ramli, Pengarah Strategi Keadilan di mana mereka menanyakan dokumen keputusan oleh Kementerian Kewangan, perolehan itu.

Jadi nampak ketika itu, dokumen-dokumen itu dokumen rasmi, dokumen yang sah bukan olok-olok yang dimuatkan tandatangan Perdana Menteri.

Jadi saya mahu penjelasan adakah di sini Yang Berhormat ingin jelaskan bahawa sebenarnya dokumen itu dokumen palsu. Jadi dengan ini kita boleh gunakan kenyataan Yang Berhormat di Parlimen untuk membebaskan Saudara Rafizi Ramli jikalau beliau didakwa bawah Akta Rahsia Rasmi. Saya mohon. Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Pertamanya saya tidak tengok dokumen itu, pertamanya. Keduanya saya kena tengoklah untuk mengesahkan. Cuma yang saya tahu banyak dokumen-dokumen bukan semestinya betul. Ada yang palsu, jadi kita kena tengok dahulu dan saya selaku berpengalaman sedikit dalam pengendalian Jawatankuasa Perolehan ini, kita tidak buat macam itu. Kita tidak ada, kalau kita buat keputusan, kita buat keputusanlah. Apa yang nak tukar-tukar lagi.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Okey saya minta celahan sedikit lagi ya. Terima kasih. Tuan Pengerusi, terima kasih. Yang Berhormat, sebab itu dalam perbahasan tadi saya sebut ya. Kita mempunyai dokumen Laporan Halcrow tebal ya, Cuma kita baca ringkasannya muka surat tujuh dan lapan. Halcrow ini Yang Berhormat, syarikat Prasarana yang lantik. Syarikat Prasarana lantik. Muka surat 7 dan 8, pembida George Kent gagal dari aspek kewangan. Tidak mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh. Penilaian teknikal paling rendah 38.62.

Muka surat 14, pembida George Kent tidak memahami kehendak teknikal, terutama dari segi koordinasi dan integrasi dengan sistem sedia ada.

Muka surat 17 pembida George Kent tidak mampu meyakinkan perunding bahawa mereka mempunyai kepakaran menjalankan projek secara sistem sistematik.

Muka surat 24, pembida George Kent didapati tidak pernah mengendalikan projek besar apalagi berpengalaman dalam projek sebesar ini berbanding pembida lain hampir kesemuanya pernah menyiapkan projek bernilai RM1 bilion. Projek terbesar George Kent hanya bernilai RM40 juta.

Muka surat 24, pembida George Kent tidak pernah terlibat dalam projek melibatkan rel atau LRT.

Muka surat 64, pembida George Kent dirumuskan berada di tempat ketiga tercorot dari segi kemahiran dan pengalaman teknikal. Markah yang diperoleh lebih rendah dari purata keseluruhan pembida lain.

Muka surat 72, Halcrow merumuskan panel penilai tidak yakin George Kent boleh mengendalikan projek dengan jayanya. Ekoran daripada laporan ini Dato' Shaharil dari Syarikat Prasarana menulis kepada Kementerian Kewangan iaitu surat pada 12 Disember 2011, untuk memaklumkan hasil penilaian bidaan pada Jawatankuasa Perolehan Kementerian Kewangan yang dipengerusikan oleh Dato' Sri Mohd. Najib.

Kemudiannya Jawatankuasa inilah kemudiannya membuat satu keputusan bahawa yang menang itu ialah syarikat Belfour Beatty. Jadi ianya bukan satu persatu yang kita petik sahaja-sahaja. Kita berasas pada dokumen rasmi kementerian sendiri. Jadi itulah yang saya mohon Yang Berhormat, soal Yang Berhormat kata pengalaman kalau sudah buat keputusan tidak berubah itu, saya akui. Akan tetapi mempertikaikan dokumen rasmi ini, ini menimbulkan pertanyaan.

■1850

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Okey Yang Berhormat. Konsultan dia ada tugas dia. Jawatankuasa dia kena buat keputusan dan jawatankuasa akan mengambil segala pertimbangan. Saya tidak tahulah saya tidak tahu detil, sebab saya pun tidak ada dalam itu. Tetapi setahu saya, dia kena ambil semua pertimbangan dan apabila dia membuat keputusan dan kalau pun dia tidak ada kepakaran tetapi dia ada sub kontraktor *international player* yang boleh buat apa salahnya? Tidak ada masalah.

Kalau kita hendak semua hendak bagi kepada *international player,* sampai bila orang kita boleh buat kerja-kerja sebegitu, dia bagilah *team up.* Ini *nation building* Yang Berhormat, membangunkan sebuah negara yang aman damai, jadi kita kena ambil semua pertimbangan. Konsultan manalah dia tahu. Konsultan kalau boleh bagi semua *international player* lagi bagus dia.

Dato' Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Kenapa Syarikat Prasarana melantik dan membayar Halcrow untuk buat penilaian?

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Ya lah apa salahnya hendak bagi.

Dato' Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Kalau jawapan macam ini Yang Berhormat, buat apa konsultan kerja dia macam ini dia ada agenda lain. Jadi saya hendak tanya Syarikat Prasarana bayar Halcrow ini.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Ya. Yang Berhormat.

Dato' Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Jadi kalau penilaian dia tidak boleh pakai Yang Berhormat.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tidak apalah.

Dato' Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Yang Berhormat yang saya hendak sebut begini, apabila Jawatankuasa Perolehan Kementerian Kewangan telah buat keputusan, keputusannya adalah *Balfour Beatty* bukannya George Kent. Apa yang saya tanya macam mana boleh berubah kepada George Kent? Adakah Yang Berhormat tahu...

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Itu yang saya mempertikaikan, itu saya mempertikaikan kerana setahu saya bila keputusan kita buat kita tidak ubah-ubah. Itu saya mempertikaikan.

Dato' Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Saya boleh berkongsi semua dokumen yang kita ada pada Yang Berhormat.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Boleh.

Dato' Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: ...Dan George Kent ini, bila dapat dia kemudian menulis pada *Balfour Beatty* mempelawa *Balfour Beatty* sebagai sub kon dia, sebagai sub kon dia. Yang Berhormat ...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Buat apa jadi gitu itu, pelik itu. Bakpo pelik eh.

Dato' Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Buat apa bagi kepada George Kent, baik terus bagi terus kepada *Balfour Beatty.*

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tidak apa nanti hendak *share* dengan saya, boleh *share* lah.

Dato' Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Saya hendak *share* juga nanti, cuma saya hendak bagi tahu Yang Berhormat ialah yang saya tanyakan tadi adalah daripada Januari...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Buat apa jadi pelik?

Dato' Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Jawatankuasa Perolehan ini menganugerahkan projek kepada *Balfour Beatty,* episod berikutnya yang membawa kepada jawatankuasa ini berubah keputusan, apa yang membawa kepada keputusan itu berubah.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Itu yang saya pertikai kan. Apa Yang Berhormat hendak kongsi kan pandangan dengan saya itu bolehlah lepas ini, itu saya pertikai kan. Bagi saya apabila keputusan sudah dibuat adalah keputusan yang muktamad, hah itu. Jadi kita kongsi kan lah selepas ini.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Siapa buat keputusan itu?

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Yang Berhormat Jempol menimbulkan tabung...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Penjelasan, penjelasan, penjelasan.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Cukuplah, tidak payahlah itu.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Siapa buat keputusan itu?

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tidak payahlah, tidak payahlah. Banyak ini sudah maghrib ini. Kita sembahyang maghrib lepas ini.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Boleh, boleh.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tabung Bantuan Bencana Negara, Kumpulan Wang Amanah Pelaburan Pelajar Miskin, Tabung Bantuan Perubatan. Semua ini disokong penuh oleh Yang Berhormat Jempol, kita mengucapkan terima kasih kerana menyokong program-program membantu rakyat miskin.

Yang Berhormat Pasir Mas ada menimbulkan masalah peranan dan fungsi Bank Negara Malaysia memantau wang masuk. Ini juga banyak ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain. Memang pada kebiasaannya, Bank Negara membiarkan semua wang yang masuk keluar asalkan dia menepati keperluan dia ataupun *requirement* dia. Maknanya kalau hendak pinjam duit, pinjaman itu mesti dapat kelulusan. Kalau dia bawa balik *export proceed* tidak ada masalah. Kalau ada pelabur hendak bawa masuk duit daripada luar, pun tidak ada masalah asalkan dia menepati. Jadi bila dia buat sesuatu yang tidak menepati, maka Bank Negara akan menyiasat. Itu yang dibuat dan dalam kes...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Menteri, boleh tolong jawab tentang *Geneva Gold*, bolehkah?

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Wang apa?

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: *Geneva Malaysian*.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: *Geneva* belum sampai lagi.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Ya, malam ini akan dijawablah.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tunggu dahulu *Geneva* itu,

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: ...Takut nanti bertulis lagi.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: ...Akan sampai akan sampai, *Geneva* akan sampai. Ini SUARAM dahulu, kita ambil satu-satu dahulu.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: SUARAM lah dahulu. Betullah itu.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Bank Negara sebenarnya mempunyai akses kepada maklumat *audit trail,* dia ada semua. Cuma dibiarkan buat kalaulah ianya dengan tujuan-tujuan yang dibenarkan. Bila tujuan yang tidak dibenarkan maka Bank Negara akan mengambil tindakan. Di dalam kes ini, saya tahu ianya dibuat bukan sahaja oleh Bank Negara, ini oleh *task force*. Jadi ini yang dibuat, jadi soalnya apa tindakan. Saya rasa kita tunggu dan lihatlah apa tindakan yang akan diambil oleh mereka ini. Saya pun tidak boleh hendak kata sebab ini ada *task force,* jadi kita pun tidak terlibat dengan *task force* ini.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya sedikit. Semasa wang itu masuk kenapa Bank Negara tidak tahu langsung tidak mengawal benda ini?

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tahu, tahu.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Akan tetapi tidak ada tindakan diambil semasa itu selepas tiga tahun baru...

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Itulah Yang Berhormat, sebab itu saya kata kalau duit yang masuk ini menepati peraturan-peraturan, Bank Negara tidak ambil tindakan. Jadi apabila sudah ada laporan, bila sudah ada kebimbangan rakyat barulah dia melihat mengkaji. Ini kerana kalau tidak ialah macam sumbangan pun undang-undang kita pun saya rasa belum jelas lagi dari segi sumbangan duit ini. Jadi mungkin perlu satu undang-undang yang boleh memberi mendefinisikan apa yang harus kita buat dalam segi ...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Dalam kes ini apa tindakan telah diambil oleh Bank Negara?

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Bank Negara telah menyiasat telah ada semua audit *trail* dan telah bawa ke peringkat *task force*. Jadi tindakan *task force* ini yang dipimpin oleh AG lah, *task force* ini. Jadi kita sepatutnya tengok dan lihatlah. Sebenarnya *Geneva* ini adalah Skim Cepat Kaya. Minta maaflah kalau ada orang tidak senang. Dia macam ini apabila Bank Negara melihat skim ini, yang mula-mulanya dia buat melalui pembelian dan penjualan emas. Pada mulanya tidak begitu jelas tetapi akhir-akhirnya penjualan dan pembelian emas ini sudah bertukar.

Umpamanya sudah terdapat kes-kes di mana bila beli emas, emas itu lambat dia bagi, duit habis sudah. Apabila menjual emas pula, duit hendak bagi kepada dia lambat. Sudah ada unsur-unsur *deposit taking.* Dia bukan beli emas jual emas, *deposit taking.* Apa yang dibuat oleh Bank Negara apabila diperiksa, jumlah yang dilaburkan oleh rakyat begitu tinggi. Sekarang ini aset yang ada pada syarikat ini begitu kecil. Sudah ada satu *gap* di antara aset dan liabiliti.

Jadi kalau kita kata Bank Negara bayar balik, macam mana dia hendak bayar balik? Liabilitinya besar, berbilion-bilion. Asetnya sudah tinggal berpuluh juta sahaja lagi. Dari mana perginya duit. Ini ada yang bayar komisen, ada yang bawa keluar, ada yang bayar pulangan 2 peratus sebulan. Ini mana ada skim betul macam itu? Jadi sekarang kita tidak boleh hendak kata Bank Negara bayar balik. Mana dia hendak dapat duit? Duit sudah tidak ada, duit sudah tidak ada. Jadi kita jangan pula menyokong usaha-usaha yang orang-orang yang buat yang tidak betul ini, tidak boleh. Jangan kita rasa sebab kita rapat dengan rakyat maka kita hendak berjuang. Berjuang yang betul bolehlah. Akan tetapi kalau ada skim-skim macam ini tidak boleh. Jadi itu yang *Geneva*nya.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Ya.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Boleh tanya sedikit? Tuan Pengerusi, saya menerima jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana saya tidak terlibat. Tetapi saya ingin tanya, apakah sebabnya Bank Negara pada bulan Februari tahun ini sudah buat siasatan dan *clearance* diberi kepada Geneva meneruskan perniagaan.

■1900

Oleh sebab itu jika dari bulan Februari hingga semasa Bank Negara Malaysia bekukan perniagaannya atau dia punya emas atau wang, berapa ramai lagi orang terperangkap atau masuk lagi? Itu satu.

Keduanya saya hendak tanya dikatakan kerana liabilitinya begitu besar dan jika wang atau emas yang dibekukan itu tidak cukup untuk membayar liabiliti, adakah ini bermakna bahawa semua pelabur atau *depositor* hancur semua pelaburan atau wang itu semua akan hancur? Satu sen pun mereka tidak akan dapat? Ini kerana yang salah bukannya *depositor*, yang salah adalah syarikat itu... *[Dewan riuh]* Sebab itu salah laburlah? Oleh sebab itu saya hendak tahu dan ini perlu diumumkan kepada orang awam terutamanya kepada yang terlibat.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Yang Berhormat, pertamanya mungkin kalau saya tidak tahulah bila *exact date* yang Bank Negara Malaysia pergi periksa. Apa yang saya tahu perniagaan ini dibuat secara dua peringkat. Pertamanya dibuat peringkat pembelian dan penjualan emas. Belum ada lagi unsur-unsur *deposit taking*. Ini mungkin sebagai permulaan supaya lahir satu keyakinan. Bank Negara Malaysia pergi *check*. Okey, hendak beli atau jual emas tidak ada masalah. Akan tetapi selepas itu ada pula yang dua persen satu bulan. Ini sudah tidak betul.

Bagi saya kita tidak boleh kata bahawa pelabur tidak bersalah. Syarikat memang bersalah. Pelabur pun dia bersalah sebabnya dia buat pelaburan, dia menanggung risiko. Siapa beli saham dalam pasaran dia kena tanggung risiko, harga jatuh. Melabur ini yang suka sangat melabur ini bila dengar dua peratus sebulan ini. Cukup banyak orang kita ini. Mana ada skim yang boleh memberi pulangan yang begitu baik. *If it is too good to be true, it is not true,* dengan izin... *[Tepuk]*

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Saya setuju dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri katakan sebelum melabur kena berhati-hati, *it is good to be true,* tetapi adakah ini bermakna bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa dia merasmikan pun perlu berhati-hati? Jangan jadi pengaruh supaya orang terperangkap dalam skim ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tidak. Pada masa itu dia jual emas. Ini pengaruh juga yang di Kelantan, dinar emas, apalah, serupa jugalah. Saya sudah cakap dari dulu lagi dinar emas ini penipu. Dari dulu lagi saya cakap. Sekarang sudah habis. Tidak ada dah, KTClah, apalah. Senyap dinar emas Kelantan. Sekarang hendak buat lebuh raya rakyat pula... *[Ketawa]*

Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih. Saya dimaklumkan oleh beberapa orang berkenaan dengan pelaburan ini. Dia kata sebelum diserbu oleh Bank Negara Malaysia, mereka mendapat pulangan. Apabila Bank Negara Malaysia campur tangan terus mereka tidak mendapat pulangan seolah-olahnya bahawa akibat campur tangan daripada Bank Negara Malaysia inilah menyebabkan mereka hilang pelaburan.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Itu betullah sebab sebelum Bank Negara Malaysia pergi *raid* dia guna deposit baru untuk beri pulangan. Ini Pak Man punya staillah. Jadi dia hendak pendeposit baru dia bagilah orang. Lama-lama dia akan *collapse*. Siapa lagi hendak datang. Jadi Bank Negara Malaysia fikir adakah Bank Negara Malaysia ini hendak berhenti atau hendak biarkan berterusan semata-mata kerana ada orang yang mendapat pulangan atau mengambil keputusan untuk mengawal sebelum ianya menjadi lebih besar?... *[Disampuk]* Itulah.

Jadi soalnya apa hendak buat sekarang? Kita biar Bank Negara Malaysia *check* dahululah berapa liabiliti, berapa aset yang ada dan apa cadangannya, macam mana. Akan tetapi kalau hendak harapkan Bank Negara Malaysia hendak ganti, saya rasa susah. Berbilion-bilion itu.

Okey Yang Berhormat, saya hendak sebut yang ramai Ahli Yang Berhormat membawa isu IWK termasuklah Yang Berhormat Batu Gajah. IWK ini memang *structural problem*. Saya terimalah yang mana masalah, masalah. Yang Berhormat Machangkah yang dia kata apa masalahnya? Masalahnya mudah sahaja. Dia caj pengguna RM2 dan RM8 ini tidak cukup hendak menanggung kosnya RM23 satu unit. Dia hendak caj RM23 kerajaan tidak bagi kerana rakyat bising. Rakyat kata mahal. Itu pertama. Jadi macam mana? *Business* modelnya tidak boleh jalan. Kos RM23 tetapi cajnya RM2, RM8 sebab itu subsidi tiap-tiap tahun RM200 juta.

Keduanya, rakyat pun tidak hendak bayar. Hutang yang rakyat tidak bayar RM400 juta. Oleh sebab itu dia ada *cash flow*. Jadi Yang Berhormat kata tadi sebab apa dia lambat hendak bayar TNB, mana dia ada duit. Rakyat tidak bayar dia. *It has structural problem*. Saya bukan hendak katakan *there is no problem. It is structural problem.* Memang ini akan berterusan sebab itu kementerian akan menyusun semula pembetungan ini dan saya rasa sesuatu yang patut dibuat secepat mungkin.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Yang Berhormat Timbalan Menteri hanya celah sedikit. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri kata ini akan berterusan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri cadangkan untuk kembalikan pembetungan ini kepada PBT? Adakah ini satu penyelesaian? Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Ini bukan penyelesaian, PBT. Ini masalah air, masalah kutipan sampah. Ini model yang samalah. Dulu PBT. PBT pun tidak mampu. Mana ada PBT yang boleh bayar. Hendak kutip berapa banyak sangat. *So it has to be* satu model.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, di seluruh dunia tidak ada Kerajaan Pusat menangani isu pembetungan. Ini sebenarnya isu Kerajaan Tempatan. Adakah kerajaan bersedia untuk berfikir *blue ocean* ataupun *think out of the box* untuk kembalikan kuasa-kuasa ini kepada PBT?

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Ya, itu mungkin satu pendekatan barulah. Biar kementerian tengok. Apa yang pastinya model ini tidak berjalan. Tidak boleh ke hadapan. Yang Berhormat Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat kata itu *structural problem*, kata caj yang rendah, orang ramai tidak bayar yang mengakibatkan mereka tiada kutipan. Jadi tidak boleh melaksanakan tugas mereka, tidak boleh bayar kos elektrik tetapi bersediakah kerajaan mengaku? Ini adalah satu keputusan penswastaan sistem pembetungan yang silap yang telah diputuskan, dijalankan oleh pihak kerajaan. Menswastakan sistem pembetungan di mana menimbulkan kemarahan orang ramai sebab sebelum ini mereka membayarnya melalui cukai pintu. Sekarang ini datang satu bil di mana setiap bulan mereka kena bayar tambahan.

Jadi saya akan menyokong usaha penyusunan semula agar tiada bebanan kewangan tetapi masalahnya saya tidak bersetuju kalau orang ramai dikenakan kenaikan tarif pembetungan tersebut. Ini sebab kerajaan harus tanggung kesilapan besar yang dilaksanakan ini. Jadi saya hendak bertanya bilakah penyusunan ini akan dilakukan sebab kalau kita tengok pada tahun 2001 hingga tahun 2011, sudah RM1.32 bilion subsidi kepada Indah Water Konsortium ini. Mohon penjelasan.

■1910

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Ya, kementerian telah memberi jaminan untuk membuat penstrukturan semula dan kita harap saya tidak boleh hendak kata. Ini kementerian yang lain, Kementerian Teknologi Hijau, Tenaga dan Air. Jadi, saya rasa ini merupakan sesuatu yang perlu disegerakanlah. Yang lain bertulis, banyak sangat. Okeylah, saya ucap terima kasihlah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tidak boleh Tuan Pengerusi. Kami tunggu di sini, sekurang-kurangnya jawab Ahli yang ada di sini.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ini *bakpo* jadi *gini?*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya, isu kronik.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Yang Berhormat, kami tunggu di sini. Kalau tidak, tidaklah kami buang masa.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Dahulukan Ahli yang ada di sini jawapannya.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ini *bakpo* jadi *gini?* Okey.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Pengerusi, Menteri demam, kasihan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ini *bakpo* jadi *gini?*

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Hendak balik, baliklah.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Maghrib dah ini.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *Bakpo* jadi *gini* hari ini?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Boleh habiskan jawapan kepada Yang Berhormat Batu Gajah, isu berkenaan dengan pembaziran, perolehan. Penemuan Laporan Audit tersebut oleh kastam, berjuta-juta tersebut?

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Okey, boleh jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, perbahasan kadang-kadang ada yang temberang, ada yang bohong, putar belit dan sebagainya. Jadi, kalau kita jawab benda-benda macam itu buang masa sahaja. Bertulis sahajalah. Ambil contoh...

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tidak mengapalah. Saya jawab sahajalah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Sri Gading, tak nak jalankan tanggungjawab, dia boleh balik. Kami sudi tunggu sini sebab kami hendak jalankan tanggungjawab kita. Jabatan Kastam, penemuan Laporan Audit ini melaporkan penemuan pembaziran.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Duduklah, duduk Yang Berhormat. Saya hendak jawab kastam.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya, terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Kastam memang berlaku boleh dikatakan ketidak pematuhan prosedur kewangan dan dia telah berhenti, telah meletak jawatan. Apabila Audit mengenal pasti masalah ini, maka pihak kastam telah membuat aduan polis dan ini akan dibuat. Tindakan akan diambil. Siapa yang mahu melindungi seseorang jika dia bersalah? Ini kita biarkanlah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya langsung tidak puas hati sebab Yang Berhormat kata akan buat laporan polis.

Ini tidak payah Yang Berhormat beritahu ini laporan sini sudah nyatakan maklum balas dari jabatan ialah bahawa laporan polis telah dibuat tetapi saya hendak tahu mengapa ini boleh berlaku? Bukankah pihak kementerian ini sepatutnya yang jadi pimpinan Kementerian Kewangan?

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Yang Berhormat...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kalau Laporan Audit tidak mengambil program, perolehan ini, untuk membuat pengauditan, saya rasa tidak ada khabar tindakan akan diambil.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tidak mengapalah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya hendak tahu apa tindakan akan di - sana diam ya.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Yang Berhormat...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya hendak tahu apa tindakan akan diambil. Jangan kata akan, akan, akan. Bagi satu jawapan... *[Dewan riuh]* Apa masalah Tuan Pengerusi, saya pohon mereka hormati saya.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Duduklah, duduk Yang Berhormat. Duduklah... *[Dewan riuh]*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini saya jalankan tugas saya.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Duduklah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kalau sana tidak minat, dia boleh balik.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sendirilah. Jangan buat bising macam ini... *[Dewan riuh]*

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Okey, Yang Berhormat Bukit Mertajam. Yang Berhormat, kesalahan telah dikenal pasti, tindakan telah diambil. Yang Berhormat hendak cadang apa, Yang Berhormat cadangkanlah tindakan macam mana.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Apa tindakan? Beritahu laporan polis, tunggu pihak polis siasat, itu sahaja?

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Laporan polis sudah dibuat. Apa ini?... *[Dewan riuh]*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Perkara sedemikian sebenarnya tidak boleh berlaku di bawah kementerian Yang Berhormat.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Okeylah Yang Berhormat. Saya ucapkan terima kasihlah kepada semua. Terima kasih, *wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ini *bakpo* ini?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini tidak bolehlah, kita tidak setuju. Kita tunggu satu hari untuk mendapat jawapan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Menteri tidak jawab lagi soalan-soalan yang timbul.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tidak bolehlah ini macam.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Bukan dia tidak jawab. Dia akan menjawab secara bertulis Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Mana boleh lagu ini?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Pengerusi, sekiranya ada orang ada tugas yang lain, mereka boleh tinggalkan Dewan. Kita janji tidak panggil kuorum.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Menteri merajuk Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah habis Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Akan tetapi saya rasa ini terlalu tidak bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri telah menjawab selama 1 jam 20 minit Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Apa maksud ini? Bahawa kita ada di sini untuk tunggu sampai malam seperti ini...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tuan Pengerusi...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri tidak berapa sihat kan?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi, saya rasa tidak patutlah buat macam ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah bergaduh dengan Tuan Pengerusi.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Pembangkang pun tidak hormat dengan Menteri. Tunggulah Menteri bagi jawapan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri tidak berapa sihat, cakap saja. Betul.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya punya soalan ada tiga isu. Tidak dijawab.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tuan Pengerusi...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Dijawab secara bertulis Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat berjanji kata hendak jawab bertulis. Kita boleh pakai jawapan tetapi Menteri yang jawab dua hari lepas pun hendak bertulis, sampai sekarang pun tidak jawab.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Kasihanlah Yang Berhormat Menteri tidak berapa sihat ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak mengapalah. Dia jawab secara bertulis Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Macam mana kita hendak boleh terima yang dia kata hendak jawab secara bertulis.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Macam mana? Bolehkah kita tanya Timbalan Menteri, macam mana?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak mengapalah.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Pengerusi, kasihan Yang Berhormat Timbalan Menteri demam.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ini *bakpo* jadi lagu ini? *Tak sudoh, demo* nak *kelik, bakpo?*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat sebentar Yang Berhormat. Duduk... *[Dewan riuh]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sudahlah, Menteri sudah menjawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *Bakpo?*

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: *Takpolah, nok kelik doh* ni.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri sudah katakan akan menjawab secara bertulis. Dalam rekod, Yang Berhormat telah pun menjawab selama 1 jam 20 minit, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *Dok bulih*lah lagu ini, *sokmo-sokmo* jawab *belako,* kan. Tak *dok*.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bukan isu berapa lama dia jawab.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Walaupun tidak sihat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Pengerusi...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Lagu *mano gini?*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kita duduk tunggu sini lima jam untuk kacau-kacau sahaja, untuk tunggu jawapan dia saja. Mana boleh macam ini?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Kita tunggu, kita tidak kacau.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, satu jam. Semua tunggu. Ahli Yang Berhormat...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kita tidak setuju.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mana boleh, saya sudah tahu itu bulan Mei.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat. Tidak payah bergaduh dengan Tuan Pengerusi Yang Berhormat, tidak payah bergaduh.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Soalan saya langsung tidak jawab, tidak ada, tidak jawab langsung.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tidak jawab langsung.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tak ada belum, belum.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Nanti, nanti Tuan Pengerusi. Bilakah boleh kita dapat janji Timbalan Menteri, bilakah kita boleh dapat jawapan Menteri? Esok hari boleh tak?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Pengerusi, bilakah boleh dapat jawapan bertulis, esok hari boleh tak?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tak ada, sekarang ini sekurang-sekurangnya...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya baik, secepat mungkin.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bolehkah kita dapat esok pagi?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak mengapalah, akan dijawab secepat mungkin Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Bila?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *No, no*. Bolehkah esok pagi?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tidak boleh jawablah Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Bila?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tak kan ini macam?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah, Yang Berhormat cukup.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Peraturan Mesyuarat 68. Tak ada sudahlah, balik sahajalah, tidak mahu bahas sudah, kacau orang saja. *Kawe* nak suruh jawab *jo, buke nok* suruh *wat gapo. Bakpo* jadi lagu ni, *sekalo tok gini*.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Indera Mahkota.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jawapan bertulis jawapan juga.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri, jangan merajuklah. Jawablah Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jangan merajuklah, jawablah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jawapan ada, kena terimalah. Menteri tak takut menjawab, dia hendak jawab bertulis. Kita terima, itu perkara biasalah dalam Parlimen.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]: Yang Berhormat Batu Gajah, Menteri jawab tak nak terima.

Seorang Ahli: Bagi *date*.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *Comel* Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah, cukup Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat duduk.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tidak adillah Tuan Pengerusi, sedemikian.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tak boleh macam ini Tuan Pengerusi, mana boleh.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Tuan Pengerusi, teruskan Tuan Pengerusi.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini seolah-olahnya...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Mana boleh. Ini perbelanjaan bawah kementerian paling besar sekali, RM42 bilion. Mana boleh macam ini.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Timbalan Menteri hendak menunjukkan bahawa beliau boleh kawal, bila dia hendak habis, bila dia hendak sambung atau dia tidak suka hati, dia *emotional*, dia tidak mahu jawab, macam mana?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat. Menteri sudah beritahu akan dijawab secara bertulis, terimalah itu.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tidak. Saya minta Menteri jelaskan perkara paling besar sekali...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Isunya bila Tuan Pengerusi...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Menteri jawablah, kita boleh *debate* kat sini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya juga katakan bahawa Menteri akan menjawab secepat yang mungkin, secara bertulis. Sudahlah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Esok boleh, esok pagi?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sudahlah. Ya, tak apa.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Pengalaman dulu, kalau tidak jawab, sampai sudahlah tidak jawab!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, jalankan tugas Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi ada kuasa.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, hendak bacalah ini Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ya, gunalah kuasa! Ada kuasa, gunalah kuasa sesuka hati!

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Bukan, Tuan Pengerusi suruh jawab. Menteri kena jawab.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ini kementerian paling besar sekali peruntukan dia, macam mana boleh buat begini.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini sangat *arrogant*.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Sudahlah. Tak ada, bukan. Tidak ada, bukan. Ini melanggar peraturan.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Bisinglah apa guna?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Melanggar peraturan, tidak ada. Langgar peraturan. Tidak ada.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *These are arrogant of majority*.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Betul.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Kita mencemarkan institusi Parlimen, silakan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Peraturan Mesyuarat 68 yang saya tanya tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Macam mana boleh cukup?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Soalnya soal jawapan Yang Berhormat dan Menteri sudah bagi kepastian akan menjawab secara bertulis. *What is the issue?*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *Ask him to give a date, tomorrow or*...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, teruskan sahaja. Pedulikan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Isunya, jawapan bertulis tidak pernah dapat pun. Jawapan bertulis, tidak pernah dapat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Biasalah jawapan bertulis.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, isunya sebenarnya, kena jawab di sini. Itu isunya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tak apa Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri, bila boleh bagi jawapan bertulis?

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Secepat mungkin.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukuplah *[Ketawa]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Pengerusi...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Soalan yang kena jawab bertulis, saya tidak pernah dapat pun! Tidak pernah dapat, *never!*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya dapat jawapan bertulis.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sebenarnya Tuan Pengerusi, kita boleh dapat jawapan di sini. Bukan 11, bukan 12.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Saya hendak maklumkan, jawapan bertulis tidak pernah saya dapat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat mengganggu! Jangan ganggu perjalanan Mesyuarat! Cukuplah!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini apa perjalanan ini?

Dato' Lilah Yasin [Jempol]: Cuti esok.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Duduklah Yang Berhormat Indera Mahkota... *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tak. Saya minta Yang Berhormat, kali ini Yang Berhormat, saya minta agar jawapan bertulis dikemukakan secepat mungkin.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Pengerusi, *it is easy to settle this, just* minta Menteri bagi tarikh. Esok ataupun lusa atau bila?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah, dah cakap dah, secepat mungkin. Jangan buat macam itu Yang Berhormat!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jangan pedulilah!

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Secepat mungkin tidak boleh pakai.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh buat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tidak boleh pakai secepat mungkin ini.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Saya hendak maklumkan, selama hari ini jawapan bertulis saya tidak pernah sekalipun terima.

Dato' Lilah Yasin [Jempol]: Kita dapat!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita dapat jawapan!

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Yang Berhormat Lipis dapat!

Dato' Lilah Yasin [Jempol]: Kita dapat jawapan!

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Bohonglah! Bohong! Bohong! Bohong!... *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Dapat? Dapat?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jawapan bertulis, soalan bertulis belum dapat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Saya tidak pernah dapat jawapan bertulis.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Bisinglah.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tidak pernah dapat jawapan, tidak pernah dapat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *You make a mockery of this process* lah.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tidak pernah dapat. Saya tidak pernah dapat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Apa Menteri ini, tidak boleh jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM2,985,095,000 untuk Maksud B.10; RM32,689,221,000 untuk Maksud B.11 dan RM2,911,350,000 untuk Maksud B.12 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM2,985,095,000 untuk Maksud B.10; RM32,689,221,000 untuk Maksud B.11 dan RM2,911,350,000 untuk Maksud B.12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,780,445,900 untuk Maksud P.10 dan RM2,000,000,000 untuk Maksud P.70 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2013 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM1,780,445,900 untuk Maksud P.10 dan RM2,000,000,000 untuk Maksud P.70 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2013]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga jam 10 pagi, hari Rabu, 24 Oktober 2012.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.20 malam]